

ISLAH DIRI & ORGANISASI

PENULISAN KES PENGURUSAN

Editor

Nor Hasimah binti Hashim



INSTITUT AMINUDDIN BAKI

INSTITUT AMINUDDIN BAKI

ISLAH DIRI & ORGANISASI

PENULISAN KES PENGURUSAN

Editor

Nor Hasimah binti Hashim



Institut Aminudin Baki
Kementerian Pendidikan Malaysia
Sri Layang, 69000 Genting Highlands
Pahang Darul Makmur

Diterbitkan oleh
Jabatan Penerbitan dan Dokumentasi
Pusat Dokumentasi dan Sumber Pendidikan
Institut Aminuddin Baki
Kementerian Pendidikan Malaysia
Sri Layang, 69000 Genting Highlands
Pahang Darul Makmur
Telefon: 03-61056100; Faksimile: 03-61056299
<http://www.iab.edu.my>
iab@iab.edu.my

Hak cipta terpelihara © 2013 Institut Aminuddin Baki

Sebarang bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah, Institut Aminuddin Baki terlebih dahulu.

Semua kes ini ialah himpunan kes hasil Kursus Penulisan Kes Pengurusan dan Kepemimpinan Pendidikan sepanjang tahun 2011-2012 anjuran Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia, Sri Layang, 69000 Genting Highlands, Pahang Darul Makmur. Semua watak yang terdapat dalam kes ini berdasarkan kisah benar tetapi telah diubah suai untuk tujuan penulisan. Cetakan 2013

ISBN

ISBN 978-967-0504-08-7



Pengurus Penerbitan
Nor Hasimah binti Hashim

Reka Bentuk & Reka Letak Halaman
Perniagaan Rita Sdn. Bhd.

Pencetak
Perniagaan Rita Sdn. Bhd.
No. 12 & 14 Jalan 12/10,
Taman Koperasi Polis Fasa 1,
68100 Kuala Lumpur.
Tel: 603-61882646 Faks: 603-61889129
E-mel: percetakanrita@gmail.com

JAWATANKUASA PENERBITAN
PENULISAN KES PENGURUSAN: ISLAH DIRI DAN ORGANISASI

PENAUNG

Dato' Haji Khairil bin Haji Awang
Pengarah
Institut Aminuddin Baki
Kementerian Pendidikan Malaysia

PENASIHAT

Dr. Zainab binti Hussin
Timbalan Pengarah Khidmat Profesional

En. Mazlan bin Samsudin
Timbalan Pengarah Khidmat Latihan

Abdul Razak bin Abdul Rahim
Ketua Pusat Dokumentasi dan Sumber Pendidikan

Nor Ishsan binti Abdul Razak
Ketua Jabatan Penerbitan dan Dokumentasi

Editor

Nor Hasimah binti Hashim

Sidang Editor

Aziah binti Samichan
Faridah binti Mahmood
Sa'adiah binti Shuib
Haninah binti Salim
Raja Ibrahim bin Raja Midin
Anuar bin Ibrahim

PENYUMBANG PENULISAN KES PENGURUSAN

ASIAH BINTI YAACOB KHAN

KHALIJAH BINTI SIRAT

MOHD ZAKI BIN AMBAK

MOHD ZAIDI BIN BASIR

MUHAMAD BIN AMIN

KANDUNGAN

Dari Meja Editor	vii
Jawatankuasa Penerbitan	iii
Penyumbang Penulisan Kes Pengurusan	iv

BAHAGIAN I: KES-KES PENGURUSAN DAN KEPEMIMPINAN

	Muka surat
Kes 1: Keliru	3
Kes 2: Hinakah Aku?	11
Kes 3: Di manakah keadilan?	23
Kes 4: Gerimis mengundang	33
Kes 5: Nak pergi sekolah ke tak nak?	47
Kes 6: Kuli, Ulam dan Lauk	55
Kes 7: Kes Polis lagi!	65
Kes 8: Anak saya tidak bersalah!	73
Kes 9: Mana <i>hand phone</i> anak saya?	85

BAHAGIAN II: PANDUAN MEMIMPIN KES

	Muka surat
Kes 1: Keliru	93
Kes 2: Hinakah Aku?	95
Kes 3: Di manakah keadilan?	97
Kes 4: Gerimis mengundang	101
Kes 5: Nak pergi sekolah ke tak nak?	105
Kes 6: Kuli, Ulam dan Lauk	109
Kes 7: Kes Polis lagi!	113
Kes 8: Anak saya tidak bersalah!	117
Kes 9: Mana <i>hand phone</i> anak saya?	121

RUJUKAN



Dari Meja Editor


Penggunaan kes pengurusan dan kepimpinan sebagai salah satu kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran andragogi telah pun bermula dalam bidang perubatan, perundangan dan *Harvard Business School* lagi. Namun, kaedah berasaskan kes pengurusan dan kepimpinan ini boleh dikatakan masih belum meluas dalam konteks bidang reka bentuk instruksional dalam memahami isu gelagat organisasi dan merungkai permasalahan pendidikan secara kreatif dan inovatif. Kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam konteks sebelum ini dianggap sebagai keberkesanan berkomunikasi. Ini bermakna lebih kerap para pendidik berinteraksi, lebih berkesan pengajaran dan pembelajaran tersebut. Kini, sifat penggunaan kes pengurusan dan kepimpinan yang menggunakan pemikiran reflektif (*Reflective Practitioner*) dan berasaskan pengalaman (*Experiential Learning*) membuatkan kaedah kes pengurusan ini amat sesuai untuk latihan di peringkat pengajian tinggi dan andragogi dalam usaha menterjemah konsep ke dalam model pengurusan dan kepimpinan pendidikan.

Islah Diri dan Organisasi dipilih sebagai tema keluaran buku kes pengurusan ini memfokus kepada kaedah menangani dilema pengurusan diri dan organisasi dalam pendidikan. Buku ini menjelaskan kepentingan memahami isu individu dan organisasi dengan merungkai permasalahan dan menaakul konsep pengurusan dan kepimpinan secara realistik dengan penggunaan kes-kes yang autentik. Hal ini perlu untuk membangunkan kemahiran *decontextualised* melalui kaedah analisis kes dengan lebih mendalam dan meluas dalam menjana ilmu pengetahuan mengenai pengurusan dan kepimpinan secara lebih bermakna.

Kes pengurusan dan kepimpinan merupakan satu perjalanan paradigmatik dalam usaha menyelesaikan isu dan permasalahan yang berkaitan. Sejauh mana sesuatu kes pengurusan ini dapat dipraktikkan bergantung kepada kreativiti dan inovasi para pendidik

dalam menaakul, mencerakin dan menelah aktiviti yang teruja diguna pakai secara kognitif dalam konteks sosial. Hal ini menjelaskan bahawa tiada satu cara penyelesaian sahaja boleh digunakan dalam penyelesaian masalah. Oleh itu, kes pengurusan dan kepemimpinan ini amat sesuai untuk digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran andragogi apabila isu dan permasalahan dan yang dikemukakan dalam sesuatu kes pengurusan tersebut menemukan tema-tema serta ilmu-ilmu baharu tentang pengurusan dan kepemimpinan pendidikan. Kes-kes yang digarap ini diharap bakal mencelik minda dan *welstan'chaaung* kepada para pembaca amnya dan pendidik khususnya.

Buku kes pengurusan ini dibahagikan kepada dua bahagian. **Bahagian I** mengandungi sembilan kes pengurusan dan kepemimpinan dalam konteks pendidikan. Tajuk kes pengurusan dan kepemimpinan ini disusun mengikut matriks kes pengurusan seiring dengan enam domain kepakaran yang diutarakan dalam Kompetensi Pemimpin Sekolah Malaysia (KOMPAS) yang dibangunkan Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia termasuklah dasar dan hala tuju, instruksional dan pencapaian, menangani perubahan, kreativiti dan inovasi, sumber dan operasi dan hubungan sesama manusia.



Rajah 1: Domain Kompetensi Pemimpin Sekolah Malaysia (KOMPAS)

Bahagian II menjelaskan cara penggunaan kes pengurusan dan kepimpinan melalui memimpin kes secara strategik dan analitikal dan dipersembahkan mengikut urutan yang menggalakkan interaksi pembelajaran secara aktif lalu diperkukuhkan dengan penulisan penilaian secara pemikiran reflektif yang berasaskan pengalaman sendiri. Pengalaman ini amat bermakna jika dicerakin dalam konteks tertentu secara konsisten.

Sebagai *intiha*, buku ini mengutarakan pelbagai kes pengurusan dan kepimpinan yang melibatkan aktiviti metakognitif dan realistik. Oleh itu, kes pengurusan menuntut pengamal komuniti untuk menghubungkan kemahiran pengajaran yang terpisah-pisah kepada konteks yang berkesinambungan (*apprenticeship*). Diharapkan buku penulisan kes pengurusan ini akan dapat dioptimumkan sepenuhnya sebagai bahan sokongan pembelajaran bagi melatih dan mengembangkan bakat lebih ramai lagi peserta yang berpotensi dalam bidang pengurusan dan kepimpinan.

MATRIKS PENULISAN KES PENGURUSAN

Matriks ini bertujuan untuk memberi panduan mengenai permasalahan yang hendak diutarakan dalam kes pengurusan berkaitan seiring dengan domain pengurusan dan kepimpinan dalam memberi pengalaman pengajaran dan pembelajaran untuk domain tersebut.

Bil	Kategori Kes Tajuk Kes	Domain Pengurusan dan Kepimpinan					
		Dasar dan HalaTuju	Instruksional & Pencapaian	Menangani Perubahan	Hubungan Sesama Manusia	Pembangunan Individu	Sumber & Operasi
1.	Keliru	/	/	/		/	
2.	Hinakah Aku?				/	/	
3.	Di manakah keadilan?	/	/		/	/	
4.	Gerimis mengundang	/	/		/	/	
5.	Nak pergi sekolah ke tak nak?		/	/	/	/	
6.	Kuli, Ulam dan Lauk		/	/	/	/	
7.	Kes Polis lagi!	/	/	/	/	/	
8.	Anak saya tidak bersalah!	/	/	/			
9.	Mana <i>hand phone</i> anak saya?	/	/	/			

BAHAGIAN I

KES-KES PENGURUSAN DAN KEPEMIMPINAN



Kes 1 Keliru

S MK Sri Bayu ialah sebuah sekolah menengah harian yang terletak di luar bandar. Pelajar sekolah tersebut datang daripada keluarga sederhana. Kebanyakan ibu bapa mereka bekerja sebagai nelayan. Pencapaian akademik juga berada pada tahap sederhana. Dalam mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Pengetua sekolah telah mengambil persetujuan pihak waris agar memberi kerjasama bagi meningkatkan prestasi akademik pelajar.

Pada awal tahun, Cikgu Amin telah ditempatkan di sekolah tersebut sebagai guru Sejarah. Beliau telah dipilih oleh Pengetua untuk mengajar kelas tingkatan lima berdasarkan pengalamannya mengajar mata pelajaran Sejarah.

Kes bermula apabila En. Ismail bin Ariff, Pegawai Pendidikan Daerah (PPD), telah datang ke sekolah untuk menyiasat suatu aduan daripada pihak waris yang tidak berpuas hati dengan pihak sekolah yang membiarkan kelas Sejarah sering kosong kerana ketiadaan guru mengajar. En. Ismail meminta fail berkenaan daripada pihak sekolah untuk disemak.

Pada jam 7.15 pagi berikutnya, Pegawai Pendidikan Daerah telah pun berada di bilik Pengetua.

- En. Ismail: Selamat pagi, puan.
- Pn. Arasu: Selamat pagi. Selamat datang, tuan. Sila duduk. Ada hal apa tuan datang pada awal pagi ini?
- En. Ismail: Saya mendapat aduan daripada pihak waris tentang seorang guru Sejarah tingkatan lima yang sering tidak masuk ke kelas anaknya.
- Pn. Arasu: Maaf, tuan. Boleh saya tahu siapakah guru yang dimaksudkan itu?
- En. Ismail: Cikgu Amin bin Samad. Mengapa puan tidak menyedari perkara ini?
- Pn. Arasu: Saya mohon maaf, tuan. Dalam pengetahuan saya, Cikgu Amin ialah seorang guru yang berpengalaman dan tiada masalah disiplin. Beginilah, saya akan selidik dan bincangkan perkara ini dengan Guru Penolong Kanan saya. Saya berjanji akan mengambil tindakan segera untuk mengatasi perkara ini bersama-sama pihak pengurusan saya.

Keliru

- En. Ismail: Baiklah. Saya berharap pihak sekolah dapat menyelesaikan masalah ini dengan segera kerana kegagalan guru tersebut menjalankan tugas akan memberi implikasi yang besar dalam mata pelajaran Sejarah khususnya, dan prestasi SPM sekolah puan amnya.
- Pn. Arasu: Ya. Saya faham, tuan. Terima kasih atas maklumat tersebut. Saya akan cuba usahakan secepat mungkin.

Selepas kepulangan pihak En. Ismail bin Ariff, Pn. Arasu terus memaklumkan kepada pihak pengurusan sekolah untuk mengadakan mesyuarat mengejut. Pengetua memaklumkan mengenai surat aduan yang diberikan oleh En. Ismail kepadanya. Hasil perbincangan tersebut mendapati bahawa dua bulan yang lalu Cikgu Amin sering masuk ke kelas pada awal pagi sehingga Guru Penolong Kanan Pentadbiran terpaksa membuat jadual ganti. Dia juga sering keletihan apabila berada di sekolah. Bahkan semenjak dua bulan lalu, dia lewat sampai ke sekolah. Kesannya turut dirasai oleh guru-guru *relief* yang menzahirkan rasa tidak puas hati apabila diberikan jadual ganti terlalu kerap untuk mengganti kelas-kelas Cikgu Amin ketika beliau tidak hadir. Pelajar-pelajar juga ketinggalan mata pelajaran Sejarah berbanding dengan kelas-kelas yang diajar oleh guru-guru lain. Ibu bapa turut bimbang sekiranya keadaan tersebut berlarutan memandangkan anak-anak mereka akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun tersebut.

Pertemuan Pn. Arasu dengan Cikgu Amin bin Samad di bilik guru.

- Pn. Arasu: Cikgu, ada perkara mustahak yang hendak saya bincangkan dengan cikgu. Boleh ikut saya ke bilik saya? (Cikgu Amin mengekori Pn. Arasu ke biliknya.) Sila duduk, cikgu. Begini, saya mendapat aduan bahawa cikgu sering lewat datang ke sekolah semenjak dua bulan lalu.
- Cikgu Amin: Saya mohon maaf, puan.
- Pn. Arasu: Cikgu juga tidak bersemangat mengajar seperti dahulu.
- Cikgu Amin: Saya baru berpindah rumah, puan. Dahulu saya tinggal berhampiran sekolah tetapi semenjak dua bulan lalu, ibu saya sakit terlantar di rumah dan tiada orang lain yang dapat menjaga ibu saya sekarang kecuali saya sahaja.
- Pn. Arasu: Adakah cikgu memaklumkan hal ini kepada pihak sekolah?
- Cikgu Amin: Tidak.
- Pn. Arasu: Kenapa?

- Cikgu Amin: Kerana saya yakin sebelum ini saya mampu berulang-alik dari rumah ke sekolah.
- Pn. Arasu: Tahukah cikgu bahawa perbuatan cikgu telah menyebabkan pelajar-pelajar ketinggalan dalam pelajaran?
- Cikgu Amin: Tidak tahu, puan.
- Pn. Arasu: Adakah cikgu menyediakan bahan untuk digunakan oleh guru ganti?
- Cikgu Amin: Maaf, puan. Saya juga tidak sempat menyediakan bahan pengajaran.
- Pn. Arasu: Semalam pihak PPD telah datang membawa aduan daripada waris pelajar daripada kelas cikgu yang menyatakan bahawa waris cikgu tidak masuk kelas. Sebagai penjawat awam, perbuatan cikgu ini akan mencemarkan nama baik sekolah kita di daerah ini. Tambahan pula pelajar-pelajar tersebut bakal menduduki SPM dalam tempoh dua bulan saja lagi. Hal ini jika tidak diselesaikan akan menjejaskan masa depan pelajar kita. Bagaimana kita hendak selesaikan masalah ini?
- Cikgu Amin: Saya minta maaf sekiranya saya secara tidak sengaja telah melakukan kesilapan. Saya berjanji akan cuba usahakan untuk datang awal dan mengajar sebaik mungkin.
- Pn. Arasu: Baiklah. Cikgu mesti berjanji dengan saya dan berazam untuk berkhidmat lebih gigih mulai hari ini.
- Cikgu Amin: Terima kasih, puan. Saya mohon beredar dahulu.

Pengetua berasa sangat bimbang apabila memikirkan hal ini. Bagaimanakah harus beliau perelaskan kepada En. Ismail, Pegawai Pendidikan Daerah dan berdepan dengan waris pelajar di samping mengatasi rungutan guru-guru yang terpaksa mengganti kelas Cikgu Amin?

Keliru

LAMPIRAN 1

PROFIL SEKOLAH

Nama Sekolah: SMK Sri Bayu
Lokasi Sekolah: Luar Bandar
Enrolmen Murid: 800 orang
Guru: 75 orang
Staf Sokongan: 18 orang
Sesi Persekolahan: Satu sesi

PROFIL PENGETUA

Nama Penuh: ARASU A/P MOORTHY
Umur: 46 tahun
Gred Jawatan: DG 48
Kelulusan Akademik: Sarjana Muda Sains (Fizik)
Master Pendidikan (Pendidikan Moral dan Sejarah)

Maklumat

- Perkhidmatan:**
1. Mula berkhidmat sebagai guru pada tahun 1990 sebagai guru Sejarah dan Pendidikan Moral. Mengetuai Pasukan Pemeriksa Kertas Sejarah sejak 1992 hingga kini. Pernah menjadi urus setia pembinaan soalan mata pelajaran Pendidikan Moral peringkat negeri kepada Jabatan Pendidikan Negeri.
 2. Dianugerahkan Perkhidmatan Cemerlang pada 1994.
 3. Dilantik secara pentadbiran sebagai Penolong Kanan Hal Ehwal Murid pada 1998-2000.
 4. Dinaikkan pangkat sebagai Pengetua pada 2001 hingga kini.

PROFIL PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH

Nama Penuh: ISMAIL BIN ARIFF
 Umur: 48 tahun
 Gred Jawatan: DG 48
 Kelulusan Akademik: Sarjana Muda Pendidikan (Sejarah);
 Sarjana Pendidikan (Sejarah) dan Bahasa Melayu
 (minor)

Maklumat

Perkhidmatan :

1. Guru Sejarah dan Bahasa Melayu di SMK Salis dari 1990 hingga 1995.
2. Pegawai Pendidikan Daerah, Jabatan Kurikulum dan KoKurikulum mulai 1996 hingga kini.

PROFIL GURU

Nama Penuh: AMIN BIN SAMAD
 Umur: 42 tahun
 Gred Jawatan: DG 41
 Kelulusan Akademik: Sarjana Muda Pendidikan (Sejarah dan Bahasa Melayu)

Maklumat

Perkhidmatan:

1. Mula berkhidmat sebagai guru pada tahun 1994 sebagai guru Sejarah dan Bahasa Melayu di SMK Jambu hingga 2008. Pernah menjadi pemeriksa kertas SPM Sejarah mulai 1995 hingga kini. Penggubal soalan formatif untuk mata pelajaran Sejarah peringkat soalan daerah sejak 1998 hingga kini.
2. Berpindah ke SMK Sri Bayu pada 2010 hingga kini.

Keliru

LAMPIRAN 3

P.U. (A) 531 & JADUAL WAKTU Perkara 11 (1)

Seorang guru hendaklah mengajar mengikut:

- suatu sukatan pelajaran yang diluluskan
- satu jadual waktu yang diluluskan

Jika tidak, dianggap melakukan satu kesalahan dan boleh didenda:

- tidak melebihi RM5, 000
- penjara tidak lebih 3 bulan, atau
- kedua-duanya sekali

SURAT PEKELILING IKHTISAS Bilangan 3/78

Guru Besar/Pengetua harus mengutamakan guru terlatih untuk mengajar kelas peperiksaan.

Waktu tidak mengajar adalah masa bekerja


- Menyediakan ABM
- Menyemak Buku Latihan
- Merancang pelajaran dan lain-lain

Laporan Kehadiran Individu
AMIN BIN SAMAD

ID Pengguna: 13
No. Daftar Kerja: 7345687
Kumpulan Kerja: WP1

Bil.	Tarikh	Hari	Masuk	Keluar	Jam lewat	Nota
1.	01/08/2012	Sabtu	-			
2.	02/08/2012	Ahad	-			
3.	03/08/2012	Isnin	07.33 AM	01.30 PM	0h 03m	
4.	04/08/2012	Selasa	08.14 AM	02.00 PM	0h 44m	
5.	05/08/2012	Rabu	Tidak Hadir			Hospital Kerajaan
6.	06/08/2012	Khamis	07.45 AM	02.45 PM	0h 15m	
7.	07/08/2012	Jumaat	08.00 AM	02.00 PM	0h 30m	
8.	08/08/2012	Sabtu	-			
9.	09/08/2012	Ahad	-			
10.	10/08/2012	Isnin	07.15 AM	02.40 PM		
11.	11/08/2012	Selasa	07.25 AM	01.30 PM		
12.	12/08/2012	Rabu	Tidak Hadir			Klinik Swasta
13.	13/08/2012	Khamis	08.15 AM	02.30 PM	0h 45m	
14.	14/08/2012	Jumaat	07.00 AM	02.20 PM		
15.	15/08/2012	Sabtu	-			
16.	16/08/2012	Ahad	-			
17.	17/08/2012	Isnin	07.15 AM	01.55 PM		
18.	18/08/2012	Selasa	07.40 AM	02.55 PM	0h 10m	
19.	19/08/2012	Rabu	07.25 AM	02.40 PM		
20.	20/08/2012	Khamis	07.20 AM	02.30 PM		
21.	21/08/2012	Jumaat	07.30 AM	02.44 PM		
22.	22/08/2012	Sabtu	-			
23.	23/08/2012	Ahad	-			
24.	24/08/2012	Isnin	Tidak Hadir			Cuti MC
25.	25/08/2012	Selasa	07.35 AM	02.44 PM	0h 05m	
26.	26/08/2012	Rabu	07.40 AM	02.40 PM	0h 10m	
27.	27/08/2012	Khamis	08.00 AM	01.30 PM		
28.	28/08/2012	Jumaat	07.00 AM	02.45 PM		
29.	29/08/2012	Sabtu	-			
30.	30/08/2012	Ahad	-			
31.	31/08/2012	Isnin	-			Cuti Umum: Hari Kemerdekaan

Jumlah kehadiran: 17
Jumlah kehadiran lambat: 8
Jumlah keluar awal: 17
Jumlah hari tidak hadir: 3
Jumlah hari kerja: 18
Jumlah jam lewat: 2h 42m



Kes 2

Hinakah Aku?

Puan Norainy binti Hussin ialah seorang Guru Besar yang baru saja bertukar ke sekolah baharu. Selepas melapor diri di sekolah baharu, Puan Norainy mengadakan mesyuarat khas dengan Guru Penolong Kanan Pentadbiran, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM) dan Guru Penolong Kanan Kokurikulum di biliknya.

Pada hari pertama, Puan Norainy mengadakan mesyuarat di biliknya.

Puan Norainy: Assalamualaikum, kita mulakan perjumpaan hari ini dengan bacaan Ummul Kitab Al-Fatihah. *(Semua yang hadir tunduk sambil menadah tangan untuk berdoa).*

Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir. Sukacita dimaklumkan bahawa kehadiran saya ke sekolah ini atas arahan keperluan perkhidmatan. Saya harap cikgu semua boleh bekerjasama dengan saya demi sekolah dan anak didik di sini. Tujuan saya mengadakan mesyuarat khas hari ini adalah untuk mendapat gambaran lanjut tentang sekolah ini iaitu latar belakang sekolah, masyarakat setempat, kekuatan dan kelemahan yang ada. Oleh itu, saya beri peluang kepada Guru Penolong Kanan Pentadbiran, Tuan Haji Mahmud bin Ghaffar untuk mula dahulu.

Tn. Haji Mahmood: Dari segi pencapaian akademik, keputusan UPSR menurun tiga tahun berturut-turut. Potensi murid tahun enam sekarang pun tidak memberangsangkan. Secara jujur, sebilangan besar guru sekolah ini berada dalam zon selesa. Pembantu Tadbir semua *ok*, tetapi Pembantu Am Rendah yang banyak menimbulkan masalah. Guru Besar sebelum ini sudah putus asa dengan sikap dia. Segala teguran tidak diambil peduli, masih tidak berubah. Kerja fotostat soalan tidak dibuat dengan sempurna dan bertanggung. Kalau pergi berurusan di pejabat terus lesap, tidak balik semula ke sekolah. Asyik keluar kawasan sekolah dan tidur dalam stor.

Puan Norainy: Maksud cikgu, Jamal?

Tn. Haji Mahmood: Ya, cikgu. Hinggakan kerja percetakan cikgu buat sendiri. Bosan dah suruh Jamal.

Hinakah Aku?

- Puan Norainy: Apakah laporan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Tuan Haji Yahya pula?
- Tn. Haji Yahya: Setakat ini, masalah disiplin murid tidak menonjol. Kerjasama ibu bapa dalam setiap program yang dianjurkan oleh pihak sekolah baik. Kehadiran dalam mesyuarat Agung PIBG hampir 90%. Sumbangan derma ibu bapa amat baik semasa aktiviti perkhemahan dan kejohanan sukan tahunan sekolah. Cuma budak luar sahaja yang sering kali merosakkan pagar sekolah untuk masuk bermain bola di padang sekolah.
- Puan Norainy: Bagaimana dengan Guru Penolong Kanan Kokurikulum, Tuan Haji Zulkifli?
- Tn. Haji Zulkifli: Penglibatan murid dalam kokurikulum baik. Kita berjaya menjadi johan dalam pelbagai aktiviti kelab dan persatuan. Ada beberapa aktiviti kelab, sekolah kita mendapat Johan di peringkat daerah. Masalahnya untuk kerja percetakan timbul masalah sebab staf berkenaan tidak komited terhadap tugas. Kalau musim sukan saya dengan Setiausaha Sukan yang terpaksa urus sendiri. Namun, satu kebaikan dia, tidak pernah menjawab kalau pihak pengurusan tegur tetapi dia protes dalam diam. Umpamanya, dia tidak hormat langsung dengan cikgu. Kalau cikgu tegur, dia akan menjawab sehinggakan Guru Besar lama tidak dapat berbuat apa-apa.
- Puan Norainy: Oh, macam tu... Apa cerita pun kita kena terima Jamal seadanya. Dalam masa yang sama saya minta kerjasama semua cikgu membantu saya untuk menguruskan sekolah ini dengan lebih baik dan kita cuba selesaikan masalah Jamal. Ada apa-apa pandangan lain lagi?
- (Semua terdiam sebentar sambil mata Puan Norainy memandang ke arah guru-guru penolongnya satu persatu.)*
- Baiklah. Kalau tak ada, saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua kerana telah memberi gambaran awal kepada saya sebentar tadi.

Dalam tempoh seminggu mulai bertugas di sekolah baharu, ada beberapa orang staf sokongan dan guru datang mengadu. Untuk mendapat penjelasan lanjut Puan Norainy telah memanggil Wan Kamariah, Ketua Pembantu Tadbir datang ke biliknya.

Pada suatu pagi di bilik Guru Besar.

- Puan Norainy: Berapa lama dah Kak Wan bertugas di sekolah ni?
- Wan Kamariah: Baru masuk tahun ketiga.
- Puan Norainy: Maksudnya dari SK Tok Dir terus ke sekolah ni?
- Wan Kamariah: Eh, dok Cikgu Nor. Dari SK Tok Dir, Kak Wan ke SK Kepong dua tahun. Mulai tahun 2008 baru Kak Wan berpindah ke sekolah ni.
- Puan Norainy: Oh, gitu... Saya nak tanya Kak Wan tentang cikgu di sini dan juga tentang Jamal.
- Wan Kamariah: Cikgu di sini ada kumpulan-kumpulan. Tidak seperti SK Tok Dir. Tentang Jamal, semua orang sudah putus asa. Cikgu kata Jamal sudah ada 'lesen besar' sehinggakan Guru Besar lama tidak ambil hal langsung pasal Jamal.
- Puan Norainy: Oh, macam tu...
- Wan Kamariah: Sebelum ini Jamal bertugas di SMK Padang Negara. Pengetua sekolah tu pening kepala dengan kerenah dia. Apabila Jamal ditukarkan ke sekolah ni, bekas Pengetua dia cabar Guru Besar. Kalau boleh betulkan perangai Jamal, dia akan 'tabik' kepada Guru Besar. Datang bertugas dengan pakai Kemeja-T, hari Khamis tidak pakai batik. Yuran persatuan tidak pernah bayar. Penglibatan dengan aktiviti sekolah pun tidak pernah.
- Puan Norainy: Isteri dia kerja tak?
- Wan Kamariah: Isteri dia, cikgu di SK Wakaf Mempelam. Jamal dan isterinya ialah Jurulatih di Pusat Kokurikulum Jabatan Pendidikan Negeri. Terlalu kerap juga dia keluar bertugas di Pusat Kokurikulum.
- Puan Norainy: Macam tu... Dia keluar bertugas tu, ada surat tak?
- Wan Kamariah: Ada, cikgu. Masalahnya kadang-kadang berturut minggu. Biasanya hari Khamis hingga Sabtu. Tapi ada juga melibatkan hari Ahad hingga Selasa.
- Puan Norainy: Nantilah. Saya lihat dulu pergerakan dia. Terima kasih, Kak Wan.

Hinakah Aku?

Selepas empat minggu Puan Norainy memantau situasi di sekolah baharu, memang betul maklumat awal yang diterima. Sebahagian besar guru berada dalam zon selesa. Mereka berpuak-puak. Isu guru Puan Norainy yakin akan dapat diselesaikan, paling tidak untuk sesi 2012. Bagi sesi 2011 Puan Norainy akan '*study*' sikap guru-guru dahulu kerana perubahan tidak boleh dibuat secara drastik. Masalah yang perlu diselesaikan segera ialah isu Jamal. Ini perlu bermula daripada awal. Apabila sudah menjadi buluh, makin sukar untuk membentuknya.

Di pejabat sekolah.

- Puan Norainy: Jamal, pukul 10.00 nanti pergi ke Pejabat Pendidikan Daerah; hantar surat ini kepada Pegawai Pembangunan, Pejabat Pendaftaran Daerah. Lepas itu balik sekolah semula, saya nak suruh cetak surat yang akan dihantar kepada semua ibu bapa (*sambil menghulurkan surat*).
- Jamal: *Diam membisu, mengambil surat dan terus keluar daripada bilik Guru Besar.*

Jam dinding sudah menunjukkan pukul 3.00 petang tetapi kelibat Jamal masih belum kelihatan lagi. Puan Norainy mulai resah lalu bertanya kepada Ketua Pembantu Tadbir.

Di pejabat sekolah, beberapa jam kemudian.

- Puan Norainy: Kak Wan ada nampak Jamal?
- Wan Kamariah: Tak ada, cikgu. Apa hal?
- Puan Norainy: Pukul 10.00 pagi tadi saya ada suruh dia hantarkan surat kepada Pegawai Pembangunan di Pejabat Pendaftaran Daerah. Saya pesan suruh dia balik segera ke sekolah kerana banyak benda yang saya hendak suruh dia cetak.
- Wan Kamariah: Biasalah cikgu, selama ini memang begitulah perangainya!
- Puan Norainy: Tak sangka pulak. Ingatkan bila pesan baik-baik, dia akan faham. Nantilah saya tengok macam mana.

Keesokan harinya, awal pagi Puan Norainy memaklumkan Puan Wan Kamariah supaya meminta Jamal berjumpa dengannya.

Di bilik Guru Besar.

- Puan Norainy: Semalam saya pesan, lepas hantar surat ke Pejabat Pendaftaran Daerah terus balik semula ke sekolah. Tapi kelibat Jamal tidak nampak hingga waktu balik.
- Jamal: *Diam membisu dan tunduk ke bawah.*
- Puan Norainy: Saya merasa amat terkilan dengan sikap Jamal. Banyak benda yang mengecewakan saya. Sudahlah datang lewat, pulang awal. Waktu kerja tidak tahu ada di mana? Hari Khamis tidak pernah memakai baju batik.
- Jamal: *Diam sambil merenung tepat ke muka Puan Norainy.*
- Puan Norainy: Sebagai ketua di sekolah ini, adalah menjadi tanggungjawab saya menegur sebarang kesilapan berlaku. Jawatan yang disandang ialah tanggungjawab dan amanah. Gaji yang kita dapat tidak halal jika tidak ikut aturan yang ditetapkan.
- Jamal: *Masih diam membisu dan tunduk ke bawah.*
- Puan Norainy: Rezeki yang tidak halal tidak akan berkat. Rezeki yang tidak berkat menyebabkan Tuhan mengambil semula dengan berbagai-bagai cara tanpa kita sedari. Kalau rezeki berkat, sudah pasti berkembang.
- Jamal: *Diam membisu. Air muka Jamal mulai berubah.*
- Puan Norainy: Saya tidak boleh paksa Jamal. Tetapi Jamal kena fikir, kalau Jamal hendak suruh orang hormat kepada Jamal, Jamal mesti hormat kepada orang lain dahulu.
- Jamal: Berdasarkan 'body language' menunjukkan Jamal mula 'cool.'
- Puan Norainy: Di mana pun kita berada, kita mesti akur dan patuh kepada peraturan yang ditetapkan sebagai penjawat awam. Saya tidak pasti, kenapa nampaknya Jamal begitu seronok melanggar peraturan.
- Jamal: *Masih lagi diam membisu, sambil menarik dan menghela nafas panjang.*
- Puan Norainy: Organisasi sekolah sama seperti satu pasukan bola sepak. Semua orang mesti ada dan tanam hasrat untuk menang. Untuk menang mesti berusaha dan bersungguh. Setiap orang ada tugas dan tanggungjawab sendiri. Jika semuanya berperanan dan bekerjasama pasti pasukan itu akan berjaya. Saya sebagai Guru Besar berperanan sebagai ketua. Jamal sebagai Pembantu Am Rendah sepatutnya membantu pengurusan dan guru-guru lain.
- Jamal: *Masih berdiam diri. Sekali sekala menggigit bibir dan mata terkebil-kebil mendengar nasihat Puan Norainy.*

Hinakah Aku?

- Puan Norainy: Sebut pasal rezeki berkat, ada orang tua di kampung saya, kerjanya hanya menanam sayur secara kecil-kecilan dari muda sampai tua, tetapi sudah lima kali pergi Mekah bersama isterinya. Hidupnya aman damai bersama keluarga walaupun cuma kayuh basikal tua saja. Ada orang gaji beribu ringgit, tetapi hidup tidak aman. Keluarga asyik sakit-sakit, kesihatan diri tidak menentu. Macam-macam ujian Tuhan yang datang. Hutang keliling pinggang.
- Jamal: *Jamal mula berlembut, sambil merenung jauh. Mungkin mula memikirkan kebenaran kata-katanya.*
- Puan Norainy: Saya kasihan kepada Jamal. Jika Jamal tidak berubah dengan sikap sekarang, di mana Jamal berada orang tidak akan hormat pada Jamal. Adakah Jamal seronok dengan keadaan begitu?
- Jamal: Tidak, cikgu.
- Puan Norainy: Walau sehebat mana sekalipun kita, suatu masa tetap juga memerlukan bantuan orang lain. Percayalah, kita tidak boleh fikir perasaan kita saja. Perasaan orang lain perlu kita fikirkan sama. Bila kita tidak fikir perasaan orang lain, kita akan menjadi seorang yang ego.
- Jamal: Tapi cikgu, orang tidak hormat kepada saya. Mungkin kerana jawatan saya sebagai Pembantu Am Rendah. Dari dulu lagi mereka suruh saya buat kerja dengan kasar.
- Puan Norainy: Pertama, jika kita hormat pada orang, lama-kelamaan orang akan hormat kepada kita. Itu hakikat. Kedua, kita mesti ikut peraturan dan sentiasa bersama-sama dalam organisasi. Ada aktiviti sekolah kita libatkan sama dan bantu mana yang patut. Ketiga, Tuhan tidak akan mengubah nasib seseorang, kecuali orang itu sendiri yang berusaha untuk mengubahnya.
- Jamal: Tapi, cikgu...
- Puan Norainy: Saya faham, Jamal jangan takut. Yang berlalu tetap berlalu. Paling penting Jamal sedar kesilapan lalu dan berusaha untuk berubah. Percayalah, saya tegur Jamal secara ikhlas. Saya anggap semua staf saya sebagai satu keluarga. Saya tidak seronok bila hubungan tidak baik dan isu-isu yang boleh mengganggu kelancaran pengurusan sekolah. Yang susah ialah hendak memulakan sesuatu yang baru.

- Jamal: Saya faham, cikgu. Saya baru terfikir kebenaran kata-kata cikgu. Sebab itu kereta saya kerap rosak dan keluarga saya kerap sakit-sakit. Ini semua yang mengganggu fikiran saya, tambahan orang bersikap kasar dengan saya.
- Puan Norainy: Baiklah. Kalau macam tu, saya harap mulai hari ini Jamal mesti fikir dahulu sebelum bertindak. Jangan mengikut perasaan saja.
- Jamal: Baiklah, Cikgu. Saya minta maaf atas sikap saya selama ini.
- Puan Norainy: Syukurlah, Jamal sudah sedar kesilapan lalu. Saya harap pengalaman lalu akan membantu Jamal kembali ke pangkal jalan. Saya bersikap terbuka dan tidak menyimpan perasaan dendam. Paling penting kita boleh bekerja bersama-sama.

Pada hari Khamis berikutnya, awal pagi Ketua Pembantu Tadbir masuk ke dalam bilik Guru Besar.

Di bilik Guru Besar keesokan harinya.

- Wan Kamariah: Assalamualaikum, cikgu.
- Puan Norainy: Waalaikumussalam. Sila masuk Kak Wan. Ada apa hal?
- Wan Kamariah: Maaf, Cikgu Nor. Saya nak tanya ayat apa Cikgu Nor baca kepada Jamal semalam?
- Puan Norainy: Kenapa pulak? Saya cuma tegur tentang waktu hadir kerja dan pulang. Tidak balik ke sekolah semula selepas ke PPD dan Jabatan. Jamal mengamuk, ke?
- Wan Kamariah: Tidak Cikgu Nor, kami semua terkejut bila lihat Jamal datang pagi tadi dengan baju batik. Semenjak bertugas di sekolah ini, hari ini kali pertama kami lihat dia pakai baju batik.
- Puan Norainy: Syukur, Alhamdulillah... *(tersenyum)*
- Jamal: *(Sambil mengetuk pintu bilik Guru Besar)*
Assalamualaikum, Cikgu!
- Puan Norainy: Waalaikumussalam. Ada apa hal, Jamal?
- Jamal: Ok dak saya pakai baju ni, Cikgu?
(Sambil menunjuk baju batik yang dipakainya.)
- Puan Norainy: Ok, ok! Macam tulah. *(Dalam keadaan tergamam.)*
- Jamal: Terima kasih, cikgu.
- Puan Norainy: Sama-sama.

Hinakah Aku?

Pagi Isnin tiga bulan kemudian di pejabat sekolah.

- Puan Norainy: Kak Wan, minggu depan saya hendak cuti tiga hari mulai hari Selasa hingga Khamis kerana menghadiri majlis Konvokesyen anak saya di UiTM. Sekiranya ada surat atau arahan daripada Jabatan Pendidikan atau PPD, tengok-tengokkanlah. Kalau berkaitan pengurusan akademik, maklumkan kepada Cikgu Haji Mahmood; jika berkaitan dengan murid maklum kepada Cikgu Haji Yahya. Kalau berkaitan Kokurikulum maklumkan kepada Cikgu Zulkifli. Saya sudah maklum kepada mereka, tapi tidak berapa yakin, kerana pengalaman lepas kerap terlupa.
- Wan Kamariah: *Ok*, cikgu. Tapi bila cikgu cuti panjang begini rasa takut sokmo. Jamal, kalau ada cikgu semuanya *ok*. Tidak tinggal pejabat dan jika ke Jabatan atau Pejabat Pentadbiran Daerah, balik semula ke sekolah. Bila cikgu tak ada di sekolah, penyakit lama datang kembali.
- Puan Norainy: PK tak tegur, ke?
- Wan Kamariah: Semua Penolong Kanan pening kepala bila cikgu tak ada di sekolah. Dia buat tidak dengar saja.
- Puan Norainy: Hai, Jamal, Jamal...

Puan Norainy menggeleng-gelengkan kepalanya sambil mengeluh. Mungkinkah tingkah laku Jamal akan berubah untuk kesekian kalinya? Hanya Jamal sahaja yang dapat menentukannya.

LATAR BELAKANG KES

Jamal ialah seorang Pembantu Am Rendah (N17) yang baru lapan bulan bertukar ke SK Gelugor daripada SMK Padang Negara. Semasa di SMK Padang Negara beliau telah dipulau oleh warga sekolah berkenaan hinggakan pengetua terpaksa berulang alik ke Jabatan Pendidikan Negeri mohon supaya dipercepatkan pertukaran Jamal. Bekas majikannya (Pengetua SMK Padang Negara) pernah membuat cabaran kepada Guru Besar sebelum ini pada awal pertukaran Jamal dengan ayat: “Kalau awak dapat ubah Jamal, saya akan tabik kepada awak.”

Sikap Jamal agak pelik. Dia bukan sahaja datang lewat dan pulang awal. Malah peraturan lain juga tidak dipatuhi termasuklah keluar kawasan sekolah tanpa kebenaran dan tidak direkod dalam buku kawalan keluar. Waktu kerja, menyorok tidur dalam stor. Kerja yang disuruh sentiasa diabaikan dan bertanggung dan tidak komited kepada kerja. Jamal juga tidak melibatkan diri dalam semua program sekolah. Malah hari Khamis yang diwajibkan pakai baju batik, Jamal tidak pernah pakai. Dengan guru dan rakan sejawat pun bersikap kasar, untuk menghormati jauh sekali. Tidak hairanlah Guru Besar sebelum ini tidak ambil kisah terhadapnya. Pentadbir yang bosan dengan sikapnya itu disalahertikan. Mungkin Jamal berasa dia hebat, sebab itu keegoannya melebihi had.

Puan Norainy binti Hussin, seorang Guru Besar baru, merisik khabar dengan beberapa orang mantan majikan Jamal semasa bertemu di tempat mesyuarat atau kursus. Semua mereka memberi pandangan negatif terhadap Jamal. Jamal bukan sahaja tidak akur terhadap peraturan, malah tidak menjalankan tugas dengan sempurna. Kerja yang sepatutnya dibuat Jamal tidak dilakukan dengan segera dan sempurna. Sikapnya yang kasar menambah masalah.

PROFIL SEKOLAH

Nama Sekolah: Sekolah Kebangsaan Gelugor
 Tahun diasaskan: 1956
 Lokasi: Pinggir Bandar
 Enrolmen Murid: 741 orang
 Enrolmen Murid: 61 orang
 Staf sokongan: 10 orang
 Sesi persekolahan: Sesi pagi sahaja

PROFIL GURU BESAR

Nama Penuh: PUAN NORAINY BINTI HUSSIN
 Umur: 53 tahun
 Gred: DG 41
 Status: Berkahwin
 Kelulusan: Ijazah – Sarjana Muda Pengurusan Pendidikan (2008)
 Ikhtisas – Diploma Pendidikan (1980)
 Pengalaman: Guru Biasa (3 buah sekolah dari 1980 – 1995)
 Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (2 buah sekolah
 dari 1996 – 2002)
 Guru Besar (4 buah sekolah dari 2003 – kini)
 Tarikh mula
 bertugas: 01.12.2010

PROFIL JAMAL BIN NAJIB


Nama Penuh: JAMAL BIN NAJIB
 Umur: 42 tahun
 Jawatan: Pembantu Am Rendah
 Kelulusan: Sijil Pelajaran Malaysia
 Pengalaman: Bertugas di 12 buah sekolah
 Status: Telah berkahwin
 Pekerjaan Isteri: Guru Prasekolah
 Bilangan anak: 4 orang
 Pekerjaan
 Sambilan: Jurulatih Sambilan, Pusat Kokurikulum Jabatan Pendidikan Negeri

Laporan Kehadiran Individu JAMAL BIN NAJIB

ID Pengguna: 07
No. Daftar Kerja: 465798
Kumpulan Kerja: WP1

Bil.	Tarikh	Hari	Masuk	Keluar	Jam lewat	Nota
1	01/02/2012	Rabu	-			CUTI AM
2	02/02/2012	Khamis	08.00 AM	10.00 AM	0h 30m	
3	03/02/2012	Jumaat	07.33 AM	11.30 AM	0h 03m	
4	04/02/2012	Sabtu	-			
5	05/02/2012	Ahad	-			CUTI MAULIDUR RASUL
6	06/02/2012	Isnin	07.45 AM	02.45 PM	0h 15m	
7	07/02/2012	Selasa	-			CUTI THAIPUSAM
8	08/02/2012	Rabu	08.00 AM	12.30 PM	0h 30m	
9	09/02/2012	Khamis	07.00 AM	02.45 PM		
10	10/02/2012	Jumaat	08.15 AM	10.20 AM	0h 45m	
11	11/02/2012	Sabtu	-			
12	12/02/2012	Ahad	-			
13	13/02/2012	Isnin	08.15 AM	10.30 AM	0h 45m	
14	14/02/2012	Selasa	07.00 AM	11.20 AM		
15	15/02/2012	Rabu	07.40 AM	02.55 PM	0h 10m	
16	16/02/2012	Khamis	07.25 AM	02.40 PM		
17	17/02/2012	Jumaat	07.15 AM	11.00 AM		
18	18/02/2012	Sabtu	-			
19	19/02/2012	Ahad	-			
20	20/02/2012	Isnin	07.20 AM	*		
21	21/02/2012	Selasa	07.30 AM	02.44 PM		
22	22/02/2012	Rabu	07.35 AM	02.44 PM	0h 05m	
23	23/02/2012	Khamis	-			CUTI TAHUN BARU CINA
24	24/02/2012	Jumaat	-			CUTI TAHUN BARU CINA
25	25/02/2012	Sabtu	-			
26	26/02/2012	Ahad	-			
27	27/02/2012	Isnin	Tidak Hadir			Cuti MC
28	28/02/2012	Selasa	07.40 AM	02.40 PM	0h 10m	
29	29/02/2012	Rabu	08.00 AM	12.00 PM	0h 30m	

Jumlah kehadiran: 16
Jumlah kehadiran lambat: 10
Jumlah keluar awal: 8
Jumlah hari tidak hadir 1
Jumlah hari kerja: 17
Jumlah jam lewat: 3h 43m



Kes 3

Di manakah Keadilan?

Puan Maria binti Mazlan ialah seorang guru yang baru saja menamatkan pengajian sarjananya dengan tajaan biasiswa. Beliau ditempatkan di SMK Tenang pada bulan Julai 2010. Beliau meneruskan tugas di sekolah tersebut sehingga Disember 2011 sebelum ditempatkan di Kementerian Pendidikan Malaysia. Semasa bertugas di sekolah tersebut, Puan Maria tidak pernah diberitahu tentang markah prestasi yang diperolehnya selama satu setengah tahun tersebut. Semasa mengisi borang permohonan biasiswa untuk menyambung pengajiannya, beliau telah meminta markah prestasinya dari sekolah tersebut. Beliau sangat terkejut apabila melihat markah yang diperolehi nya adalah 87 peratus untuk tahun pertama dan 73 peratus untuk tahun kedua. Setelah menenangkan diri dan membuat rujukan kepada beberapa surat pekeliling, teman-teman kaunselor dan dua orang pengetua berpengalaman dari sekolah yang lain, Puan Maria bertindak menghubungi Pengetua sekolah berkenaan untuk bertanya halnya.

Di bilik Pengetua SMK Tenang.

- Puan Maria: Assalamualaikum, tuan. Saya Puan Maria binti Mazlan, guru Kemahiran Hidup sesi petang tahun lepas, kini bertugas di Bahagian KPM. Tuan masih ingat saya lagi?
- En Azmi Husin: Waalaikumusalam. Insha Allah, ingat. Apa khabar, cikgu?
- Puan Maria: Alhamdulillah. Saya sihat, tuan. Terima kasih. Sebenarnya saya ada hajat untuk berbincang dengan tuan. Tuan *free* ke sekarang?
- En Azmi Husin: Besar sangat bunyinya tu. Ya, boleh. Silakan. *(Pengetua mengisyaratkan Puan Maria duduk di sofa empuk di biliknya).* Hajat apa tu, cikgu?
- Puan Maria: Begini, tuan. Baru-baru ini saya ada memohon daripada pihak sekolah untuk mendapatkan markah prestasi saya bagi tahun 2010-2011, tempoh saya berkhidmat di sini. Saya sangat terkejut apabila mendapati markah yang diberikan kepada saya begitu rendah sekali, tuan. Bagaimana hal ini boleh berlaku?

Di manakah Keadilan?

- En Azmi Husin: Saya Pegawai Penilai Kedua saja, cikgu. Pegawai Penilai Pertama ialah cikgu Abu Hassan, Penolong Kanan. Saya ada bertanya juga kepada cikgu Abu Hassan mengapa markah puan begitu rendah, tetapi beliau bertegas untuk mengekalkan markah yang diberi. Saya cuma boleh beri lebih dua markah sahaja dari markah yang diberi oleh Penilai Pertama. Katanya cikgu terlalu banyak mengambil cuti.
- Puan Maria: Saya tidak bersetuju dengan markah yang diberi itu, tuan. Saya ada sebab kukuh mengapa saya tidak hadir ke sekolah sebanyak 109 hari. Saya terjatuh semasa keluar membeli barang sekolah. Tulang tapak kaki saya retak dan diberi cuti sebulan. Tetapi saya masih hadir semula ke sekolah selama sebulan sebelum dibedah dan bercuti lagi selama dua bulan lebih. Semua surat cuti saya ditandatangani doktor pakar ortopedik Pegawai Perubatan Universiti Malaya. Seingat saya tuan, cuma satu hari saja cuti saya yang datang dari klinik swasta.
- En Azmi Husin: Cikgu, dalam cuti yang begitu panjang, banyak perkara yang cikgu tidak dapat laksanakan!
- Puan Maria: Tuan, saya ni bercuti kerana sakit, bukan saya sengajakan. Namun begitu saya masih sempat menyelesaikan semua sukatan mata pelajaran dan kerja kursus. Selepas cuti sakit, saya buat kelas tambahan dan 'beli' jadual waktu guru Pendidikan Jasmani dan kelas *relief* untuk menghabiskan sukatan untuk subjek saya. Malah, saya sempat buat latih tubi selama dua minggu sebelum peperiksaan akhir tahun!
- En Azmi Husin: Maaf, saya sibuklah cikgu sekarang ini. Ada hal lain yang perlu saya uruskan. Sebagaimana yang saya katakan, puan hubungi saja cikgu Abu Hassan sebab dia Penilai Pertama, ya. Assalamualaikum.
- Puan Maria: Waalaikumusalam.

Selepas dua hari berlalu, Puan Maria akhirnya dapat bercakap dengan Penolong Kanan.

- Puan Maria: Assalamualaikum, Cikgu Abu. Saya Maria. Ada hal penting yang ingin dibincangkan dengan tuan.
- Cikgu Abu: Waalaikumsalam. Apa halnya cikgu?
- Puan Maria: Berkaitan dengan markah prestasi sayalah Cikgu Abu. Saya berasa markah serendah itu tidak sepatutnya untuk saya.
- Cikgu Abu: Cikgu ambil cuti banyak sangat! Memang patutlah tu.

- Puan Maria: Cikgu Abu, saya cuti sakit. Sakit-sakit pun saya buat kelas tambahan dan membeli jadual rakan guru lain untuk habiskan sukatan. Rasanya cikgu Abu maklum tentang hal itu, kan? Untuk tugas penyelarar kokurikulum juga, saya laksanakan sebelum terjatuh dahulu.
- Cikgu Abu: Kelas tambahan tidak bermakna berkesan, cikgu. Dalam kelas tambahan pula, mungkin ada murid yang tidak datang. Tak sama dengan kelas pada hari persekolahan cikgu!
- Puan Maria: Saya faham tu, cikgu Abu, tapi jatuh sakit tu bukan pilihan saya. Saya telah berusaha dan keberkesanan yang cikgu pertikaikan, cikgu boleh rujuk Analisis Peperiksaan Akhir Tahun 2011. Subjek yang saya ajar berada pada *ranking* kedua daripada empat pilihan mata pelajaran Kemahiran Hidup. Macam mana pula cikgu Abu nilai keberkesanan yang cikgu pertikaikan itu?
- Cikgu Abu: Dari apa yang ditaklimatkan kepada saya oleh Penolong Kanan Pentadbiran, kehadiran ialah komponen utama. Markah cikgu ini, saya telah bincangkan dengannya.
- Puan Maria: Saya tetap tidak bersetuju dengan markah itu. Saya harap kita boleh sama-sama berbincang dengan dia.
- Cikgu Abu: Begini sajalah, cikgu. Saya tidak boleh buat keputusan sekarang. Saya akan bincangkan semula hal ini dengan Penyelia Pentadbiran dan Pengetua.
- Puan Maria: Terima kasih, cikgu. Baiklah, saya akan tunggu.

Lebih dua minggu berlalu. Tiada sebarang berita pun yang diterima oleh Puan Maria dari pihak sekolah. Puan Maria cuba menelefon Puan Sakinah Sabirin, rakan guru sekolah tersebut.

Rrrriiingg, telefon di rumah Puan Sakinah Sabirin berdering beberapa kali sebelum berjawab.

- Puan Sakinah: Assalamualaikum. Sakinah bercakap.
- Puan Maria: Mualaikum salam. Hai, Kak Sakinah. Ini Maria.
- Puan Sakinah: Hai, Maria. Apa khabar? Seronok ke bekerja di tempat baharu?
- Puan Maria: Khabar baik. Seronok tu, seronok juga tetapi rindu kat bebudak. Di sini tak de budak nakallah kak! (*Jawab Maria sambil berseloroh.*)

Di manakah Keadilan?

- Puan Sakinah: Hmm, *you* ni tak habis-habis melayan budak nakal. Kakak nak tanya sikit ni, boleh ke?
- Puan Maria : Banyak pun boleh, kak. Apa halnya?
- Puan Sakinah: Kami dapat cerita dalam taklimat guru tempoh hari; ada guru yang bantah markah prestasi dan minta markah cemerlang walaupun tak datang sekolah lebih seratus hari. Macam biasa...ugut kami dengan markah rendah kalau tidak ikut arahan. Kakak rasa kalau ikut jumlah hari yang disebutkannya itu, orang yang dimaksudkan tu macam *you*, Maria! Kawan-kawan suruh tanya, tapi Maria jangan pula berkecil hati, ya.
- Puan Maria: Oh, gitu... dah tersebarlah, ye! Ha hah, kak. Saya ada telefon pengetua dan Cikgu Abu untuk menyatakan rasa tidak puas hati saya dengan markah yang diberikan. Tapi tidaklah saya minta markah cemerlang. Saya tahu saya banyak cuti tapi cuti akibat sakit! Tahun 2011, saya sakit kak. Tahun lain mungkin orang lain pula.
- Puan Sakinah: Macam mana Maria tahu markah prestasi Maria rendah?
- Puan Maria: Saya minta daripada pihak sekolah. Sebulan baharu saya dapat. Susah betul nak lepaskan markah tu. Setelah hantar surat dan telefon beberapa kali, baru dapat. Terperanjatlah saya tengok markah tu.
- Puan Sakinah: Eh, boleh ke kita minta? Akak tak pernah tahu pun markah akak berapa. Entah berapalah dia orang nilai akak.
- Puan Maria : Sebenarnya kita berhak mengetahui markah prestasi kita, kak. Malah mereka sepatutnya panggil kita berbincang pada peringkat perancangan. Kemudian nilai semula di pertengahan tahun. Semasa menilai pada akhir tahun, kita sepatutnya dibawa berbincang dan bersetuju dengan markah yang diberikan kepada kita. Kalau prestasi guru rendah, kita sepatutnya dibimbing.
- Puan Sakinah: Apa tindakan Maria sekarang? Mereka buat macam tak kisah je. Malahan makin mengugut guru-guru lain pula dan menyebarkan fitnah *you* minta markah cemerlang!
- Puan Maria: Saya akan buat ikut saluran yang betul, kak. Jika pihak sekolah tidak ambil tindakan, saya akan ke Pejabat Pendidikan Daerah. Jika Pejabat Pendidikan Daerah pun buat begitu, saya akan angkat kes ini ke Jabatan Pendidikan Negeri, begitulah seterusnya.
- Puan Sakinah: Akak doakan Maria berjaya. Jangan sampai jadi macam kawan kita Ustaz Ali, dah merajuk pindah ke sekolah lain. Dia nak sambung belajar, tidak dapat sebab purata markah untuk tiga tahun dia kurang dari 85%.

- Puan Maria: Ustaz Ali! Macam mana boleh jadi begitu? Bukankah Ustaz sangat komited dengan sekolah dan terlibat dengan aktiviti Tarannum dan penggubal soalan sehingga ke peringkat kebangsaan. Sayang sekolah kehilangan aset macam dia tu, kak.
- Puan Sakinah: Entahlah, Maria. Beginilah kisah di sekolah ini. *You* tak lama di sini. Ramai yang teraniaya dengan markah prestasi di sekolah ini. Akak 11 tahun di sini, Maria. Kalau ada apa-apa yang boleh kakak bantu, beritahulah, ya.
- Puan Maria: Ada, kak. Boleh saya dapatkan sesalinan Analisis Peperiksaan Akhir Tahun subjek yang kita ajar dan salinan rekod penggunaan buku latihan tubi yang panitia beli itu?
- Puan Sakinah: Insya Allah, saya akan usahakan. Dah ada nanti kakak kirimkan melalui Ustazah Mona.
- Puan Maria: Insya Allah, kak. Assalamualaikum.

Menunggu lagi perkembangan dari pihak sekolah selama empat minggu, Puan Maria sekali lagi berbincang dengan rakan kaunselornya dan membuat keputusan menghantar surat ke Pejabat Pendidikan Daerah untuk memohon semakan semula markah prestasinya.

Pada pagi Isnin minggu berikutnya, Puan Maria telah menghubungi Puan Nita seorang Pegawai Aduan di Pejabat Pelajaran Daerah.

Di Pejabat Pendidikan Daerah.

- Puan Maria: Assalamualaikum. Boleh saya bercakap dengan Puan Nita?
- Puan Nita: Waalaikumsalam. Bercakap. Ada apa-apa yang boleh saya bantu?
- Puan Maria: Saya cikgu Maria dari Bahagian KPM. Sebenarnya saya baru sahaja berjumpa dengan pihak sekolah saya berkhidmat dahulu untuk mendapatkan markah prestasi saya. Saya amat terkejut apabila saya diberikan 73%.
- Puan Nita: Boleh puan perincian bagaimana perkara ini boleh berlaku?
- Puan Maria: Begini, puan. Saya seorang guru Kemahiran Hidup. Untuk makluman puan, saya telah terjatuh sewaktu pergi membeli barang untuk sekolah dan retak telapak kaki saya. Lalu saya dirujuk kepada doktor ortopedik dan mengkhabarkan bahawa kaki saya perlu dibedah. Saya diberikan cuti selama sebulan. Tetapi saya mohon tangguh pembedahannya untuk menghabiskan sukatan mata pelajaran kerana saya perlu menyediakan murid saya untuk peperiksaan akhir tahun

Di manakah Keadilan?

sebelum bercuti panjang selama 109 hari. Saya telah membeli waktu *relief* dari rakan guru untuk menyiapkan kerja kursus di samping mengadakan kelas tambahan di luar waktu sekolah. Saya masih simpan lagi jadual kedatangan murid dan analisis keputusan pencapaian anak didik saya sejak saya mula mengajar di sekolah ini hingga kini. Dipendekkan cerita, saya rasa teraniaya apabila diberikan markah begitu rendah seolah-olah saya tidak hadir ke sekolah tanpa sebab! Sedangkan saya sudah buat sebaik mungkin. Bolehkah Puan Nita bantu saya dalam hal ini?

Puan Nita: Puan Maria, kami cadangkan puan buat aduan ikut saluran.

Puan Maria: Apa maksud puan ikut saluran”?

Puan Nita: Maksudnya puan perlu buat permohonan kepada sekolah kemudian barulah kepada kami di Pejabat Pendidikan Daerah.

Puan Maria: Saya telah pun memohon semakan secara lisan dan melalui panggilan telefon. Saya juga telah memberikan masa yang cukup untuk mereka respon, tetapi mereka diam membisu. Sebab itulah saya menghantar permohonan saya kepada Jabatan Pendidikan Negeri pihak yang lebih tinggi lagi. Saya harap saya akan diberi peluang oleh Pegawai Pendidikan Daerah tanpa perlu memanjangkan kes saya ini ke peringkat seterusnya.

Puan Nita: Baiklah, puan. Jika puan hendak berbuat begitu, simpanlah rekod panggilan yang puan buat sekiranya diperlukan kelak. Pihak kami akan menyiasat terlebih dahulu bahan-bahan yang puan lampirkan itu agar dapat mempercepatkan lagi tugas kami. Harap puan bersabar.

Puan Maria: Saya akan menunggu dan percaya pihak PPD akan menyiasat perkara ini dengan adil. Saya berjanji akan meng-e-melkan surat permohonan semakan semula markah prestasi saya bersama dokumen sokongan yang lain untuk rujukan dan tindakan puan. Terima kasih banyak, puan.

Puan Nita: Kembali.

Puan Maria terus menghantar surat berserta semua lampiran yang dirasakan perlu termasuklah markah prestasinya dari tahun 2004 hingga 2011. Analisis Peperiksaan Akhir Tahun 2011 untuk mata pelajaran Kemahiran Hidup yang diajarnya, rekod penggunaan buku latih tubi panitia Kemahiran Hidup yang menunjukkan semua usaha latih tubi yang dilakukan termasuklah kelas tambahan pada luar waktu persekolahan.

Beberapa hari kemudian, Puan Nita sekali lagi menghubungi Puan Maria semula.

Puan Nita: Saya telah pun berbincang dengan En. Dahalan pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri dan kami telah meneliti kes puan ini. Kami juga telah menghubungi pihak sekolah untuk membuat justifikasi markah yang diberikan kepada puan atau membuat semakan semula kepada markah yang diberi. Harap puan beri kerjasama kepada pihak sekolah untuk tujuan tersebut.

Puan Maria: Baiklah, puan. Terima kasih.

Minggu berikutnya, Puan Maria dihubungi Cikgu Abu Hasan Penolong Kanan untuk hadir ke sekolah. Beliau memaklumkan bahawa pengetua bersetuju untuk membuat pembetulan semula markah prestasi Puan Maria. Apakah tindakan Pengetua seterusnya? Bagaimanakah penerimaan Cikgu Abu mengenai hal ini?

LAMPIRAN 1

PROFIL PUAN MARIA BINTI MAZLAN

Di manakah Keadilan?

Tahun Perkara	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011
Markah Prestasi	96.0%	96.6%	94.0%	91.3%	CUTI BELAJAR		88.0%	73.0%
Anugerah	Guru Cemerlang Kokurikulum	- APC - Guru Harapan Kokurikulum	Guru Harapan Kokurikulum	Guru Harapan Kokurikulum	-	-	Pelajar cemerlang Sarjana Kepengetuaan	
Anjakan Gaji		PTK 4/4 Anjakan Gaji					CGPA 3.92 PTK 4/4 Anjakan Gaji	
Penglibatan Tertinggi	Kawad kaki - Johan Daerah - Keempat Negeri	Kawad kaki - Johan Daerah - Keempat Negeri	Kawad Kaki - Kebangsaan - Johan Daerah - Keempat Negeri	Kawad Kaki - Johan Kebangsaan - Gajet perkhemahan gabungan				
Pencapaian Akademik					Diploma Kepimpinan Kebangsaan	Sarjana Kepengetuaan (Cemerlang)		
Pengalaman Bertugas	- Ketua Guru Disiplin - Jurulatih Utama Kokurikulum Negeri	- Ketua Guru Disiplin - Jurulatih Utama Kokurikulum Negeri	- Ketua Guru Disiplin - Jurulatih Utama Kokurikulum Negeri	- Ketua Guru Disiplin - Jurulatih Utama Kokurikulum Negeri	Ketua Guru Disiplin Jurulatih Utama Kokurikulum Negeri			

**PROFIL GURU PENOLONG KANAN
(PENOLONG KANAN PETANG)**

Nama Penuh: ABU BIN HASSAN
Umur: 50 Tahun
Gred: DG44
Kelulusan Akademik: Sarjana Muda dengan Pendidikan (Hons)
Pengkhususan: Sains (major)/Matematik (minor)
Pengalaman:

- Guru Sains dan Matematik (17 Tahun)
- Guru Kanan Sains dan Matematik (12 Tahun)
- Penyelia Petang (11 tahun)

PROFIL PENGETUA

Nama Penuh: AZMI BIN HUSIN
Umur: 53 Tahun
Gred: DG52
Kelulusan Akademik: Sarjana Muda dengan Pendidikan (Hons)
Pengkhususan: Fizik (major)/Matematik (minor)
Pengalaman:

- Guru Fizik (8 tahun)
- Guru Kanan Sains dan Matematik (12 Tahun)
- Guru Penolong Kanan Pentadbiran (2 Tahun)
- Pengetua (6 Tahun)

Di manakah Keadilan?

LAMPIRAN 3

PROFIL PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH

Nama Penuh: NITA BINTI IBRAHIM
 Umur: 48 Tahun
 Gred: DG52
 Kelulusan Akademik: Sarjana Muda Pengurusan Am dengan Pendidikan (Hons)
 Pengkhususan: Pengurusan Am (major)/Bahasa Melayu (minor)
 Pengalaman:

- Guru Bahasa Melayu (8 Tahun)
- Guru Kanan Hubungan Kemanusiaan (10 Tahun)
- Guru Penolong Kanan Pentadbiran (2 Tahun)
- Pegawai Pendidikan Daerah (6 Tahun)

Kes 4 Gerimis Mengundang

Cikgu Guna ialah seorang guru matematik berumur 50 tahun. Beliau mengajar di tingkatan tiga Bestari di SMK Murni di utara Semenanjung Malaysia. Prestasi kerja sepanjang kerjayanya sebagai guru di sekolah rendah sehingga ditempatkan di sekolah menengah berada pada tahap di bawah memuaskan dan lemah. Beliau juga kerap tidak hadir ke sekolah tanpa sebab. Sikap tidak ambil kisah dan selalu mengabaikan tugasnya sebagai seorang guru telah berlanjutan sejak beliau mengajar di sekolah rendah lagi. Tindakan demi tindakan telah dibuat oleh pihak pentadbiran sekolah terhadapnya tetapi beliau masih tidak mahu berubah.

Pada tahun 2006, Cikgu Guna telah dipindahkan ke sekolah menengah selepas beliau berjaya mendapat segulung ijazah. Banyak aduan dan rungutan diterima daripada murid, ibu bapa, rakan-rakan guru serta pengurusan sekolah tentang sikap acuh tidak acuh beliau. Bagi tujuan pengesahan dalam jawatan untuk DG41, Cikgu Guna sepatutnya menghadiri kursus induksi yang telah diatur oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri, tetapi beliau tidak hadir dengan berbagai-bagai alasan. Pada kali ketiga panggilan mengikuti kursus tersebut, beliau tidak hadir juga ke tempat kursus dan tidak berada di sekolah. Kelalaian beliau dalam menjalankan tugas yang serius dipantau oleh Pengetua sehingga ke peringkat Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN).

Puan Siti Anis binti Mokhtar ialah seorang Pengetua yang baru berpindah ke sekolah tersebut. Beliau ditempatkan di SMK Murni setelah sembilan bulan sekolah itu diurus tanpa Pengetua. Semasa ketiadaan Pengetua, Cikgu Guna mengambil kesempatan dengan lebih kerap tidak hadir ke sekolah tanpa sebab. Hal ini menimbulkan ketidakpuasan hati dalam kalangan guru-guru lain yang terpaksa menggantikan masa mengajar beliau. Pada suatu hari pengetua didatangi oleh En. Ahmad, bapa kepada salah seorang pelajar tingkatan Tiga Bestari dalam keadaan marah-marah meluahkan rasa tidak puas hatinya terhadap Cikgu Guna yang selalu tidak datang ke sekolah, mengajar tidak mengikut sukatan dan tidak dapat mengawal disiplin murid semasa berada dalam bilik darjah. Secara kebetulan Puan Siti Anis berada di sekolah dan meminta En. Ahmad supaya bertenang serta menjemputnya untuk berbincang bagi mengetahui isu sebenar.

Gerimis Mengundang

Di kaunter pertanyaan pejabat sekolah.

- En. Ahmad: Boleh saya jumpa Pengetua? Saya ada hal penting yang nak mengadu berkenaan dengan cikgu sekolah ini.
- Pengetua: Assalamualaikum. Saya Pengetua. Ada apa-apa yang boleh saya bantu?
- En. Ahmad: Waalaikummussalam. Dah lama saya nak jumpa dengan Puan.
- Pengetua: Sila masuk ke bilik saya supaya kita dapat berbincang.

Di bilik Pengetua.

- Pengetua: Silakan duduk.
- En. Ahmad: Terima kasih, Puan. Saya nak bagitau puan ni saya ada anak belajar di dalam kelas Tiga Bestari. Saya nak buataduan tentang seorang guru matematik Puan, Cikgu Guna yang mengajar anak saya. Menurut anak saya Cikgu Guna mengajar dia semasa di tingkatan dua tahun lalu, tetapi tahun ini dia mendapat guru yang sama juga. Masalahnya ialah Cikgu Guna selalu tidak masuk kelas mengajar. Kalau masuk mengajar pun, dia hanya menulis soalan di papan hitam yang melibatkan soalan yang senang saja iaitu masalah campur, tolak, bahagi dan darab saja seolah-olah dia belajar di sekolah rendah. Latihan yang diberi pun tidak mengikut sukatan yang sepatutnya.
- Pengetua: En. Ahmad, sebenarnya saya telah maklum tentang perkara ini selepas mendapat makluman daripada En. Hashim, Guru Penolong Kanan Pertadbiran saya. Kita telah siap menyusun jadual waktu semula dan akan digunakan selepas peperiksaan pertengahan tahun. Berkenaan dengan Cikgu Guna saya akan nasihatkannya untuk lebih komited terhadap kerja.
- En. Ahmad: Sekarang dah hampir bulan Jun, satu topik pun tak habis diajar. Bagaimana anak saya nak menjawab soalan dalam PMR nanti?
- Pengetua: En. Ahmad, pihak sekolah juga sentiasa berusaha untuk mendapatkan keputusan yang baik bagi sekolah. Oleh itu, kita telah merancang satu program peningkatan untuk pelajar yang akan menghadapi PMR/SPM. Kami namakannya Program Pecutan Cemerlang. Insya Allah, kita akan sama-sama berusaha demi kejayaan anak-anak kita.
- En. Ahmad: Terima kasih, Puan. Saya minta maaf atas kekasaran saya tadi. Ini kerana saya fikirkan masa depan anak saya dan anak-anak kita yang lain.

- Pengetua: Saya faham. Semua ibu bapa mahukan anak-anaknya berjaya dalam hidup. Saya amat berterima kasih kerana Encik Ahmad sudi datang berbincang dengan saya sendiri. Ini merupakan masalah dalaman sekolah, jadi eloklah kalau kita berbincang bersama. Sebenarnya saya sentiasa mengalu-alukan kedatangan ibu bapa untuk berbincang dengan saya dalam semua masalah yang berkaitan disiplin dan akademik anak-anak kita.
- En. Ahmad: Terima kasih sekali lagi, Puan. Saya pun banyak kerja yang nak diuruskan. Saya minta diri dulu, Puan. Assalamualaikum.

Dua hari selepas kejadian, Pengetua telah mencerap pengajaran yang dijalankan oleh Cikgu Guna setelah memaklumkan kepadanya sehari sebelum supaya Cikgu Guna dapat membuat sedikit persediaan. Pn. Siti Anis mendapati Cikgu Guna menulis 40 soalan matematik yang melibatkan empat operasi asas matematik pada papan hitam tanpa bersuara, selepas habis menulis soalan di papan hitam, beliau meminta pelajar membuat latihan tanpa menghiraukan kehadiran pengetua di dalam kelas tersebut. Kemudian dia hanya duduk sambil memerhati pelajar sehingga tamat sesi pengajaran dan pembelajaran. Disiplin pelajar di dalam kelas agak baik kerana ada pengetua. Selepas pencerapan, Pn. Siti telah memanggil Cikgu Guna untuk membincangkan dapatan pengajaran dan pembelajarannya selepas waktu rehat pada hari yang sama.

Di bilik pengetua.

- Pengetua: Cikgu Guna, sila masuk.
- Cikgu Guna: Terima kasih, Puan.
- Pengetua: Cikgu ada kelaskah sekarang?
- Cikgu Guna: Tak ada Puan. Saya ada kelas waktu akhir pada pukul 1.10 tengahari nanti.
- Pengetua: Cikgu Guna, cikgu sudah dicerap oleh Ketua Bidang dan Guru Penolong Kanan Pentadbiran sebelum ini. Baru sebentar tadi saya pula telah mencerap cikgu. Saya amat dukacita kerana cara mengajar cikgu masih sama walaupun telah ditegur banyak kali. Kaedah yang cikgu guna untuk mengajar tidak mengikut apa yang cikgu belajar semasa mengikuti latihan mengajar dulu. Ramai pelajar tidak berpuas hati dengan cara Cikgu mengajar sehinggakan mereka membuat aduan kepada ibu bapa. Saya rasa cikgu sudah menerima surat peringatan 1, 2 dan 3 serta surat tunjuk sebab berhubung dengan perkara ini dan perkara-perkara lain yang telah kita

Gerimis Mengundang

bincangkan dulu. Namun nampaknya cikgu masih tidak berubah. Surat tunjuk sebab yang diberi pun cikgu belum jawab lagi, sudah dua bulan. Cikgu pun dah berjanji dengan saya untuk berubah, supaya dikenakan tindakan tatatertib sekali lagi.

Cikgu Guna: Saya pun tak tahu Puan. Sudah lama saya mengajar, susah nak mengajar matematik tingkatan tiga ni!

Pengetua: Cikgu dah lama mengajar, tetapi cara macam cikgu ajar tidak dapat membantu pelajar kita untuk menjawab soalan peperiksaan nanti! Secara keseluruhannya, pada penyeliaan saya cikgu tidak mengamalkan kaedah yang betul dalam pengurusan P dan P. Kawalan kelas cikgu juga lemah!

Cikgu Guna: Maaf Puan. Hanya itu saja yang dapat saya lakukan.

Pengetua: Cikgu Guna, seperti yang saya beritahu cikgu dulu, kerjaya kita adalah untuk membentuk manusia. Jadi, kita perlu komited dan ikhlas dalam menjalankan tugas. Segala tindak-tanduk kita sebagai penjawat awam tertakluk kepada peraturan, SPI, Akta Pendidikan dan Perintah Am. Jika kita tak ikut, bersedialah untuk dikenakan tindakan lanjut. Ada apa-apa yang Cikgu ingin katakan sebelum beredar?

Cikgu Guna: Maafkan saya, Cikgu kerana saya tidak pandai mengajar.

Pengetua: Ok, Cikgu. Kita akan bincangkan perkara ini dengan lebih lanjut kemudian. Saya juga berharap cikgu dapat mengubah cara pengajaran cikgu sikit. Terima kasih, cikgu.

Cikgu Guna: Baik Puan, terima kasih.

Keesokan harinya, Pengetua telah berbincang hasil dapatan perbincangannya bersama Cikgu Guna dengan En Hashim dan tindakan yang perlu diambil seterusnya. Surat-surat makluman kepada Jabatan Pendidikan Negeri dan salinan kepada Pegawai Pelajaran Daerah, dan seterusnya ke Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan dikemas kini untuk tindakan segera.

Kira-kira enam bulan kemudian, dua orang pegawai penyiasat dari Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan hadir di bilik Pengetua.

Di bilik Pengetua SMK Murni.

Pengetua: Selamat datang ke SMK Murni, tuan. Saya amat berterima kasih atas kesudian En. Chan dan Pn. Hazizah datang ke sini.

- En. Chan: Kami juga mengucapkan terima kasih kerana Puan sudi menerima kehadiran kami ke mari. Kami telah menerima surat tindakan yang puan ambil, tetapi kami juga ingin berjumpa Cikgu Guna sebentar lagi.
- Pengetua: Di sini ada semua dokumen yang Tuan perlukan. Tindakan yang saya ambil bukan untuk menganiaya Cikgu Guna tetapi berpandukan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) , Akta Pelajaran 1996 dan Buku Panduan Perintah Am. Kita perlu berlaku adil kepada semua pihak sama ada guru-guru, ataupun ibu bapa, terutamanya pelajar.
- En. Chan: Betul, Puan. Puan boleh panggilkan Cikgu Guna? Ada beberapa perkara yang saya perlu jelaskan kepadanya.
- Pengetua: Baik Tuan, nanti saya panggilkan.

Lima minit kemudian.

- Cikgu Guna: Selamat pagi Puan, boleh saya masuk?
- Pengetua: Selamat pagi. Silakan masuk Cikgu Guna. Ini saya perkenalkan En. Chan dan Pn. Hazizah dari Bahagian Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, Putrajaya.
- En. Chan: Ya, Cikgu Guna. Apa khabar? Saya En. Chan dan ini Pn. Hazizah. *(En Chan menghulurkan tangan berjabat tangan dengan Cikgu Guna.)* Kami berdua telah dipertanggungjawabkan untuk menyiasat kes berkaitan dengan cikgu. Adakah cikgu telah diberitahu oleh Pengetua apa tindakan yang boleh dikenakan kepada cikgu?
- Cikgu Guna: Ada, Tuan.
- En. Chan: Untuk makluman cikgu, kes cikgu ni agak serius. Setelah meneliti segala dokumen dan berbincang dengan pihak berkaitan, di sini ingin saya mencadangkan kepada cikgu dua pilihan: (a) Pertama, tindakan tatatertib boleh dikenakan ke atas cikgu. Jika tindakan ini diambil, ini akan menjejaskan pencen cikgu. (b) Kedua, cikgu boleh memilih untuk bersara awal. Pilihan ini akan dapat mengelakkan tindakan tatatertib dikenakan terhadap cikgu, dan tidak menjejaskan pencen cikgu. Sebarang pilihan yang cikgu ambil, maklumkan kepada Pengetua untuk tindakan lanjut. Fikirkan dengan tenang memandangkan umur cikgu sudah mencecah 50 tahun. Jangan sia-siakan masa perkhidmatan cikgu selama ini. Terima kasih Cikgu Guna kerana memberi kerjasama kepada pihak kami.
- Cikgu Guna: Terima kasih, Tuan, Puan.

Gerimis Mengundang

Setelah beredar dari bilik Pengetua, Cikgu Guna terus ke bilik guru. Semasa menulis buku rekod mengajarnya, dia bertanya-tanya dalam fikirannya apakah pilihan yang perlu diambil bagi memastikan pilihan yang dibuat tepat dan tidak menjejaskan ekonomi keluarganya kerana dia masih perlu menanggung anak-anaknya yang masih belajar.

PROFIL SEKOLAH

Nama Sekolah:	SMK Murni
Sejarah Sekolah:	Sekolah ditubuhkan pada 1950
Lokasi Sekolah:	Kawasan luar bandar, utara Semenanjung Malaysia
Prestasi Sekolah:	Sekolah kedua terbaik di daerahnya selepas sekolah kawalan Keputusan Terbaik bagi sekolah harian biasa di daerahnya

PROFIL PENGETUA

Nama Penuh:	SITI ANIS BINTI MOKHTAR
Umur:	50 Tahun
Gred:	DG 52
Kelulusan Akademik:	Sarjana Muda Fizik dengan Pendidikan (Hons)
Pengkhususan:	Fizik (major)/Matematik (minor)
Pengalaman:	• Guru Penolong (8 Tahun) • Guru Kanan Sains dan Matematik (12 Tahun) • Guru Penolong Kanan Pentadbiran (2 Tahun) • Pengetua (6 Tahun)

Gerimis Mengundang

PROFIL GURU

LAMPIRAN 2

Nama Penuh:	GUNA A/L RAMA
Umur:	50 Tahun
Gred:	DGA 29 (lepasan Maktab Perguruan) DG 41 (Tidak disahkan jawatan kerana tidak menghadiri kursus induksi)
Kelulusan Akademik:	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) Sarjana Muda (diambil secara pendidikan jarak jauh)
Pengkhususan:	Matematik/Bahasa Tamil
Pengalaman:	1. Guru Penolong sekolah rendah (20 Tahun) (mengajar mata pelajaran Bahasa Tamil) 2. Guru Penolong sekolah menengah (7 Tahun) (mengajar mata pelajaran matematik/pengetahuan moral)
Maklumat Lain :	Isteri seorang guru sekolah menengah Bilangan anak – 5 orang (dua orang sudah bekerja, tiga orang masih bersekolah) Aktiviti lain – menjalankan tuisyen matematik di rumah tanpa dimaklumkan kepada Ketua Jabatan

**MAKLUMAT CUTI:
ENCIK GUNA A/L RAMA**

Tahun	MCK Cuti sakit Kerajaan	MCS Cuti sakit Swasta	CRK Cuti rehat Khas	CTD Cuti tanpa dokumen/sebab	Jumlah Cuti	Catatan
2006	3	14	5	16	38	2 hari CTD ditolak dari CRK yang tidak diambil
2007	0	9	7	25	41	
2008	5	5	7	35	52	
2009	2	4	7	57	70	
2010	0	0	7	236	236	

Rekod kenyataan cuti hanya dari perkhidmatan Cikgu Guna di sekolah menengah tempat beliau terlibat.

PERINTAH AM BAB D:

BAHAGIAN II
KELAKUAN

4.(1) Seseorang pegawai hendaklah pada setiap masa dan pada setiap ketika memberikan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan Kerajaan. Tatakelakuan

(2) Seseorang pegawai tidak boleh -

- (a) membelakangkan tugas awamnya demi kepentingan persendirianya;
- (b) berkelakuan dengan sedemikian cara yang mungkin menyebabkan kepentingan persendirianya bercanggah dengan tugas awamnya;
- (c) berkelakuan dengan apa-apa cara yang mungkin menyebabkan syak yang munasabah bahawa -
 - (i) dia telah membiarkan kepentingan persendirianya bercanggah dengan tugas awamnya hingga menjejaskan kegunaannya sebagai seorang pegawai awam; atau
 - (ii) dia telah menggunakan kedudukan awamnya bagi faedahnya sendiri;
- (d) berkelakuan dengan sedemikian cara hingga memburukkan nama atau mencemarkan nama perkhidmatan awam;
- (e) kurang cekap atau kurang berusaha;
- (f) tidak jujur atau tidak amanah;
- (g) tidak bertanggungjawab;
- (h) membawa atau cuba membawa apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan tuntutan berhubungan dengan perkhidmatan awam, sama ada tuntutan itu adalah tuntutan sendiri atau tuntutan anggota-anggota perkhidmatan awam yang lain;
- (i) ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah; dan
- (j) cuai dalam melaksanakan tugasnya.



SURAT AKU JANJI

Saya,,No. Kad Pengenalan
beralamat di
dengan sesungguhnya berjanji bahawa saya akan mematuhi Peraturan-Peraturan Pegawai Awam
(Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Perintah-Perintah Am, pekeliling dan surat pekeliling serta
peraturan dan arahan lain yang dikeluarkan dan dikuatkuasakan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa
sepanjang perkhidmatan saya dengan Kerajaan. Maka dengan itu saya berjanji sebagaimana yang
dikehendaki di bawah Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib)
1993 bahawa saya:

- (i) akan sentiasa taat kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan Kerajaan;
- (ii) akan sentiasa melaksanakan tugas dengan cermat, bersungguh-sungguh, cekap, jujur, amanah dan bertanggungjawab;
- (iii) tidak akan membelakangkan tugas awam demi kepentingan peribadi saya;
- (iv) tidak akan berkelakuan dengan cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadi bercanggah dengan tugas awam saya;
- (v) tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh menimbulkan syak yang munasabah bahawa saya telah membiarkan kepentingan peribadi saya bercanggah dengan tugas rasmi sehingga menjejaskan kegunaan saya sebagai pegawai awam;
- (vi) tidak akan menggunakan kedudukan saya sebagai pegawai awam bagi faedah diri saya sendiri;
- (vii) tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh memburukkan dan mencemarkan nama perkhidmatan awam;
- (viii) tidak akan membawa sebarang bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan tuntutan saya atau pegawai lain berhubung dengan perkhidmatan awam; dan
- (ix) tidak akan ingkar perintah atau berkelakuan dengan cara yang boleh ditafsirkan sebagai ingkar perintah.

Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya disabitkan kerana telah melanggar Aku Janji ini, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

GUNA A/L RAMA (PPPLD: DGA29)

.....
(Tandatangan Pegawai) (Jawatan Pegawai)

Di Hadapan:

SITI ANIS BT MOKHTAR

.....
(Tandatangan Ketua Jabatan)

.....
(Nama dan No. Kad Pengenalan Ketua Jabatan)

.....
(Tarikh)

.....
(Cap Rasmi Jabatan)

PERINTAH AM

BAHAGIAN VII
PENAMATAN DEMI KEPENTINGAN AWAM

49. (1) Walau apa pun apa-apa peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini, jika Kerajaan mendapati atau jika representasi dibuat kepada Kerajaan bahawa adalah wajar perkhidmatan seseorang pegawai ditamatkan demi kepentingan awam, Kerajaan bolehlah meminta laporan yang penuh daripada Ketua Jabatan di mana pegawai itu sedang berkhidmat atau telah berkhidmat. Laporan tersebut hendaklah mengandungi butir-butir berhubung dengan kerja dan kelakuan pegawai itu dan ulasan-ulasan Ketua Jabatan, jika ada.

(2) Jika, setelah menimbang laporan yang diterima di bawah subperaturan (1), Kerajaan berpuas hati bahawa memandangkan syarat-syarat perkhidmatan, kegunaan pegawai itu kepada perkhidmatan, kerja dan kelakuan pegawai itu dan segala hal keadaan lain kes itu, adalah wajar demi kepentingan awam untuk berbuat demikian, Kerajaan boleh menamatkan perkhidmatan pegawai itu mulai dari tarikh yang hendaklah ditentukan oleh Kerajaan.

(3) Adalah sah di sisi undang-undang bagi Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan untuk mengesyorkan kepada Kerajaan bahawa perkhidmatan seseorang pegawai itu ditamatkan demi kepentingan awam walau pun prosiding tatatertib belum dijalankan di bawah mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini; dan Kerajaan boleh dengan demikian menamatkan perkhidmatan pegawai tersebut. Subperaturan (4) hendaklah terpakai berkenaan dengan penamatan perkhidmatan pegawai awam itu di bawah subperaturan ini.

(4) Walau apa pun apa-apa jua dalam Peraturan-Peraturan ini dan mana-mana undang-undang lain yang berlawanan, apabila menamatkan perkhidmatan mana-mana pegawai demi kepentingan awam di bawah peraturan ini, pegawai itu boleh tidak diberikan apa-apa peluang untuk didengar dan seseorang pegawai yang perkhidmatannya telah ditamatkan demi kepentingan awam di bawah peraturan ini tidak boleh, bagi maksud **Perkara 135 (2) Perlembagaan Persekutuan**, dianggap telah dibuang kerja, tidak kira sama ada penamatan perkhidmatan pegawai itu melibatkan suatu elemen hukuman atau yang berkaitan dengan kelakuan berhubung dengan jawatannya yang Kerajaan menganggap tidak memuaskan atau patut disalahkan.

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN MURNI

.....
.....

TEL:

FAX:

Rujukan Kami: SMKM/09/09/004(04)

Tarikh: 8 Oktober 2008

Kepada
En. Guna a/l RamaTuan,
NOTIS KETIGA SURAT TUNJUK SEBAR

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara di atas, dimaklumkan bahawa pihak sekolah telah memaklumkan berkaitan kegagalan tuan untuk hadir bertugas melalui perbincangan lisan dengan Pengetua pada 26 Februari 2008 dan 26 Jun 2008 serta peringatan notis bertulis bertarikh 21 Mei 2008 dan 8 Ogos 2008, tetapi pihak sekolah masih tidak menerima sebarang tindakan balas dari pihak tuan.

3. Untuk ingatan tuan sekali lagi, tuan telah didapati tidak hadir bagi mengikuti aktiviti-aktiviti yang diwajibkan bagi semua guru demi untuk peningkatan profesion tuan serta tidak hadir bertugas tanpa mengemukakan sijil sakit atau memohon cuti. Maklumat tersebut adalah seperti berikut:

Latihan dalam Perkhidmatan:

Bil	Tarikh	Program	Tempat
1	2.02.2008	Bengkel Perancangan Strategik PIPP	Bilik mesyuarat SMKM
2	19.4.2008	Bengkel Peningkatan Bahasa Inggeris (PPSMI)	Bilik mesyuarat SMKM
3	3.05.2008	Bengkel Pengurusan Disiplin Murid	Bilik mesyuarat SMKM
4	11.5.2008	Program Penandaaras	SMK Tengku Bahiyah Alor Setar, Kedah

Gerimis Mengundang

Tuan juga telah didapati tidak hadir dalam beberapa mesyuarat guru dan perjumpaan yang diadakan bagi aktiviti sukan dan kokurikulum sekolah (perjumpaan kelab/persatuan/pasukan beruniform) serta aktiviti PIBG.

Tarikh tidak hadir tanpa sebab sehingga **September 2008**.

Januari	Februari	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	September
3.1.08	25.2.08	17.3.08	2.4.08	2.5.08	9.6.08	5.7.08	4.8.08	2.9.08
		22.3.08	7.4.08	5.5.08	10.6.08	7.7.08	15.8.08	8.9.08
		24.3.08	17.4.08	12.5.08	13.6.08	10.7.08		15.9.08
		25.3.08	21.4.08	16.5.08	16.6.08	17.7.08		23.9.08
			24.4.08	23.5.08	23.6.08	24.7.08		
			28.4.08			26.7.08		
						28.7.08		
JUMLAH								35 hari

3. Sehubungan dengan itu, diingatkan tindakan tatatertib akan diambil terhadap tuan mengikut tata kelakuan di bawah **Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam: Kelakuan Dan Tatatertib** seperti berikut:

- i. **Peraturan 4.2(e) : Seseorang pegawai tidak boleh kurang cekap atau kurang berusaha**
- ii. **Peraturan 4.2(g): Seorang pegawai tidak boleh tidak bertanggungjawab**
- iii. **Peraturan 4.2(i) : Seseorang pegawai tidak boleh ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah.**

4. Sehubungan itu, tuan diberi peluang sekali lagi untuk mengemukakan sijil-sijil sakit dan dikehendaki memberi surat tunjuk sebab di atas kegagalan tuan untuk hadir bagi perkara-perkara tersebut, pada atau sebelum **22 Oktober 2008**. Kerjasama pihak tuan amat diharapkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,
(SITI ANIS BT MOKHTAR)
Pengetua

- s.k: 1. Unit Naik Pangkat dan Tatatertib, JPN
2. Unit Pengurusan sekolah, PPD
3. Fail Sekolah

Kes 5

Nak pergi sekolah ke tak nak?

Nadia Hakim telah ditawarkan memasuki Sekolah Berasrama Penuh (SBP) A setelah mendapat keputusan cemerlang dalam UPSRnya. Ibu bapanya berasa amat gembira kerana anak mereka telah terpilih untuk meneruskan pelajaran di SBP sebagaimana yang mereka impikan selama ini. Sebenarnya jarak SBP A ke rumah mereka hanya kira-kira enam kilometer sahaja. Setiap kali mereka ke bandar, mereka akan melewati kampus SBP A yang tersergam indah. Kedudukannya yang berada di lereng bukit menambahkan lagi keindahan sekolah tersebut, tambahan pula dengan seni binanya yang moden dan cantik.

Namun begitu, kegembiraan mereka tidak lama. Nadia tiba-tiba berubah hati dan tidak mahu meneruskan pelajaran di sekolah tersebut. Nadia tiba-tiba sahaja membuat keputusan untuk keluar dari SBP A sebaik sahaja minggu orientasi pelajar-pelajar Tingkatan Satu tamat. Perkara ini telah membuatkan ibu bapa Nadia terkejut dan kecewa. Pihak sekolah telah cuba menangani perkara ini sebaik-baiknya dan berharap agar Nadia akan terus kekal di SBP A kerana peluang tidak akan datang dua kali. Sekali dia keluar, tempatnya akan diisi dengan pelajar lain dan dia tidak akan berpeluang berpatah balik.

Isnin, jam 8.30 pagi: Di bilik Puan Hajah Nurain, Penolong Kanan SBP A.

- Saniah: Puan panggil saya?
- Hajah Nurain: Ya, saya hendak awak laporkan hasil pertemuan awak dengan Nadia. Macam mana perkembangannya?
- Saniah: Oh, si Nadia tu? Saya baharu sahaja siapkan laporan pertemuan saya dengan dia petang semalam. Dia tidak kata apa-apa, cuma berdiam diri sahaja sepanjang pertemuan.
- Hajah Nurain: Macam selalu?
- Saniah: Ya, macam selalu.
- Hajah Nurain: Susahlah macam ni. Macam mana kita dapat tahu masalah dia kalau dia hanya berdiam diri sahaja. Kita kena selesaikan masalah ini dengan segera, sebelum Pengetua melaporkan diri.
- Saniah: Bila Pengetua hendak datang, puan?
- Hajah Nurain: Sudah tiga kali ibu bapanya datang. Begitu juga dengan datuk, nenek dan emak saudaranya. Mereka semua tidak tahu kenapa Nadia tiba-tiba menukar fikiran pada hal dulu dia sangat gembira bila dapat tawaran ke sekolah ini. Saya pun sudah letih melayan mereka. Kita mengharapkan mereka sebagai waris terdekat datang membantu,

Nak pergi sekolah ke tak nak?

tetapi sebaliknya mereka melepaskan tanggungjawab kepada kita. Nak tahu? Mereka menyalahkan kita atas apa yang terjadi terhadap Nadia.

Saniah: Ya kah? Kenapa pula?

Hajah Nurain: Entahlah! Saya pun tidak tahu mengapa kita dipersalahkan. Mereka mendakwa Nadia mungkin dibuli oleh pelajar-pelajar lain. Mereka juga berkata bahawa terlalu banyak aktiviti di sekolah hingga memberi tekanan kepadanya. Awak tahu? Ada seorang lelaki yang mengaku bapa saudaranya datang dari Thailand semata-mata hendak memastikan Nadia kekal di sekolah ini. Saya tidak tahu yang dia itu betul-betul bapa saudara Nadia atau tidak! Lagaknya macam kaki pukul.

Saniah: Kita jaga anak mereka macam anak kita sendiri. Warden kita tidak tidur malam menjaga budak-budak di asrama. Lagi pun Nadia tu budak miskin, dia diklasifikasikan sebagai pelajar Projek Khas. Kita tidak boleh keluarkan dia sesuka hati kita.

Hajah Nurain: Awak tahu tak? Datin Hajah Ramona, ahli EXCO Pendidikan Wanita XXX Bahagian Permata pun masuk campur. Dia kata hendak datang esok bagi membincangkan masalah Nadia. Dia kata dia amat sayangkan Nadia kerana dialah satu-satunya murid dari Kampung Tengah yang mendapat 5A dalam UPSR dan dapat melanjutkan pelajaran ke SBP. Bagi dia Nadia adalah kebanggaan penduduk kampungnya. Dia hendak jadikan Nadia *model* bagi murid-murid lain dalam daerah ini.

Saniah: Wah, perkara ini sudah menjadi semakin kompleks, Puan? Bukankah Datin tu ibu kepada ADUN di kawasan kita ini?

Hajah Nurain: Ya, betul. Dia ibu kepada YB Haliza dan isteri kepada bekas ahli Exco Pertanian Negeri. Bukan itu sahaja. Datin Hajah Ramona juga telah membawa perkara ini ke pengetahuan EXCO Pendidikan negeri.

Saniah: Mak oi, dahsyatnya. Tidak sangka saya, isu Nadia hendak keluar dari sekolah ini dibawa hingga ke pengetahuan EXCO. Jadi, bila EXCO tahu, perkara ini tentu dibawa ke pengetahuan Pengarah Pendidikan Negeri, kan?

Hajah Nurain: Ya, memang betul. Saya baru sahaja menerima panggilan telefon daripada En. Isa dari Unit Perhubungan Jabatan Pendidikan Negeri meminta saya menyediakan laporan lengkap untuk dibentangkan kepada Pengarah. Jadi saya sediakan laporan itu segera kerana dia akan datang ke sini pada bila-bila masa hari ini.

- Hajah Nurain: La, macam awak tidak tahu pulak! Bila perkara ini sampai ke pengetahuan Pengarah Pendidikan negeri, maka Pejabat Pendidikan Daerah pun tentu mengetahuinya. Sekejap lagi saya hendak telefon tuan Pejabat Pendidikan Daerah untuk membuat makluman awal secara lisan perkara ini.
- Saniah: Mengapa pihak luar campur tangan perkara ini? EXCO pelajaran tahu tak yang kita ini di bawah tanggungjawab Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan? Bukan di bawah pentadbiran Jabatan Pendidikan Negeri.
- Hajah Nurain: Betul tu, tetapi ramai orang tidak tahu perkara ini. Mereka sangka semua sekolah kerajaan berada di bawah pentadbiran Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah. Mereka menganggap Sekolah Berasrama Penuh juga berada di bawah tanggungjawab JPN negeri.
- Saniah: Pengarah BPSBPSK sudah kita maklumkan ke, Puan?
- Hajah Nurain: Sudah, awal-awal lagi saya memaklumkan kepada Pengarah dan juga kepada Timbalan Pengarah. Saya juga kasihankan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid sebab dia asyik dipersalahkan oleh banyak pihak terutama keluarga Nadia. Padahal dia telah banyak melakukan tindakan sejak dari mula lagi. Mereka kata dia tidak buat apa-apa untuk selesaikan masalah ini. Awak pun tahu kan yang Penolong Kanan Hal Ehwal Murid banyak membantu saya, sama macam awak dan warden-warden kita.
- Saniah: Ya la, Puan. Orang tidak nampak apa yang kita buat, sebaliknya kita asyik dipersalahkan sahaja.
- Hajah Nurain: Sudah la tu. Sabarlah. Inilah cabaran kita sebagai guru Sekolah Berasrama Penuh. Bukan kita sahaja, rakan-rakan kita di SBP lain pun banyak masalah. Tengok Pengetua dan ketiga-tiga Penolong Kanan Sekolah Berasrama Za'aba yang kena tukarkan ke sekolah lain kerana semata-mata tidak sebulu dengan alumni sekolah itu. Mereka telah diberi *short notice* supaya berpindah segera.
- Saniah: Ya la. Memang inilah cabaran kita. Kasihan mereka yang terpaksa berpindah pada hal mereka sangat dedikasi. Ada yang terpaksa berpindah jauh dari tempat tinggal mereka sedangkan mereka sudah membeli rumah dan anak-anak telah lama bersekolah di tempat mereka.
- Hajah Nurain: Apa yang awak nak buat sekarang?

Nak pergi sekolah ke tak nak?

- Saniah: Saya akan menemu bual rakan-rakan yang pernah rapat dengan Nadia semasa Minggu Orientasi dahulu. Mana tahu dapat input baru yang boleh membantu kita menangani masalah ini. Saya juga hendak menyambung menulis laporan saya untuk disemak oleh Puan sebelum dipanjangkan ke Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah.
- Hajah Nurain: Ya, bagus tu Saya pun sudah minta Ustaz Aman, Ketua Warden kita untuk membantu awak. Dia tidak akan masuk ke kelas hari ini kerana saya sudah minta guru jadual waktu membuat *relief* untuk semua kelasnya. Sayang, kerana seorang pelajar bermasalah, kita terpaksa korbakan ramai pelajar lain.
- Saniah: Ya la Puan, saya lupa hendak beritahu yang ramai pelajar datang jumpa saya sejak dua tiga hari ini. Mereka mengadu yang kita terlalu memberi perhatian kepada kes Nadia hingga mengabaikan 600 pelajar lain.
- Hajah Nurain: Saya pun dapat merasakan begitu. Kes ini sudah berlarutan lebih daripada dua bulan tetapi belum ada penyelesaian. Saya pun rasa bersalah kerana terlalu memberi perhatian kepada masalah Nadia hingga lupa kita ada 600 orang anak yang perlu kita jaga. Silap haribulan, esok lusa ada ibu bapa pelajar yang telefon kita, marah sebab perkara ini.
- Saniah: Baiklah, puan. Saya pergi dahulu. Kalau kita berbual sampai esok pun, tidak habis.
- Hajah Nurain: Biar saya pergi dulu untuk siapkan kerja saya.

Apabila Kaunselor beredar, Hajah Nurain merenung jauh ke arah gunung ganang yang berbalam melalui kaca tingkap pejabat. Dia tidak tahu apa yang bakal dihadapinya sebentar lagi. Dia juga sedar bahawa, sebagai pemangku Pengetua, dia terpaksa bertanggungjawab atas semua keputusan yang dibuat. Nasib baik dia dikelilingi oleh barisan warden, kaunselor dan guru-guru yang memahami dirinya dan bersedia untuk sama-sama memikul tanggungjawab ini.

PROFIL SEKOLAH

Nama Sekolah:	Sekolah Berasrama Penuh A
Tahun Dibuka:	2003
Bilangan Pelajar:	598 orang
Bilangan Guru:	70 orang
Bilangan Sokongan:	22 orang
Lokasi:	25 km dari Bandaraya Ipoh
Latar Belakang	Taraf Pekerjaan
Ibu bapa:	• Paling rendah – buruh kasar/pekerja kampung • Paling tinggi – tokoh korporat terkenal

Nak pergi sekolah ke tak nak?

LAMPIRAN 2

PROFIL GURU PENOLONG KANAN

Nama Penuh: HAJAH NURAIN BINTI HAJI MOHD SAID
 Umur: 45 tahun
 Gred: DG41
 Kelulusan Tertinggi: Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (UKM)
 Kelulusan Ikhtisas: Diploma Pendidikan (UKM)
 Maklumat
 Perkhidmatan: 1. Sekolah Berasrama Penuh Timur (1999-2003)
 2. Sekolah Berasrama Penuh Tengah (2003-2008)
 3. Sekolah Berasrama Penuh A (2008-2011)

PROFIL KAUNSELOR

Nama Penuh: SANIAH BINTI AHMAD ALWI
 Umur: 26 tahun
 Gred: DG44
 Kelulusan Tertinggi: Ijazah Sarjana Muda Bimbingan dan Kaunseling (UPSI)
 Kelulusan Ikhtisas : Pendidikan Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI)
 Maklumat
 Perkhidmatan: 1. Sekolah Berasrama Penuh A (2003-2011)

PROFIL SEKOLAH

Nama Pelajar: NADIA BINTI HAKIM
Tarikh Lahir: 6 Januari 1999 Umur: 13 tahun
Pencapaian: 5A (Ujian Pentaksiran Sekolah Rendah)
Tokoh Murid (1999)
7A 2B (UPSR (A))

Latar belakang
keluarga:

Nadia ialah anak kedua kepada enam orang adik-beradik – empat perempuan dan dua lelaki. Ayahnya En. Hakim bin Othman pula bekerja sebagai penoreh getah dan ibunya Aminah binti Abdullah ialah seorang surirumah sepenuh masa. Sebagai anak sulung perempuan, Nadia sudah biasa membantu keluarganya menjual kuih-muih di kawasan perumahannya sebelum ke sekolah. Selepas waktu sekolah, Nadia membantu menjaga adik-adiknya di rumah. Di sebelah malamnya, beliau membantu adik-adiknya membuat kerja rumah sekolah. Oleh itu, beliau jarang berenggang dari keluarganya.



Kes 6 Kuli, Ulam dan Lauk

Pada suatu pagi yang damai, Saiful, Pembantu Rendah Am Sekolah Berasrama Penuh Melati memaklumkan kepada Pengetua bahawa seorang pegawai dari Jabatan Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) datang untuk berjumpa dengannya. Pegawai JNJK tersebut, En. Abdul memaklumkan kepada beliau bahawa kehadiran beliau atas arahan Ketua Jemaah Nazir Persekutuan berikutan aduan En. Kamil tentang kes yang melibatkan anaknya. Pegawai tersebut juga memaklumkan bahawa dia perlu mendapatkan gambaran yang jelas tentang apa yang sebenarnya berlaku sehingga menyebabkan Pengetua terpaksa mengambil keputusan mengeluarkan lima orang pelajar tingkatan empat sekolah ini dari sistem Sekolah Berasrama Penuh (SBP).

Di pejabat Pengetua.

- Pengetua: Pada pendapat kami, ini bukanlah kes pukul biasa.
- En. Abdul: Apa maksud cikgu?
- Pengetua: Ini adalah sebahagian daripada amalan yang kami namakan *Students' Underground Council* (SUC) di sekolah ini.
- En. Abdul: Saya masih tidak faham, tuan. Takkan di Sekolah Berasrama Penuh pun ada pertubuhan haram. Bahaya ni!
- Pengetua: *Students' Underground Council*. Sejak saya datang ke sini pertengahan tahun lalu, saya diingatkan oleh warden saya bahawa terdapat amalan negatif dalam kalangan pelajar di sini yang belum dapat diatasi sepenuhnya mengenai perkara ini.
- En. Abdul: *Students' Underground Council*?
- Pengetua: Sebahagian daripada pelajar di sekolah ini terlibat dengan aktiviti *Students' Underground Council* iaitu mereka memilih pemimpin dalam kalangan mereka sendiri. Mereka berpendapat dengan cara ini, mereka dapat mengekalkan jati diri dan etos sekolah ini.
- En. Abdul: Habis itu, bagaimana barisan pengawas dan pemimpin yang dilantik oleh sekolah?
- Pengetua: Mereka mengiktiraf Lembaga Pengawas Sekolah tetapi pada masa yang sama mereka sangat menghormati SUC ini. Mereka menganggap yang mereka boleh mempertahankan etos sekolah.
- En. Abdul: Mengapa sampai begitu sekali?
- Pengetua: Mereka ada satu persepsi yang salah iaitu mereka menganggap peraturan sekolah terlalu menyekat kebebasan mereka untuk bertindak dan bersuara.

Kuli, Ulam dan Lauk

- En. Abdul: Tuan fikir ada kah sebahagian daripada peraturan di sini yang tidak *relevan* serta menyekat kebebasan pelajar?
- Pengetua: Peraturan dibuat untuk kebaikan semua. Cuma segelintir pelajar yang tidak dapat menerimanya.
- En. Abdul: Boleh tuan nyatakan peraturan-peraturan yang mereka tidak suka?
- Pengetua: Contohnya, setiap malam lampu di asrama mesti dipadamkan pada jam 11.45 malam. Pelajar-pelajar tidak dibenarkan berada di kamar lain selain kamar mereka sendiri. Keluar ke bandar sebaliknya mereka hanya dibenarkan pada hari Sabtu sahaja, Itu pun selepas jam 10.00 pagi. Kalau hari Sabtu itu hari persekolahan ganti, mereka dibenarkan keluar selepas jam 2.30 petang.
- En. Abdul: Saya tidak lihat ini semua sebagai menyekat kebebasan pelajar. Apa masalah mereka sebenarnya?
- Pengetua: Mereka minta pihak sekolah membenarkan mereka berjaga sehingga awal pagi, atas alasan hendak mengulang kaji pelajaran dan membuat kerja sekolah. Mereka juga mahu bebas bergerak ke mana-mana kamar yang mereka suka pada bila-bila masa. Mereka juga mahu pihak sekolah membenarkan mereka keluar ke bandar dua hari seminggu iaitu pada hari Sabtu dan Ahad. Bila pihak sekolah tidak melayan kehendak mereka ini, mereka kata sekolah tidak memahami.
- En. Abdul: Ke situ pula yang mereka fikir!
- Pengetua: Mereka juga mahukan semua pelajar sekolah ini diwajibkan bermain ragbi kerana menganggap ragbi sukan tradisi sekolah yang mesti dipertahankan.
- En. Abdul: Tidak wajar kita memaksa semua pelajar lelaki bermain satu jenis sukan sahaja. Terpulanglah kepada mereka untuk memilih sukan yang mereka minat.
- Pengetua: Betul tu. Itulah yang sedang kami lakukan. Kami bebaskan pelajar-pelajar sekolah ini memilih apa sahaja jenis sukan atau permainan yang mereka ingin sertai.
- En. Abdul: Saya masih tidak nampak perkaitan antara kes pukul yang dilakukan oleh anak En. Kamil ini dengan apa yang tuan cakapkan.
- Pengetua: Sebenarnya, SUC satu bentuk gerakan yang mengutamakan *senior*. Lebih senior seseorang pelajar, lebih tinggi penguasaannya terhadap *junior*.
- En. Abdul: Menarik...

- Pengetua: Sebenarnya ada gelaran untuk pelajar-pelajar iaitu pelajar tingkatan lima dikatakan sebagai 'king', pelajar tingkatan empat disebut *honeymoon*, pelajar tingkatan tiga pula 'kuli', pelajar tingkatan dua 'ulam' pelajar tingkatan satu sebagai 'lauk'.
- En. Abdul: Siapa yang bagi gelaran-gelaran ini? Bila ia bermula?
- Pengetua: Menurut warden saya yang membuat kajian dan siasatan, mereka kata tidak dapat dipastikan sejak bila gelaran ini wujud dan tidak pula diketahui bagaimana ia wujud.
- En. Abdul: Tentu gelaran *king*, *honeymoon*, 'kuli', 'ulam' dan 'lauk' memberi maksud tertentu. Betul tak, tuan?
- Pengetua: Ya betul. *King* bermaksud raja iaitu pelajar-pelajar tingkatan lima yang berada pada piramid hierarki paling atas tidak boleh diusik oleh pelajar-pelajar *junior*. Mereka boleh meminta apa sahaja dan pelajar-pelajar lain mesti ikut.
- En. Abdul: *Honeymoon* pula?
- Pengetua: *Honyemoon* bermaksud tahun rehat bagi pelajar-pelajar tingkatan empat. Mereka tidak boleh disentuh oleh pelajar-pelajar tingkatan lima. Maksudnya mereka tidak boleh diarah atau disuruh oleh *senior* mereka. Walaupun begitu, mereka boleh mengarahkan pelajar-pelajar tingkatan tiga, dua dan satu untuk menurut kehendak mereka asalkan dibenarkan oleh pelajar-pelajar tingkatan lima.
- En. Abdul: Pulak!
- Pengetua: Ungkapan kuli, ulam dan lauk bagi pelajar-pelajar tingkatan rendah menggambarkan yang mereka tidak ada sebarang kuasa selain daripada menurut sahaja arahan daripada abang-abang dan kakak-kakak di tingkatan empat dan lima.
- En. Abdul: Apakah arahan-arahan yang biasa dikenakan oleh pelajar-pelajar *senior* terhadap pelajar-pelajar *junior*?
- Pengetua: Ada banyak, contohnya membasuh pakaian *senior*; menyeterika baju dan seluar, membeli makanan di kantin, membersihkan kamar, mengemaskan katil dan buat apa sahaja yang disuruh *senior*.
- En. Abdul: Kalau budak-budak *junior* tak ikut arahan?
- Pengetua: Mereka akan kena *sanction*, dipulaukan, disingkirkan dari pasukan sukan dan permainan, tidak dibantu dalam pelajaran dan sebagainya.
- En. Abdul: Macam mana boleh berlaku? Di mana warden? Kaunselor buat apa?
- Pengetua: Macam yang saya cakap tadi, ini berlaku secara *underground*. Pelajar-pelajar tidak akan melaporkan perkara ini. Tiada laporan,

Kuli, Ulam dan Lauk

tiada kes. Jika tiada kes, maka tiada tindakan yang dapat diambil. Semua pelajar termasuk yang baru merasakan ini perkara biasa dan tidak ada apa-apa yang pelik atau negatif. Sesi kaunseling berkumpulan dan individu telah kerap kali diadakan. Sementara itu, jawatankuasa disiplin sekolah juga telah berulang kali memberi amaran agar pelajar-pelajar tidak terlibat dengan gejala negatif ini.

En. Abdul: Takkan sekolah tidak buat apa-apa tentang perkara ini?

Pengetua: Kami menggunakan segala kepakaran dan peluang untuk memastikan perkara ini tidak berlaku. Kalau hendak tahu, tuan boleh jumpa kaunselor dan ketua warden sebentar nanti. Mereka ada rekodkan semua tindakan yang diambil bagi mengatasi masalah ini.

En. Abdul: Sebentar lagi saya jumpa mereka. Kalau tuan sudah tahu perkara ini berlaku sepatutnya tindakan sudah diambil sejak dari awal lagi.

Pengetua: Ya. Macam-macam kami dah buat. Cuma kami susah hendak mendapat kerjasama daripada pelajar-pelajar sebab mereka sudah menerima perkara ini. Jadi kami cuba menanamkan dalam pemikiran pelajar-pelajar baru, apa yang baik dan apa yang tidak.

En. Abdul: Susah sangat ke?

Pengetua: Tidaklah susah sangat, cuma pelajar-pelajar yang tidak mahu memberikan kerjasama. Lagi pun kami tidak boleh buat tuduhan tanpa bukti dan tanpa alasan yang kukuh. Macam mana kami hendak buktikan tentang *Students' Underground Council* kepada ibu bapa? Mati hidup balik mereka tidak akan percaya, malah mereka akan tuduh kami mereka-reka cerita pasal anak mereka.

En. Abdul: Pernah cakap kepada ibu bapa?

Pengetua: Pernah. Kami pula dipersalahkan. Kata mereka kami yang berlebih-lebih. Mereka tidak percaya yang anak-anak mereka boleh bertindak sejauh itu. Bagi pelajar-pelajar *junior* pula, berkhidmat untuk *senior* adalah satu kebanggaan dan penghormatan.

En. Abdul: Macam mana tuan tahu yang kes terkini ini ada kaitan dengan SUC seperti yang tuan cakap tadi?

Pengetua: Beginilah. Saya persilakan tuan mendapatkan maklumat lengkap daripada Penolong Kanan Hal Ehwal Murid kami yang merupakan Ketua Warden sekolah ini. Beliau boleh menceritakan dengan terperinci dan perkaitannya dengan isu *SP*.

En. Abdul: Baiklah.

Cikgu Abdul telah dibawa ke bilik Cikgu Rashid, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid yang juga Ketua Warden Sekolah Berasrama Penuh Melati untuk mendapat maklumat yang lebih lanjut tentang kes ini. Pengetua sendiri yang membawanya ke bilik Penolong Kanan Hal Ehwal Murid.

Perbincangan kali ini banyak berkisar tentang apa yang dikatakan sebagai *Students' Underground Council* dan perkaitannya dengan kes pelajar Tingkatan empat memukul pelajar Tingkatan dua. Penolong Kanan Hal Ehwal Murid menunjukkan laporan kes serta menunjukkan fail yang mengandungi rekod lama bagi kejadian yang sama. Setelah berkenalan secara ringkas, Cikgu Abdul terus bertanya kepada Penolong Kanan Hal Ehwal Murid.

Di bilik Cikgu Rashid, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid.

En. Abdul: Macam mana sekolah boleh tahu yang kes pukul ini ada kaitan dengan *Students' Underground Council* seperti yang Pengetua cakap tadi?

PK HEM: Berdasarkan kepada bagaimana cara pelajar *senior* memukul.

En. Abdul: Bagaimana ya?

PK HEM: Salah satunya ialah pukulan yang dinamakan sebagai *double impact* iaitu dua orang pelajar *senior* menendang secara serentak ke bahagian torso pelajar *junior* iaitu seorang di bahagian dada manakala seorang lagi di bahagian belakang.

Cikgu Abdul: Eh, ngerinya!

Cikgu Rashid: Pelajar *junior* juga diminta membuat pergerakan helikopter selama beberapa minit.

Cikgu Abdul: Apa dia pergerakan helikopter itu?

PK HEM: Pelajar *junior* diminta membongkok sambil jari telunjuk dirapatkan ke ibu jari kaki. Jari tangan kanan menunjukkan kepada ibu jari kaki kanan. Lepas itu pelajar tersebut diminta membuat pusingan sama ada secara mengikut jam atau melawan jam selama beberapa minit. Biasanya pelajar-pelajar ini akan tumbang selepas diperlakukan begitu.

En. Abdul: Begitu?

PK HEM: Pelajar *junior* juga diminta membuat *passola* iaitu berdiri seperti sedang menunggang skuter selama beberapa minit (*PK HEM bercerita sambil menggayakan posisi passola kepada En. Abdul*). Biasanya pelajar-pelajar ini dikehendaki berdiri dalam keadaan begitu selama 10 ke 15 minit.

En. Abdul: Tidak lama sangat.

Kuli, Ulam dan Lauk

- PK HEM: Ya, memang tidak lama tetapi menyeksakan. En. Abdul cuba buat selama lima minit. En. Abdul akan merasakan ketegangan otot dan urat di peha, betis dan lengan.
- En. Abdul: Memang kejam.
- PK HEM: Ada lagi yang lebih kejam.
- En. Abdul: Ada lagi?
- PK HEM: Ya, ada lagi. Pelajar *junior* diminta berdiri kira-kira dua atau tiga meter sambil membelakangkan dinding, lepas itu pelajar *senior* akan menendang di bahagian perut pelajar tadi. Kesannya, pelajar tersebut akan terdorong ke belakang dan terhentak di dinding. Ini dinamakan *high impact*.
- En. Abdul: Macam mana tuan mengaitkan kejadian pukul kali ini dengan isu *Students' Power* yang Pengetua cakap tadi?
- PK HEM: Berdasarkan kecederaan seperti lebam dan calar yang dialami oleh pelajar *junior*. Ada antara warden kami berpengalaman dan mengetahui gejala ini.
- En. Abdul: Pelajar-pelajar ini mengaku ke?
- PK HEM: Pada mulanya tiada siapa yang bersuara. Tetapi setelah dipaksa akhirnya ada seorang pelajar yang mengaku. Itu pun setelah dia mengadu dia pening dan sakit perut.
- En. Abdul: Apa kata pelajar yang memukul? Adakah mereka mengaku yang ini unsur-unsur *Students' Underground Council*?
- PK HEM: Tidak mungkin mereka mengaku. Mereka bagi alasan pelajar tingkatan dua dipukul kerana degil, sombong, tidak mengemas katil, tidak solat berjemaah dan macam-macam lagi alasan.
- En. Abdul: Boleh saya tanya satu soalan?
- PK HEM: Ya, tanyalah.
- En. Abdul: Mana perginya warden semasa kejadian ini?
- PK HEM: Warden bertugas meronda di seluruh kawasan sehingga jam 2.30 pagi. Bila didapati yang semua pelajar sudah tidur, dia pergi bilik warden untuk berehat. Ya, kan cikgu, esoknya dia hendak mengajar.
- En. Abdul: Takkan warden tak dengar apa-apa yang pelik? Atau terlihat sesuatu yang mencurigakan?
- PK HEM: Sebenarnya di sekolah ini, bukan warden yang menjaga pelajar sebaliknya pelajar-pelajar yang menjaga warden. Mereka sentiasa memerhatikan pergerakan warden. Ada antara mereka yang tidak tidur tetapi memerhatikan warden kami. Lagi pun asrama kami bangunan lama. Kedudukan blok-blok jauh antara satu sama lain. Di setiap

bangunan ada sudut-sudut tersembunyi, jadi senanglah pelajar-pelajar memerhatikan kami. Semasa kejadian ini berlaku, ada pelajar *senior* lain yang memantau pergerakan guru. Jika ada guru yang lalu, dari jauh mereka sudah nampak dan mereka sembunyikan diri.

En. Abdul: Ini bermakna pelajar-pelajar tingkatan dua itu rela dipukul, ya?

PK HEM: Ya, benar. Sebenarnya mereka rela dipukul sedemikian rupa.

En. Abdul: Untuk apa?

PK HEM: Untuk melayakkan diri mereka menjadi pemimpin pelapis *Students' Power* untuk kumpulan mereka.

En. Abdul: Apa faedah yang mereka dapat bila menjadi pemimpin *SP* ini?

PK HEM: Mereka tidak boleh diusik oleh mana-mana *senior*. Tidak ada sesiapa lagi yang akan menyuruh mereka membasuh baju, membelikan makanan, menseterika baju dan tidak lagi menjadi 'ulam', 'lauk' dan kuli lagi.

En. Abdul: Oh, begitu. Dalam laporan ada tulis tentang perkara ini tak? Maksud saya tentang *Students' Power*.

PK HEM: Tidak. Sebab kami hanya fokuskan kepada kejadian pukul dan buli sahaja. Kami berpegang kepada yang zahir. Siapa yang memukul dan membuli, jika terbukti, tindakan akan dikenakan setimpal dengan kesalahan mereka. Dalam kes ini, lima orang pelajar tingkatan empat telah didapati bersalah kerana memukul empat orang pelajar tingkatan dua.

En. Abdul: Bagaimana sekolah boleh tahu perkara ini? Ada aduan ke?

PK HEM: Sebenar tidak ada pelajar yang mengadu. Perkara dikesan oleh En. Razak, seorang warden ketika dalam perjalanan membawa pelajar ini ke klinik untuk mendapatkan rawatan. Bila ditanya, pelajar ini mendakwa yang dia tercedera ketika bermain ragbi petang sebelumnya. Tetapi Cikgu Razak seorang yang berpengalaman, dia tahu yang pelajar itu berbohong. Doktor yang merawat budak itu memberitahu yang kesan lebam dan calar pada badan budak itu konsisten dengan pukulan, tumbukan dan tendangan seseorang yang lain.

En. Abdul: Macam mana perkara ini boleh terbongkar?

PK HEM: Kami desak budak itu menceritakan apa yang berlaku. Kami telefon bapanya untuk mendapatkan bantuan. Akhirnya segala-galanya terbongkar.

Kuli, Ulam dan Lauk

- En. Abdul: *Ok lah. Bagi saya salinan laporan yang dihantar ke Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama. Biar saya baca dahulu. Sebelum itu, izinkan saya berjumpa dengan warden-warden yang terlibat.*
- PK HEM: *Baiklah. Nanti saya maklumkan kepada Pengetua permintaan tuan. Tuan boleh tunggu di Bilik Mesyuarat.*
- En. Abdul: *Terima kasih.*

Cikgu Rashid meminta Pembantu Tadbir Rendah untuk membawa Cikgu Abdul ke Bilik Mesyuarat manakala beliau pergi berjumpa Pengetua untuk memaklumkan permintaan Cikgu Abdul. Cikgu Abdul mencatatkan hasil perbincangannya dengan Pengetua dan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid sambil menunggu laporan yang dihantar oleh Cikgu Rashid, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid.

PROFIL SEKOLAH

Nama Sekolah:	Sekolah Berasrama Penuh Melati (kategori <i>Premier</i>)
Tahun Dibina:	1958
Bilangan Pelajar:	694 orang (Lelaki Sahaja)
Bilangan Guru:	66 Orang
Bilangan Staf	
Sokongan:	22 Orang
Lokasi:	Pusat Bandaraya di Negeri Utara Semenanjung Malaysia
Latar Belakang Sekolah	
Berasrama Penuh:	• Bangunan lama tetapi lengkap dari segi fizikal dan prasarana. • Pelajar-pelajar yang memasuki sekolah ini mesti memperoleh 5A UPSR atau 8A dalam peperiksaan PMR. • Ibu bapa/Penjaga pelajar terdiri daripada ahli korporat, ahli profesional, penjawat awam, petani, pekebun, buruh, dan sebagainya. • Pencapaian agak cemerlang dalam peperiksaan PMR dan SPM pada setiap tahun.

PROFIL PENGETUA

Nama Penuh: RAZALI BIN ABU HASSAN
 Umur: 54 tahun
 Jawatan: Pengetua Cemerlang
 Gred: DG 54
 Akademik: Ijazah Sarjana Muda (Pengajian Melayu) dengan Kepujian UM
 Ikhtisas : Diploma Pendidikan Universiti Malaya
 Pengalaman: 1. Pengetua DG 48 di SMK Bayan Budiman (4 tahun)
 2. Pengetua Kanan DG 52 di SMK Permata Budi (3 tahun)

PROFIL GURU PENOLONG KANAN HAL EHWAL MURID

Nama Penuh: RASHID BIN HAJI IDRIS
 Umur: 43 tahun
 Jawatan: Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
 Gred: DG 44
 Akademik: Ijazah Sarjana Muda (Pendidikan Fizik) dengan Pendidikan (USM)
 Ikhtisas : Fizik (*major*); Matematik (*minor*)
 Pengalaman: 1. Guru Penolong Mata Pelajaran Fizik di SBP Melati (13 tahun)
 2. Guru Penolong Kanan Kokurikulum SBP Melati (3 tahun)
 3. Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid SBP Melati (2 tahun)

Kes 7

Kes Polis Lagi!

Pada satu hari, dua orang warden iaitu Saiful dan Zamri yang bertugas di sebuah Sekolah Berasrama Penuh sedang berbual tentang laporan polis yang dibuat oleh ibu bapa salah seorang pelajar sekolah tempat mereka mengajar. Tuduhan yang dibuat ialah guru telah menampar anaknya di hadapan khalayak ramai tanpa sebab. Sambil berbual, mereka makan dan minum di sebuah warung tidak jauh daripada sekolah mereka.

Di suatu petang di warung Pak Abu, Kampung Jiwang.

- Saiful: Kena lagi kita?
- Zamri: Kena apa?
- Saiful: Takkan tak ingat? Pagi tadi kan ada polis datang ke sekolah kita.
- Zamri: Oh ya, kes polis yang baru ni? Ingat.
- Saiful: Seingat kau, sudah berapa kali ibu bapa buat laporan polis terhadap kita?
- Zamri: Ini kali ketiga, betul tak?
- Saiful: Betul. Cuma kali ini, aku seorang saja yang kena.
- Zamri: Alah, kau jangan risau la. Kita semua tahu apa yang sebenarnya berlaku hari tu. Dulu, pernah dua kali laporan polis yang dibuat terhadap kita, semuanya berakhir begitu sahaja.
- Saiful: Memang la tak jadi apa-apa sebab kita tak buat apa-apa salah pun. Kita cuma buat apa sepatutnya demi menegakkan peraturan sekolah. Budak-budak tak pernah sukakan warden. Sama lah nasib kita dengan guru disiplin.
- Zamri: Betul tu. Aku setuju. Masa Majlis Sambutan Hari Guru, bila ada anugerah guru paling popular, seingat aku tak pernah seorang warden dan guru disiplin yang dapat. Yang dapat cuma guru-guru yang tak pernah menjadi warden atau guru disiplin.
- Saiful: Tengah hari tadi Pengetua memanggil aku pasal kes semalam. Masa tu ada dua orang anggota polis di pejabat. Aku diminta menceritakan apa sebenarnya yang berlaku petang semalam.
- Zamri: Apa yang kau ceritakan?
- Saiful: Ye la, apa yang sebenarnya berlaku. Aku bagi tahu selepas perlawanan bola sepak antara pasukan dari sekolah kita dengan SMK Permata, pergaduhan mula berlaku.
- Zamri: Ada kau bagi tahu siapa yang mulakan pergaduhan?

Kes Polis Lagi!

- Saiful: Ada. Aku cakap budak-budak sekolah kita yang memulakan pergaduhan. Ala, mentang-mentang la sekolah kita yang menang, main di padang sekolah kita pulak, budak-budak kita mula masuk ke padang dan mengejek-ejek pemain-pemain dan penyokong-penyokong SMK Permata.
- Zamri: Aku pun nampak pemain-pemain dan penyokong SMK Permata sakit hati dan mula hendak bertindak balas terhadap provokasi budak-budak kita. Ada dua tiga orang penyokong sekolah itu yang telah mencapai tepi keledar dan menuju ke arah budak-budak kita. Nasib baiklah cikgu pengiring sekolah tu sempat menahan penyokong tu.
- Saiful: Budak kita yang bernama Noor Akmal paling lantang dan paling kurang ajar mengejek pemain SMK Permata. Dia siap menari-nari sambil membuka baju di tengah padang. Sempat dia mengoyang-goyangkan punggungnya ke arah pasukan lawan.
- Zamri: Siapa yang tak sakit hati kalau diperlakukan begitu?
- Saiful: Bila aku tengok budak-budak kita semakin berani dan penyokong-penyokong pasukan SMK Permata semakin marah, aku pun meluru ke tengah padang dan menarik Noor Akmal keluar. Dia meronta-ronta masa aku pegang lengan dia. Aku tengking dia dan terus menarik dia keluar padang.
- Zamri: Betul ke kau tampar pipi dia?
- Saiful: Betul, aku mengaku kat polis yang aku ada menampar pipi kiri dia. Sebab aku tengok dia macam orang hilang akal, terjerit-jerit tak tentu pasal!
- Zamri: Polis kata apa?
- Saiful: Entah, aku tak ingat. Yang aku ingat ialah aku beritahu mereka yang aku ada menampar pipi budak si Noor Akmal tetapi bukan untuk menyakitkan dia. Aku tampar pipi dia untuk menyedarkan dia sebab dia masa tu dah macam kena di rasuk syaitan.
- Zamri: Lagi? Kau kata apa?
- Saiful: Aku cakap, kalau aku menampar Noor Akmal dengan marah, tentu pipi dia merah dan lebam. Ini tidak! Tambahan lagi, aku sempat menanggalkan cermin mata Noor Akmal sebelum aku menampar pipinya. Aku takut tamparan aku mengenai cermin mata dan akan mencederakan dia. Kalau aku menampar dengan marah, aku rasa aku tak ingat pasal cermin mata dia.
- Zamri: Kau ada bagi tahu apa-apa lagi?

- Saiful: Ada. Aku cakap yang lengan kiri Noor Akmal merah sebab cengkaman aku yang kuat untuk menarik dia keluar dari padang. Aku juga bagi tahu yang aku fokuskan kepada Noor Akmal kerana aku nampak dia orang yang pertama masuk ke padang.
- Zamri: Betul tu. Kami semua nampak Noor Akmal yang memulakan provokasi. Tidak ada semangat kesukanan langsung budak itu. Yang peliknya pemain-pemain dari sekolah kita *cool* saja. Dia pula yang berlebih-lebih.
- Saiful: Yang aku tahu, Cikgu Iqbal dan Cikgu Jamal yang jadi guru bola sepak sekolah kita pun malu dengan keadaan ini.
- Zamri: Ada kau bagi tahu polis yang pergaduhan pasti berlaku kalau kita tidak bertindak dengan segera?
- Saiful: Ada. Aku juga cakap yang guru-guru dari SMK Permata telah menghalang pelajar-pelajar dan penyokong sekolah mereka daripada memasuki ke padang untuk mengelakkan pergaduhan dengan pelajar-pelajar sekolah kita.
- Zamri: Anggota polis tu cakap apa?
- Saiful: Salah seorang anggota polis tu bagi tahu yang aduan polis telah dibuat di Ibu Pejabat Polis Shah Alam malam tadi. Menurut laporan itu, dakwaan telah dibuat terhadap aku yang kononnya telah menampar dan mengasari Noor Akmal tanpa sebab di khalayak ramai. Mereka kata tamparan aku itu telah menyebabkan, Noor Akmal mengalami kecederaan, trauma dan gangguan emosi.
- Zamri: Satu lagi pelik! Perkara berlaku di sini tapi laporan dibuat Ibu Pejabat Polis Shah Alam.
- Saiful: Ya tu. Ada perkara yang lebih pelik daripada itu!
- Zamri: Apa dia?
- Saiful: Laporan itu bukan dibuat oleh bapa atau ibunya tetapi oleh orang lain.
- Zamri: La, siapa pulak?
- Saiful: Laporan dibuat oleh En. Jamsari yang anaknya kita tangkap di sebuah *cyber cafe* pada jam dua pagi awal tahun ini.
- Zamri: Apa kaitan antara En. Jamsari dengan Noor Akmal?
- Saiful: Setahu aku, tiada sebarang kaitan. Aku rasa si Badrul, anak En. Jamsari yang memutarbelitkan cerita hingga mendorong ayahnya membuat laporan polis.

Kes Polis Lagi!

- Zamri: Ye la. Aku ingat lagi yang En. Jamsari tidak boleh menerima hakikat yang anaknya telah melakukan kesalahan. Dia pernah menuduh kita sengaja mencari salah anak dia.
- Zamri: Habis, apa kesudahan laporan itu?
- Saiful: Polis beritahu laporan itu sepatutnya dibuat di tempat kita, bukannya di Shah Alam. Ibu Pejabat Polis Shah Alam yang minta mereka datang dan menyiasat perkara ini.
- Zamri: Lagi?
- Saiful: Mereka kata, aduan yang dibuat sangat longgar. Pertama mengapa aduan dibuat oleh orang lain dan bukan waris kepada Noor Akmal. Kedua; jika ada kecederaan, Noor Akmal mesti membawa laporan doktor. Jika ada kes barulah tindakan akan diambil oleh pihak polis terhadap kita.
- Zamri: Kalau macam itu, ini bermakna aduan ini sama dengan dua laporan polis yang dibuat dulu. Sengaja nak mencari salah kita!
- Saiful: Itu yang aku tidak suka jadi warden ni. Jadi cikgu biasa lagi tenang. Tak ada siapa yang marah-marah. Datang ke sekolah hanya untuk mengajar. Tak payah fikir soal yang berkaitan dengan asrama.
- Zamri: Ya, kita sebenarnya yang lebih mengenali pelajar-pelajar kita yang mempunyai beberapa watak. Di sekolah lain, di asrama lain.
- Saiful: Dah la kita terpaksa mengajar sama jumlah waktu dengan cikgu-cikgu lain. Malam terpaksa bertugas. Esoknya kena mengajar. Kita pun ada komitmen lain. Kita tidak terkecuali dari menjadi guru penasihat kokurikulum, kena pegang jawatan itu dan ini dan kena buat macam guru lain buat.
- Zamri: Habis tu, apa kesudahannya?
- Saiful: Tak ada apa-apa. Aduan tidak berasas sama sekali. Kita sudah melakukan apa yang patut berdasarkan prosedur yang ditetapkan oleh KPM. Takkan kita saja-saja nak tampar anak orang. Banyak lagi kerja lain yang kita nak buat.
- Zamri: Kerja, kerja jugak! Kebajikan kita macam mana? Siapa nak jaga? Nak harap orang lain? Entahlah!
- Saiful: Aku agak lama menjadi warden tetapi ramai lagi yang lebih lama daripada aku menjadi warden tetapi mereka tetap bertahan. Kelebihan mereka ialah mereka sangat sabar dengan karenah budak-budak dan ibu bapa mereka. Ada seorang guru di Sekolah Berasrama Berlian sudah menjadi warden lebih daripada 15 tahun, sejak dari bujang hingga sekarang ada lima anak.

- Zamri: Apa rahsia dia sampai begitu lama bertahan?
- Saiful: Formulanya mudah tetapi tidak semua orang mampu buat sabar dan ikhlas.
- Zamri: Dengar cerita ada kalanya ada segelintir Pengetua yang tidak menghargai warden. Mereka kata warden dapat elaun, sedangkan Pengetua tidak. Jadi, warden kena kerja lebih dan semua masalah mesti diletak di atas bahu Pengetua.
- Saiful: Itu, aku *no comment*. Ada mata, pandang. Ada telinga, dengar. Ada mulut, diam... Cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar.
- Zamri: Macam tu ke?
- Saiful: *Ok*, la. Jom kita balik dulu. Aku kena edit laporan yang aku tulis petang tadi. Malam ni juga Pengetua nak baca. Pagi esok dia suruh *faks*kan ke Bahagian.
- Zamri: Okay jom balik. Aku nak pergi surau sekolah kita petang ini. Malam ini aku *duty*. Tak pe, makanan ini biar aku yang bayar.
- Saiful: Terima kasih. Lain kali aku belanja kau pulak!
- Zamri: Alah, apa kira sangat. Tak habis elaun warden aku sebab belanja kau makan. RM240.00 sebulan tu kan banyak! Tak habis makan aku sekeluarga.

Kes Polis Lagi!

LAMPIRAN 1

PROFIL WARDEN

Nama Penuh: ZAMRI BIN UJANG
 Umur: 28 tahun
 Pengalaman: Menjadi guru selama 3 tahun
 Menjadi warden kira-kira setahun setengah
 Sekolah sekarang adalah sekolah yang pertama
 Mata pelajaran yang diajar: Mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris

PROFIL PEMBANTU WARDEN

Nama Penuh: SAIFUL BIN ANUAR
 Umur: 42 tahun
 Pengalaman: Menjadi guru selama 19 tahun
 Menjadi warden kira-kira 12 tahun
 Sekolah sekarang adalah sekolah yang ketiga
 Mata pelajaran yang diajar : Mengajar mata pelajaran Sejarah dan Bahasa Melayu

PROFIL PELAJAR

Nama: Noor Akmal bin Zainal Abidin
Tingkatan: 5 Sains Tulen 4
Pencapaian: Sederhana



Kes 8

Anak Saya Tidak Bersalah!

Encik Mazlin bin Mohamad, Pengetua Sekolah Berasrama Penuh Melor sedang berbincang dengan En. Rashdan iaitu Penolong Kanan Hal Ehwal Murid sekolah tersebut mengenai satu panggilan telefon yang diterimanya daripada En. Kamil yang tidak berpuas hati dengan keputusan pihak sekolah untuk mengeluarkan anaknya daripada sistem SBP. Anak En. Kamil yang bernama Khairul Hafiz bersama-sama empat orang pelajar lagi telah dituduh membuli dan mengasari pelajar *junior* hingga menyebabkan kecederaan.

Di pejabat Pengetua Sekolah Berasrama Penuh Melor jam 9.00 pagi.

- En. Mazlin: En. Kamil telefon saya tadi. Pasal anaknya si Khairul Hafiz.
- En. Rashdan: Dia masih marah lagi?
- En. Mazlin: Marah lagi, malah lebih kuat kemarahan dia kali ini.
- En. Rashdan: Ada apa-apa yang dia kata? Atau mengulangi apa yang dia cakap sebelum ini?
- En. Mazlin: Dia kata, perkara ini sudah dipanjangkan sampai ke pengetahuan Setiausaha Sulit Menteri Pendidikan
- En. Rashdan: Dia sudah panjangkan atau belum lagi?
- En. Mazlin: Sudah. Dia kata aduannya akan ditarik balik kalau kita menerima kembali anaknya bersekolah di sini.
- En. Rashdan: Susah ni. Kalau kita terima kembali anaknya, macam mana dengan empat orang lagi rakan-rakannya yang sama-sama disingkirkan dari sekolah ini?
- En. Mazlin: Saya tidak akan menarik balik keputusan saya untuk mengeluarkan pelajar-pelajar itu dari sekolah ini. Saya kena berpegang kepada amaran saya dahulu iaitu "*Touch n Go; if you Touch, you have to Go.*" Tidak kira siapa, pelajar-pelajar yang mengasari pelajar-pelajar lain, akan dikeluarkan dari sekolah ini.
- En. Rashdan: Ye lah, kesalahan mereka memang serius. Saya pun setuju dengan keputusan Tuan Pengetua. Sekolah pula kena buat tindakan supaya pelajar-pelajar yang menjadi mangsa akan terbela.
- En. Mazlin: Kita akan mengekalkan keputusan kita untuk mengeluarkan mereka dari sekolah ini. Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Pengarah Pendidikan Negeri sudah dimaklumkan tentang perkara ini. Biarlah En. Kamil hendak mengadu kepada siapa pun. Anaknya sudah terbukti bersalah.

Anak Saya Tidak Bersalah!

- En. Rashdan: Macam mana dengan ibu bapa pelajar-pelajar lain? Adakah mereka pun sama membantah keputusan kita?
- En. Mazlin: Setakat ini hanya En. Kamil seorang sahaja. Yang lain saya jangka akan turut sama membantah keputusan kita sebab saya percaya En. Kamil akan mempengaruhi mereka juga.
- En. Rashdan: Kita sudah mendapatkan keterangan daripada semua pelajar yang menjadi mangsa. Kita juga telah mendapatkan pengakuan daripada Khairul Hafiz dan empat yang lain. Berdasarkan siasatan, memang ada *prima facie* tindakan mereka ini. *Modus operandinya* juga jelas. Kita sudah mengikut semua prosedur tindakan yang ditetapkan oleh KPM. Tempoh 14 hari untuk ibu bapa pelajar-pelajar yang memukul menjawab pertuduhan juga sudah berlalu. Semua sudah menjawab kecuali En. Kamil.
- En. Mazlin: Memang En. Kamil sejak dari awal lagi membantah keputusan kita. Dia tidak dapat menerima kenyataan yang anaknya turut terlibat dalam kes memukul pelajar tingkatan dua itu.
- En. Rashdan: Saya pun ingat lagi yang dia mengatakan anaknya tidak bersalah. Dia kata yang bersalah ialah empat orang rakannya itu kerana telah mempengaruhi Khairul Hafiz.
- En. Mazlin: Itulah sikap dia. Bila buat salah tidak pernah mengaku, dituduh anak orang lain yang menjadi punca.
- En. Rashdan: Dia juga ada mendakwa yang budak-budak yang dipukul itu juga bersalah sebab kerana sikap mereka yang sombong dan bongkak mendorong pelajar-pelajar *senior* bertindak.
- En. Mazlin: Jadi anaknya tidak bersalah walaupun jelas dia yang paling kuat memukul mangsa?
- En. Rashdan: Sekarang, ibu bapa pelajar-pelajar tingkatan dua yang dipukul mengadu yang anak mereka takut untuk meneruskan persekolahan jika Khairul Hafiz dan rakan-rakannya masih berada di sekolah ini.
- En. Mazlin: Masalahnya, En. Kamil menuduh kita membuat keputusan yang tidak adil terhadap anaknya.
- En. Rashdan: Ke situ pula dia! Mengapa dia berkata begitu?
- En. Mazlin: Dia kata kita telah membuat tuduhan melulu tanpa usul periksa. Kita dikatakan sengaja menganiaya anaknya itu.
- En. Rashdan: Ada ke? Banyak lagi kerja lain yang kita hendak buat. Takkan kita sengaja mencari salah orang!
- En. Mazlin: Dia juga berkata warden kita pun bersalah juga. Kalau rondaan dibuat bersungguh-sungguh sepanjang malam, perkara ini tidak akan terjadi.

- En. Rashdan: Dia ingat warden kita tidak ada kerja lain. Mereka juga guru yang terpaksa masuk kelas untuk mengajar macam guru-guru lain.
- En. Mazlin: Ibu bapa empat orang pelajar lagi macam mana? Ada mereka salahkan warden kita?
- En. Rashdan: Ada juga. Mereka pun turut mempersoalkan di mana warden semasa kejadian itu berlaku. Kita telah menjelaskan yang warden kita ada membuat rondaan pada malam itu bersama-sama dengan pengawal keselamatan hingga jam 2.30 pagi tetapi budak-budak itu memulakan operasi mereka pada jam 3.00 pagi.
- En. Mazlin: Pelajar-pelajar itu buat-buat tidur. Bila warden beredar ke bilik warden, mereka pun bangun untuk memulakan operasi. Nampaknya bukan warden yang menjaga pelajar, sebaliknya pelajar-pelajar yang mengawasi warden.

Sedang mereka rancak berbual, tiba-tiba telefon di meja En. Mazlin berdering. Rupa-rupanya En. Kamil yang membuat panggilan. En. Razali mengharapkan panggilan ini akan membawa berita yang menggembirakan daripada En. Kamil tetapi harapan meleset. En. Kamil masih tidak berpuas hati dengan pihak sekolah terutamanya Pengetua yang bertegas dengan keputusan hendak mengeluarkan Khairul Hafiz dari sistem Sekolah Berasrama Penuh. En. Mazlin meminta En. Rashdan untuk terus berada di situ bagi mendengar perbualan telefon antara beliau dengan En. Kamil.

- En. Kamil: Assalamualaikum. Boleh saya bercakap dengan Tuan Pengetua?
- En. Mazlin: Ya, saya bercakap. En. Kamil ke? Ada apa-apa yang boleh saya bantu?
- En. Kamil: Ya, saya Kamil. Bapa kepada Khairul Hafiz, Tingkatan Empat Dinamik yang dituduh memukul lima orang pelajar tingkatan dua.
- En. Mazlin: Ya, En. Kamil. Saya ingat.
- En. Kamil: Macam mana cikgu? Masih hendak meneruskan keputusan cikgu hendak membuang anak saya?
- En. Mazlin: Bukan membuang sekolah En. Kamil tetapi mengeluarkan dia dari sistem SBP ke sekolah menengah harian.
- En. Kamil: Pada saya, samalah dengan membuang sekolah, cikgu.
- En. Mazlin: Demi masa depan dia En. Kamil supaya menjadi pengajaran buat dia dan pelajar-pelajar lain. Kita tidak boleh membiarkan perkara begini berlaku, nanti pelajar-pelajar lain memandang rendah peraturan sekolah.
- En. Kamil: Demi masa depan anak saya, cikgu? Saya tidak faham. Masa depan dia, akan lebih cerah lagi kalau dia kekal di sekolah ini.

Anak Saya Tidak Bersalah!

- En. Mazlin: Anak En. Kamil tidak minat belajar. Dia leka bersama kliknya sahaja. Prestasi akademiknya rendah. Ada banyak kesalahan dilakukannya di sekolah ini. Rekod salah lakunya pun banyak. Saya difahamkan yang sebelum ini dia telah dipanggil oleh kaunselor untuk kaunseling individu.
- En. Kamil: Jadi, apabila anak saya itu banyak masalah, maka pihak sekolah sengaja cari sebab untuk mengeluarkannya dari situ, begitu?
- En. Mazlin: Tidaklah begitu. Khairul Hafiz memang bersalah. Semua bukti menunjukkan dia terlibat sama dengan kejadian memukul pelajar *junior*. Saksi pun ada. Bahkan dia sendiri pun mengaku.
- En. Kamil: Mengapa sekarang baru cikgu hendak bercakap pasal salahlaku disiplin yang pernah dia lakukan?
- En. Mazlin: Sebenarnya, mengikut rekod, sudah tiga kali kami memanggil encik ke sekolah untuk membincangkan pasal Khairul Hafiz. Surat berdaftar kami hantar, panggilan telefon kami telah buat tetapi En. Kamil tidak pernah datang. Hanya isteri En. Kamil yang datang.
- En. Kamil: Sama ada saya yang datang atau isteri saya datang, itu tidak penting! Yang penting salah seorang daripada kami ada datang. Mengapa cikgu menuduh anak saya terlibat?
- En. Mazlin: Memang terbukti dia bersalah. Ada *prima facie* bagi kes ini. *Modus operandinya* juga jelas. Yang lebih penting dia telah mengaku kesalahannya.
- En. Kamil: Sebenarnya sekolah yang bersalah! Mana perginya cikgu? Mana perginya warden? Apa makan gaji buta ke? Warden dapat elaun RM240 sebulan, tetapi kerja tidak buat!
- En. Mazlin: Janganlah En. Kamil cakap begitu. Warden saya telah menjalankan tugas mereka dengan baik. Mereka telah membuat rondaan bersama-sama dengan pengawal keselamatan di seluruh kawasan asrama. Berapa sangatlah elaun RM240.00 sebulan tu? Kalau mereka jadi guru tuisyen di luar, mereka boleh mendapat RM2400.00, tahu?
- En. Kamil: Saya sudah buat aduan ke pihak atasan. Saya boleh menarik balik aduan ini kalau cikgu sanggup benarkan anak saya meneruskan persekolahan di sini. Saya kenal ramai orang cikgu (*dengan nada mengugut*).
- En. Mazlin: Itu hak En. Kamil untuk membuat aduan walau kepada sesiapa pun. Saya akan akur apa sahaja arahan daripada pihak atasan jika ada yang meminta saya menukar keputusan saya. Tetapi sekadar untuk menurut kehendak En. Kamil, saya tidak dapat melayan.

- En. Kamil: Saya akan tetap mempertahankan keputusan saya untuk mengekalkan anak saya di sekolah ini. *By hook or by crook* saya mesti pertahankannya!
- En. Mazlin: En. Kamil kena ingat tawaran saya iaitu anak encik akan dikeluarkan dengan cara baik. En. Kamil hanya perlu buat surat rasmi memohon memindahkan anak encik ke sekolah menengah harian biasa. Saya jamin rekod anak En. Kamil bersih, kami tidak akan mencatatkan kelakuan buruknya dalam sijil berhenti sekolah anak encik. Jadi kita harap dapat mengamalkan situasi 'menang-menang' dalam perkara ini. Ibu bapa pelajar-pelajar lain sudah bersetuju dengan cadangan ini. En. Kamil macam mana?
- En. Kamil: Saya akan minta tolong persatuan bekas pelajar sekolah ini!
- En. Mazlin: En. Kamil boleh meminta bantuan persatuan bekas pelajar sekolah ini tetapi untuk makluman encik, persatuan tidak ada *locus standi* dalam perkara ini.
- En. Kamil: Saya akan datang ke sekolah petang ini! Saya akan bawa *lawyer* sekali!
- En. Mazlin: Silakan, En. Kamil. Saya menunggu, Insyallah. Satu perkara yang En. Kamil kena ingat iaitu Khairul Hafiz beruntung kerana ibu bapa pelajar-pelajar tingkatan dua yang kena pukul telah menarik balik laporan polis terhadapnya. Mereka bersedia memaafkan anak En. Kamil dan rakan-rakannya jika mereka keluar dari sekolah ini. Selagi anak En. Kamil ada, anak-anak mereka tidak akan selesa dan merasa tidak selamat belajar di sekolah ini.
- En. Kamil: Ya lah tu!
- En. Mazlin: Baiklah, En. Kamil. Nampaknya perbincangan kita tidak akan habis melalui telefon. Saya, semua Penolong Kanan dan warden-warden sekolah ini akan menunggu kedatangan En. Kamil petang ini. Kita boleh menyambung perbincangan kita lagi. Kita tangguhkan perbincangan kita sekarang. Jumpa lagi petang ini, Insyallah. Assalamualaikum En. Kamil.

En. Mazlin terus meletakkan gagang telefon di mejanya. Dalam hati, dia dapat merasakan yang En. Kamil masih tidak berpuas hati terhadapnya. Beliau tetap dengan keputusannya melainkan jika ada arahan daripada pihak atasan agar menerima semula pelajar-pelajar tersebut.

PROFIL SEKOLAH

Nama Sekolah:	Sekolah Berasrama Penuh Melor <i>Premier</i>
Telah Dibuka:	1964
Bilangan Pelajar:	715 Orang
Bilangan Guru:	70 Orang
Bilangan Staf	
Sokongan:	24 Orang
Lokasi:	Pusat Bandaraya di Pantai Timur Semenanjung Malaysia
Latar Belakang Sekolah	
Bersrama Penuh:	• Bangunan Lama tetapi telah diubah suai serta lengkap prasarannya. • Pelajar-pelajar yang memasuki sekolah ini merupakan pelajar pilihan yang memperolehi 5A dalam UPSR atau 8A dalam peperiksaan PMR. • Dua puluh peratus Ibu bapa/penjaga pelajar terdiri daripada ahli korporat, ahli profesional dan penjawat awam, selebihnya terdiri daripada golongan petani, pekebun, buruh dan sebagainya.

PROFIL PENGETUA

Nama Penuh: EN. MAZLIN BIN ABU HASSAN
Umur: 54 tahun
Jawatan: Pengetua
Gred: DG54
Akademik: Ijazah Sarjana Muda Cemerlang Pengurusan Maklumat dengan
Kepujian (UM)
Ikhtisas: Diploma Pendidikan Universiti Malaya
Pengalaman: 1. Pengetua DG48 di SMK Bayan Budiman (4 tahun)
2. Pengetua Kanan DG52 di SMK Permata Budi (3 tahun)

POFIL PENOLONG KANAN HAL EHWAL MURID

Nama Penuh: ENCIK RASHDAN BIN BABA
Umur: 43 tahun
Jawatan: Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
Gred: DG44
Akademik: Ijazah Sarjana Muda (Pendidikan Kimia) dengan Pendidikan
USM
Pengalaman: Guru Penolong Mata Pelajaran Kimia di SBP Melor (13 tahun)
Penolong Kanan Kokurikulum SBP Melor (3 tahun)
Penolong Kanan Hal Ehwal Murid SBP Melor (2 tahun)

PROSEDUR GANTUNG DAN BUANG SEKOLAH

Mengikut Peraturan 4 Dan 8 Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959

1. Tujuan

1.1 Tujuan kertas ini ialah untuk menjelaskan tatacara gantung dan buang sekolah mengikut Peraturan 4 dan 8, Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959 yang diwartakan sebagai LN 61/59, bertarikh 20.2.1959, **Ordinan Pelajaran 1957**.

2. Latar Belakang

2.1 Banyak Pengetua dan Guru Besar yang kurang jelas mengenai pelaksanaan tatacara tindakan disiplin sekolah dengan hukuman berat terhadap murid mengikut peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa sekarang.

3. Peruntukan Undang-Undang

3.1 Undang-Undang yang berkaitan bagi mengendalikan kes-kes pelanggaran disiplin di sekolah-sekolah ialah Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959, yang telah diwartakan sebagai LN 61/59 bertarikh 20.2.1959. Mengikut peraturan tersebut, Kerajaan telah memperuntukan melalui Peraturan 4, bahawa pihak berkuasa disiplin di sekolah ialah Guru Besar/Pengetua. Peraturan 4 yang berbunyi seperti di bawah ini menegaskan kuasa disiplin tersebut adalah di tangan Guru Besar/Pengetua. "4. Guru Besar sesebuah sekolah adalah bertanggungjawab atas disiplin sekolah dan bagi maksud itu hendaklah mempunyai kuasa ke atas guru-guru dan murid-murid sekolah itu."

3.2 Kerajaan juga memberi kuasa menggantung dan membuang murid dari sekolah kepada Guru Besar/Pengetua. Peraturan 8, Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959 seperti di bawah ini menjelaskan peruntukan tersebut. "8. Pada bila-bila masa sahaja didapati dengan memuaskan hati Guru Besar sesebuah sekolah:

a. sebagai perlu atau dikehendaki bagi maksud menjaga disiplin atau ketenteraman di mana-mana sekolah yang seseorang murid patut digantung persekolahannya ataupun dibuang sekolah;"

4. Implikasi Peruntukan Undang-Undang Mengikut Peraturan 4 dan Peraturan 8.

4.1 Adalah jelas dari kedua-dua peraturan ini, iaitu Peraturan 4 dan 8 Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959, bahawa pihak berkuasa disiplin ke atas murid ialah Guru Besar/Pengetua. Tegasnya hanya Guru Besar/Pengetua sahaja di bawah peraturan tersebut yang diberi kuasa menggantung atau membuang murid dari sekolah apabila beliau berpuas hati bahawa demi untuk mengekalkan disiplin dan ketenteraman di sekolah seseorang murid itu patut menerima hukuman sedemikian. Ini bermakna tidak ada kuasa lain selain Guru Besar/Pengetua di sesebuah sekolah dari segi menjatuhkan hukuman menggantung dan membuang murid dari sekolah.

4.2 Adalah di luar kuasa undang-undang jika penggantungan atau pembuangan pelajar dari sekolah diputuskan oleh Lembaga Disiplin ataupun Jawatankuasa Tata tertib Sekolah. Peraturan 4 dan 8 tidak memperuntukkan mengenai kewujudan Lembaga Disiplin Sekolah. Maka itu Guru Besar/Pengetua hendaklah tidak terikat dengan pandangan atau nasihat Lembaga Disiplin sekolah. Dengan perkataan lain keputusan menggantung atau membuang pelajar dari sekolah hendaklah keputusan Guru Besar/Pengetua sendiri.

4.3 Jika keputusan menggantung atau membuang murid adalah merupakan keputusan hasil nasihat dari Lembaga Disiplin Sekolah maka keputusan yang dibuat itu *void and of no legal effect*. Sebarang keputusan penggantungan atau pembuangan pelajar tersebut jika dicabar di mahkamah, maka ianya tidak boleh dipertahankan.

4.4 Secara tegas juga Peraturan 4 dan 8 berkehendakkan surat-surat tindakan tata tertib gantung atau buang sekolah ditandatangani sendiri oleh Guru Besar/Pengetua.

4.5 Keperluan-keperluan “teknikal” yang lahir dari peruntukan undang-undang berdasarkan Peraturan 4 dan 8 perlu diberi perhatian sewajarnya dan begitu juga bagi setiap prosedur dan surat-surat tata tertib yang dikeluarkan kepada tertuduh. Jika prosedur dan tatacara yang sepatutnya tidak dipatuhi, keputusan hukuman jika dicabar di mahkamah, ianya sukar dipertahankan.

5. Perkara-Perkara “Teknikal” yang perlu diberi perhatian dalam melaksanakan Peraturan 4 dan Peraturan 8.

5.1 Setiap aspek teknikal hendaklah diberi perhatian sewajarnya semasa melaksanakan tindakan disiplin gantung dan buang sekolah.

5.1.1 Gantung sekolah mengikut Peraturan 8 membawa maksud sebagai hukuman disiplin ataupun sebagai membolehkan siasatan lanjut sesuatu kes dibuat sebelum keputusan hukuman disiplin dijatuhkan.

5.1.2 Bagi kedua-dua keadaan ini prosedur yang berlainan hendaklah dipatuhi.

5.1.3 Tindakan disiplin buang sekolah pula adalah langkah terakhir setelah kegagalan langkah-langkah tatatertib terdahulu, termasuk sesi kaunseling yang kesemuanya sepatutnya mempunyai dokumentasi lengkap dan teratur.

5.2 Surat tatatertib apabila dikeluarkan hendaklah mengandungi nama tertuduh yang rasmi mengikut kad pengenalan, nombor kad pengenalan (atau jika tiada kad pengenalan, memadai nombor surat beranak) dan kelas beliau belajar, agar surat itu tidak dipertikaikan kesahihannya. Maklumat-maklumat ini seharusnya sama seperti dalam jadual kedatangan sekolah.

5.3 Setiap surat tatatertib hendaklah jelas dan tepat dari segi waktu kejadian, tarikh kejadian tempat berlaku dan mereka yang terlibat dengan saksi-saksi yang boleh dipertanggungjawabkan. (Dalam perkara ini Guru Besar/Pengetua sewajarnya mendapatkan laporan bertulis yang lengkap mengenai kejadian tersebut sebelum keputusan diambil).

5.4 Peraturan sekolah yang bertulis yang dilanggar hendaklah dinyatakan dengan jelas mengikut bab atau seksyen yang berkenaan. (Ini bermakna semua Pengetua/Guru Besar harus melaksanakan saranan **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/1975** yang bertarikh 4.11.1975 mengenai perkara ini).

5.5 Peruntukan undang-undang mengikut Peraturan 4 dan 8 Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959 hendaklah dirujuk bagi setiap kes.

5.6 Oleh kerana hanya Pengetua atau Guru Besar sahaja yang boleh menggantung atau membuang murid dari sekolah maka surat-surat tatatertib berkaitan hendaklah ditandatangani oleh Guru Besar/Pengetua.

5.7 Setiap surat tatatertib hendaklah disalinkan kepada Pendaftar Sekolah-Sekolah, Pegawai Pendidikan Daerah berkenaan dan ibu bapa/penjaga tertuduh.

5.8 Peruntukkan undang-undang bagi ibu bapa/penjaga untuk membuat rayuan di atas hukuman tatatertib yang dikenakan terhadap anak/jagaan hendaklah dimaklumkan dengan jelas.

5.9 Setiap surat tatatertib hendaklah diakui terima oleh tertuduh dengan dua orang saksi. Salinan surat kepada ibu bapa atau penjaga hendaklah mengikut prosedur yang sama.

5.10 Setiap murid yang akan dihukum hendaklah diberi peluang didengar dan membela diri bagi setiap pertuduhan. Hukuman tidak boleh dilaksanakan tanpa murid itu diberi peluang memberi pembelaan dirinya. Tempoh beliau menjawab pertuduhan hendaklah tidak kurang daripada 14 hari.

5.11 Sesuatu kesalahan disiplin apabila telah dijatuhkan hukuman, murid itu tidak boleh dihukum sekali lagi atas kesalahan yang sama. Contohnya seorang murid telah dihukum rotan oleh guru disiplin atas kesalahan mencuri. Guru Besar/Pengetua tidak boleh pula menggantung atau membuang murid tersebut atas kesalahan yang sama.

6. Keperluan menghubungi Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan Dalam Setiap Kes Gantung dan Buang Sekolah.

6.1 Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Bil. 4 Tahun 1991 bertarikh 19.5.1991, menegaskan supaya Pengetua/Guru Besar atau Penolong Kanan dikehendaki dengan serta-merta melapor segala kejadian yang tidak diingini seperti pelanggaran disiplin pelajar yang berat. Kes gantung dan buang sekolah sering menjadi berita dalam surat khabar. Oleh itu selepas pihak-pihak berkenaan dihubungi dengan telefon, laporan bertulis hendaklah menyusul kemudian dengan segera.

7. Contoh-contoh surat tindakan tatatertib dan carta aliran prosedur tatatertib dengan hukuman berat:

Untuk dijadikan panduan yang lebih jelas, dan supaya tidak berlaku kesilapan-kesilapan teknikal semasa mengambil tindakan disiplin gantung dan buang sekolah dokumen-dokumen berikut perlu disertakan dan diteliti:

Anak Saya Tidak Bersalah!

7.1 Lampiran A: Ordinan Pelajaran 1957, Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959.

7.2 Lampiran B: Contoh surat pertuduhan gantung sekolah sebagai hukuman tatatertib.

7.3 Lampiran C: Contoh surat keputusan gantung sekolah sebagai hukuman tatatertib.

7.4 Lampiran D: Contoh surat gantung sekolah utk tujuan siasatan hingga tindakan disiplin selesai.

7.5 Lampiran E: Contoh surat pertuduhan dengan tujuan buang sekolah sebagai hukuman.

7.6 Lampiran F: Contoh surat keputusan tindakan tatatertib buang sekolah mengikut Peraturan 8.

7.7 Lampiran G: Carta aliran prosedur tindakan gantung sekolah sebagai hukuman.

7.8 Lampiran H: Carta aliran prosedur tindakan disiplin gantung pelajar untuk tujuan buang sekolah.

7.9 Lampiran I: Carta aliran prosedur tindakan disiplin buang sekolah.

7.10 Lampiran J: Contoh Surat Akuan Terima

8. Penutup

Adalah diharapkan Pengetua dan Guru Besar selepas ini akan dapat menguruskan tindakan disiplin gantung dan buang sekolah dengan lebih kemas dan teratur.

Kes 9

Mana 'Hand Phone' Anak Saya?

Pada hari Isnin, kira-kira jam 9.40 pagi, En. Sarbini bin Ahmad, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid Sekolah Berasrama Berlian telah didatangi ibu kepada salah seorang pelajar yang meminta supaya dikembalikan telefon bimbit anaknya yang dirampas oleh warden sebulan lalu. En. Sarbini memaklumkan kepada ibu pelajar tersebut yang bernama Puan Salmiah bahawa adalah menjadi dasar sekolah ini iaitu telefon bimbit hanya akan dipulangkan kepada pelajar-pelajar sebelum cuti akhir tahun bermula. Itupun jika ada kebenaran dan kelulusan Pengetua. Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, warden dan guru disiplin hanya akan menguruskan proses pemulangan telefon bimbit dengan arahan Pengetua.

Di pejabat sekolah, Jam 8.00 pagi

Pn. Salmiah: Tujuan saya ke sini ialah untuk menuntut kembali telefon bimbit anak saya yang dirampas warden bulan lepas, cikgu.

En. Sarbini: Ya puan. Terima kasih kerana datang. Saya minta maaf kerana saya tidak dapat memulangkan telefon bimbit anak puan seperti yang puan minta.

Pn. Salmiah: Kenapa pula? Bukannya anak saya melakukan kesalahan besar. Dia tak bergaduh atau membuli murid lain.

En. Sarbini: Betul tu. Tetapi puan pun tahu bahawa larangan membawa telefon bimbit ke sekolah dan ke asrama dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Bukan saja-saja sekolah ini hendak buat peraturan sendiri!

Pn. Salmiah: Tetapi cikgu, susahlah macam ni. Takkanlah tidak boleh berlembut sikit dengan saya?

En. Sarbini: Peraturan tetap peraturan puan. Kami mengenakan tindakan sama dengan semua orang yang melakukan kesalahan tanpa mengira siapa mereka itu.

Pn. Salmiah: Susah la anak saya menghubungi saya cikgu. Telefon bimbitkan satu keperluan?

En. Sarbini: Betul, saya akui memiliki telefon bimbit hari ini satu keperluan. Sekadar untuk menghubungi puan, anak puan boleh menggunakan telefon awam yang ada di asrama dan di sekolah, puan.

Pn. Salmiah: Dia tidak biasa menggunakan telefon awam, cikgu!

En. Sarbini: Pihak sekolah telah memasang sepuluh telefon awam di sekolah dan di asrama. Dua diletakkan berdekatan dengan pondok pengawal keselamatan, empat di asrama putera dan empat lagi di asrama puteri. Ada yang menggunakan kadfon dan ada yang menggunakan duit syiling.

Mana 'Hand Phone' Anak Saya?

- Pn. Salmiah: Susahlah cikgu. Anak saya terpaksa turun ke tingkat bawah, menyediakan kadfon dan terpaksa berbaris untuk menunggu giliran bercakap.
- En. Sarbini: Itu perkara kecil puan. Biarlah anak puan berdikari sedikit. Selama ini anak puan terpaksa turun ke tingkat bawah juga untuk ke dewan makan, ke sekolah dan ke padang. Lagipun kadfon ada dijual di Kedai Koperasi Sekolah dan di *Kiosk* Persatuan Usahawan Muda. Nak duit syiling? Boleh ditukarkan di koperasi dan di *kiosk*.
- Pn. Salmiah: Susahlah cikgu. Macamana saya nak menghubungi anak saya. Saya nak tahu apa keperluan dia, bila dia nak balik bermalam di rumah, nak tahu dia sihat ke tidak ...
- En. Sarbini: Sebenarnya kedai koperasi dan *kiosk* Persatuan Usahawan Muda ada menjual barangan keperluan pelajar sekolah ini. Siang mereka boleh membeli di koperasi, malam di *kiosk*. Tarikh untuk pelajar balik bermalam di rumah ada dipamerkan di merata tempat di sekolah ini dan surat makluman tentang tarikh tersebut telah diberikan kepada ibu bapa pada awal tahun. Dalam laman *web* pun ada dipaparkan. Setakat ini tiada sebarang perubahan pada tarikh pelajar dibenarkan bermalam di rumah. Jika ada perubahan, ibu bapa akan dimaklumkan oleh pihak sekolah.
- Pn. Salmiah: (*Mengeluh panjang*).
- En. Sarbini: Jika anak puan tidak sihat, pihak sekolah dan warden akan menguruskan semua perkara yang berkaitan dengan rawatan. Puan pun tahukan? Setiap hari kami menyediakan dua *trip* untuk membawa pelajar sakit ke klinik. Jika perlu kami akan menelefon ibu bapa untuk memaklumkan keadaan kesihatan anak mereka. Kalau ada kes kecemasan, warden bertugas akan terus membawa pelajar-pelajar kita ke klinik atau ke hospital. Puan pun tahu sebab anak puan sekarang berada ditingkatan empat, kan?
- Pn. Salmiah: Bagi saya sekolah ini telah bertindak keterlaluan. Tidak sepatutnya warden merampas telefon bimbit anak saya itu. Dia berada di asrama semasa menggunakan telefon. Waktu itu bukannya ada *prep* atau aktiviti lain. Dia sedang berehat di katilnya. Kalau dirampas ketika sedang belajar di dalam kelas atau ketika sedang mengikuti *prep*, saya fahamlah. Ini tidak ...
- En. Sarbini: Maaf puan, peraturan tetap peraturan, tidak kira di sekolah atau di asrama, kalau kami jumpa mereka sedang menggunakan telefon bimbit di kawasan, sekolah kami akan rampas. Ini arahan KPM puan, bukan saja-saja kami buat.

- Pn. Salmiah: Oh, bila bab merampas telefon bimbit, warden sangat cekap. Tetapi ketika anak saya kena buli masa di tingkatan satu dulu, apa yang warden buat?
- En. Sarbini: Kes anak puan dibuli dulu, dah selesai dah. Dah lama kes itu berakhir. Budak yang membuli anak puan sudah pun dikenakan hukuman. Takkan puan tak ingat yang ibu bapa budak yang membuli anak puan tu ada meminta maaf kepada puan dan suami puan?
- Pn. Salmiah: Ingat... (*Dengan nada menyindir sambil memalingkan mukanya ke arah tingkap*).
- En. Sarbini: Jadi, saya minta maaf kepada puan sebab tidak dapat memenuhi kehendak puan. Lagi pun menjadi dasar sekolah ini iaitu hanya Pengetua sahaja yang boleh membenarkan telefon bimbit dipulangkan. Itu pun kepada ibu bapa atau penjaga pelajar, bukan kepada pelajar itu sendiri.
- Pn. Salmiah: Susahlah macam ini Cikgu. Dengan saya pun takkan sekolah tak boleh berlembut sedikit? Saya datang dari jauh ni semata-mata untuk kembali mendapatkan telefon bimbit anak saya tu.
- En. Sarbini: Sekali lagi saya memohon maaf kepada puan. Sebenarnya semua barangan rampasan kami serahkan kepada Pengetua bersama-sama dengan rekod rampasan sekali. Pengetua akan memasukkannya ke dalam peti besi yang ada di biliknya. Hanya dia yang ada anak kunci dan kod untuk membuka pintu kunci besi itu.
- Pn. Salmiah: Susahlah saya cikgu. Sia-sia sahaja saya datang dari jauh.
- En. Sarbini: Saya minta maaf, puan. Lain kali elok puan telefon sekolah terlebih dulu.
- Pn. Salmiah: Buat apa menguatkuasakan peraturan sekolah yang menekan pelajar? Cikgu tahu? Sejak telefon bimbit anak saya dirampas, dia selalu murung, gelisah dan tak tentu arah.
- En. Sarbini: Mana puan tahu ini semua? Saya nampak dia baik je.
- Pn. Salmiah: Dia yang cakap masa saya datang melawat dia pada hari Sabtu lepas.
- En. Sarbini: Kalau puan hendak tahu, sebenarnya dia murung bukan sebab dia tidak dapat menghubungi puan tetapi sebab tidak dapat 'berchatting' dengan rakan-rakannya menggunakan telefon bimbit.
- Pn. Salmiah: Ya ke, cikgu?
- En. Sarbini: Kami sudah membuka *history* telefon bimbit anak puan. Banyak masa yang anak puan bazirkan untuk 'berchatting'. Sampai jam 2.30 pagi pun ada. Kami juga telah melihat *phone-book* telefon itu. Apa yang jumpa ialah senarai nama yang majoritinya perempuan.

Mana 'Hand Phone' Anak Saya?

- Pn. Salmiah: Bila kami teliti, anak puan menggunakan masa beberapa minit sahaja seminggu untuk bercakap dengan puan atau suami puan. Selain itu dia habiskan masa untuk berbual dan 'berchatting' dengan rakan-rakan dia. Bila kami selidik, dia ada memberitahu yang dia menghabiskan RM30.00 seminggu untuk membeli kad prabayar.
- Pn. Salmiah: Patutlah dia kata duit yang sama bagi tak pernah cukup.
- En. Sarbini: Anak puan budak baik. Dia tidak pernah menimbulkan sebarang masalah kepada sekolah. Tidak pernah terlibat dalam kes salah laku. Cuma dia saya kategorikan sebagai budak yang sederhana di sekolah ini.
- Pn. Salmiah: Maksud cikgu? Saya tidak faham.
- En. Sarbini: Pencapaian akademiknya sederhana, penglibatan dalam sukan dan kokurikulum juga sederhana. Dia bukan *leader* yang ada pengikut dan dia juga bukan pengikut atau ahli kepada mana-mana kumpulan atau klik.
- Pn. Salmiah: Apa lagi yang cikgu jumpa di dalam telefon bimbit dia? Ada gambar-gambar pelik ke?
- En. Sarbini: Tidak ada puan. Tidak ada gambar lucah atau sebarang gambar foto yang tidak elok yang kami jumpa. Telefon dia bersih dari unsur-unsur negatif. Dia budak baik, cuma dia banyak membuang masa dengan 'berchatting'. Prestasi akademiknya juga agak merisaukan kami. Kami harap dia akan lebih cemerlang lagi sebab dia ada potensi.
- Pn. Salmiah: Sudah lebih tiga tahun dia di sekolah ini. Dia tidak pernah merungut apa-apa. Dia juga tidak pernah mengadu apa-apa selain dia dibuli oleh senior masa dia berada dalam tingkatan satu dulu. Cuma kali ini, dia minta saya merayu kepada pihak sekolah agar memulangkan telefon bimbitnya kembali. Dia berjanji tidak akan membawanya ke sekolah atau ke asrama lagi.
- En. Sarbini: Dia ada datang jumpa saya minggu lepas bertanyakan tentang telefon bimbitnya itu. Saya ingatkan dia tentang peraturan sekolah berkaitan dengan telefon bimbit iaitu telefon yang dirampas hanya akan dipulangkan kepada waris pelajar sebelum cuti akhir tahun bermula.
- Pn. Salmiah: Ini kesalahan dia yang pertama di sekolah ini. Jadi tolong maafkan dia, cikgu.
- En. Sarbini: Kami melayan semua pelajar sama sahaja. Sesiapa pun tidak terkecuali daripada dikenakan tindakan kalau melakukan kesalahan yang sama.
- Pn. Salmiah: Telefon bimbit itu suami saya yang hadiahkan kepada saya. Dia tidak tahu saya berikan kepada anak saya. Kalaulah dia tahu ...

Mana 'Hand Phone' Anak Saya?

- En. Sarbini: Saya tidak tahu apa hendak diperkatakan lagi puan. Hanya Pengetua sahaja yang boleh buat keputusan.
- Pn. Salmiah: Boleh saya jumpa dia, cikgu?
- En. Sarbini: Maaf puan, Pengetua tidak ada hari ini. Dia ada kursus di Genting Highlands.
- Pn. Salmiah: Bila dia ada di sekolah, cikgu?
- En. Sarbini: Minggu depan. Elok puan telefon dahulu. Takut dia tak ada di sekolah.
- Pn. Salmiah: Saya mengharap sangat agar telefon bimbit tu dipulangkan.
- En. Sarbini: Saya faham masalah puan. Tetapi saya ingin tegaskan di sini bahawa peraturan tetap peraturan. Kami kena berpegang kepada peraturan yang kami buat.
- Pn. Salmiah: Ya lah. Kita tunggu apa kata Pengetua nanti (*Puan Salmiah meminta diri untuk beredar dari pejabat En. Sarbini. Di wajahnya terpamer rasa hampa*).

PROFIL SEKOLAH

Sekolah: Sekolah Berasrama Penuh Berlian
Jumlah Pelajar: 630 orang
Jumlah Guru: 70 orang
Lokasi: 30 km dari bandar Permata

PROFIL GURU PENOLONG KANAN HAL EHWAL MURID

Nama Penuh: EN. SARBINI BIN AHMAD
Jawatan: Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
Umur: 44 tahun
Lama berkhidmat: 27 tahun
Pengalaman: 4 tahun

PROFIL IBU PELAJAR

Nama Penuh: SALMIAH BINTI JOHARI
Umur: 47 tahun
Pekerjaan: Tuan punya butik pakaian
Lokasi: Jarak tempat tinggal dengan sekolah 160 km

BAHAGIAN II
PANDUAN MEMIMPIN
KES-KES PENGURUSAN



Kes 1 Keliru

SINOPSIS

SMK Seri Bayu merupakan sebuah sekolah harian biasa yang bertaraf sederhana. Untuk meningkatkan prestasi akademik, maka pengetua mengambil persetujuan daripada pihak waris agar bekerjasama untuk sekolah. Setelah beberapa bulan, tiba-tiba sekolah dikejutkan dengan kehadiran En. Ismail bin Ariff, Pegawai Pendidikan Daerah yang membawa surat aduan waris untuk disiasat. Surat tersebut datangnyanya daripada waris yang tidak berpuas hati terhadap seorang guru Sejarah yang sering ponteng kelas anaknya yang akan menduduki peperiksaan SPM pada tahun tersebut. Pengetua baharu menyedari bahawa guru tersebut mempunyai beberapa masalah.

OBJEKTIF

Pada akhir sesi ini, para peserta akan dapat:

1. Menenal pasti punca kelemahan sistem pengurusan jadual di sekolah.
2. Menenal pasti prosedur yang terpakai dalam menangani guru bermasalah.
3. Menenal pasti tindakan yang boleh diambil untuk memastikan guru bermasalah dapat diselesaikan.

KUMPULAN SASAR

- Pengetua
- Guru Besar
- Guru Penolong Kanan Pentadbiran
- Pegawai Jabatan Pendidikan Negeri
- Pegawai Pendidikan Daerah

STRATEGI MEMIMPIN KES

Membaca kes :	10 minit
Perbincangan:	30 minit
Pembentangan kes:	40 minit
Rumusan:	10 minit

JUMLAH	90 minit
---------------	-----------------

CADANGAN SOALAN

1. Berdasarkan kes, bincangkan punca berlakunya kes ini.
2. Apakah implikasi terhadap guru yang ponteng kelas pelajarannya?
3. Apakah tindakan yang harus dilakukan oleh Pengetua untuk menyelesaikan kes tersebut?

ANALISIS PENYELESAIAN MASALAH

Kes ini terjadi apabila pihak sekolah menerima aduan daripada ibu bapa pelajar terhadap pengajaran guru dan dakwaan terhadap Pengetua yang tidak memantau guru-gurunya yang tidak melaksanakan tanggungjawab mengajar dengan baik. Langkah-langkah yang perlu diambil oleh seseorang Pengetua ialah:

1. Pengetua boleh mengumpul semua maklumat yang diperlukan dengan cara menyiasat kebenaran aduan melalui beberapa kaedah iaitu:
 - menemu bual pelajar
 - merujuk jadual waktu guru
 - merujuk kehadiran guru
 - merujuk Surat Pekeliling Ikhtisas, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan Perintah Am
2. Meminta surat tunjuk sebab terhadap aduan daripada guru berkaitan dan menasihati beliau dengan berhemah agar membetulkan kesalahan dalam jangka waktu yang dipersetujui bersama.
3. Sekiranya tingkah laku masih tiada menunjukkan sebarang perubahan, Pengetua boleh meminta nasihat daripada Pegawai Pelajaran Daerah untuk tindakan selanjutnya.
4. Sekiranya guru berkaitan masih berkeras, langkah terakhir adalah untuk memaklumkan ke Unit Tatatertib.
5. Membuat tindakan susulan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan.
 - a. Sekiranya opsyen ini terpakai, guru tersebut akan menghadapi risiko yang akan menjejaskan pencennya, atau
 - b. bersara awal sekiranya tidak mahu menerima risiko yang lebih tinggi.

Kes 2

Hinakah Aku?

SINOPSIS

Jamal ialah seorang staf yang bermasalah. Beliau baru lapan bulan bertukar ke SK Gelugor daripada SMK Padang Negara. Semasa di SMK Padang Negara beliau telah dipulau oleh warga sekolah berkenaan hinggakan Pengetua terpaksa berulang alik ke Jabatan Pendidikan Negeri mohon supaya dipercepatkan pertukaran Jamal. Puan Norainy binti Hussin pula seorang Guru Besar baru di sekolah tersebut. Sikap Jamal yang pelik ini didengari oleh Puan Norainy lalu beliau merisik khabar daripada beberapa orang mantan majikan Jamal semasa bertemu di tempat mesyuarat atau kursus. Guru Besar sebelum ini di awal pertukaran Jamal dengan ayat: “Kalau awak dapat ubah Jamal, saya akan tabik kepada awak.” Jamal bukan sahaja tidak akur terhadap peraturan, malah tidak menjalankan tugas dengan sempurna. Adakah keputusan menukar Jamal ke sekolah lain merupakan satu penyelesaian terbaik? Kalau menukar ke sekolah baharu bermakna mengalih beban kepada orang lain. Adakah tindakan ‘tukar tempat kerja’ dapat menyelesaikan masalah staf seperti Jamal?

OBJEKTIF

Pada akhir sesi ini, para peserta akan dapat:

1. Menenal pasti ciri-ciri dan sindrom staf bermasalah.
2. Menangani staf bermasalah dengan cara yang berhemat.
3. Melaksanakan intervensi peningkatan kompetensi staf.

KUMPULAN SASAR

- Pengetua
- Guru Besar
- Guru Penolong Kanan Pentadbiran
- Pegawai Pendidikan Daerah
- Pegawai Jabatan Pendidikan Negeri

Hinakah Aku?

STRATEGI MEMIMPIN KES

Membaca kes:	10 minit
Perbincangan:	30 minit
Pembentangan kes:	40 minit
Rumusan:	10 minit

Jumlah	90 minit
---------------	-----------------

CADANGAN PERSOALAN

1. Apakah masalah utama dalam kes ini?
2. Siapakah yang bertanggung jawab untuk membetulkan sikap staf? Apakah nilai yang boleh dipelajari daripada kes ini?
3. Adakah tindakan 'tukar tempat kerja' dapat menyelesaikan masalah? Mengapa?
4. Apakah implikasinya jika sikap Jamal berterusan kepada
 - a) dirinya, dan
 - b) sekolah?

ANALISIS PENYELESAIAN MASALAH

1. Pihak atasan perlu bertegas dalam mengambil tindakan menggunakan cara yang kreatif di samping menanamkan nilai yang baik terhadap staf bermasalah seperti Jamal.
2. Pihak atasan boleh mengaturkan refleksi staf yang melibatkan semua staf dan menyatakan ekspektasinya untuk membina *rapport* (jalinan silaturrahim) semasa berurusan dengan mereka dan menerapkan nilai-nilai kesabaran, keseronokan berkerja, berkhidmat dengan tidak mementingkan diri sendiri, dan meningkatkan motivasi diri.
3. Pihak atasan perlu berkomunikasi dengan berkesan untuk mengetahui punca masalah sama ada dari gerak badan mahu pun perkataan.

Kes 3

Di Manakah Keadilan

SINOPSIS

Puan Maria binti Mazlan seorang guru Kemahiran Hidup. Beliau baharu sahaja berpindah ke Bahagian, Kementerian Pendidikan Malaysia atas pilihan sendiri setelah memperoleh Ijazah Sarjana Kependidikan baru-baru ini. Pada suatu hari beliau telah menghubungi pihak sekolah lama tempat beliau bertugas untuk mendapatkan markah prestasinya. Beliau berasa amat terkejut dan terkilan apabila mendapati markah prestasi yang diperolehnya begitu rendah oleh sebab ketidakhadirannya yang banyak akibat ditimpa kemalangan yang tidak dijangka sewaktu membeli barangan sekolahnya. Beliau kemudiannya telah mempersoalkan kepada pihak sekolah berdasarkan bukti yang ada. Apabila permintaannya tidak dilayan, Puan Maria telah membawa hal ini ke pengetahuan Pegawai Pendidikan Daerah untuk membuat keputusan yang muktamad. Pihak sekolah tidak menyenangi perbuatan Puan Maria lalu menjadikan kes Puan Maria sebagai ugutan bagi sesiapa yang mempertikaikan keputusan yang telah diambil.

OBJEKTIF

Pada akhir sesi ini, para peserta akan dapat:

1. Mengenal pasti tatacara penetapan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) selaras matlamat organisasi.
2. Mengenal pasti isu-isu Sistem Pengurusan Prestasi Staf.
3. Melaksanakan intervensi Peningkatan Kompetensi Staf.

KUMPULAN SASAR

- Pengetua
- Guru Besar
- Guru Penolong Kanan
- Pegawai Pendidikan Daerah
- Pegawai Jabatan Pendidikan Negeri

STRATEGI MEMIMPIN KES

Membaca kes:	10 minit
Perbincangan:	30 minit
Pembentangan kes:	40 minit
Rumusan:	10 minit

JUMLAH	90 minit
---------------	-----------------

CADANGAN SOALAN

1. Apakah isu utama yang diutarakan dalam kes ini?
2. Apakah implikasinya sekiranya markah prestasinya tidak diperbetulkan?
3. Bagaimanakah Puan Maria dapat mengatasi masalahnya setelah menyedari dirinyalah yang bermasalah?

ANALISIS PENYELESAIAN MASALAH

Ketua Jabatan, Pegawai Yang Dinilai dan Pegawai Penilai hendaklah memberi perhatian kepada semua peringkat penyediaan dan pelaksanaan Sasaran Kerja Tahunan seperti berikut

- i. Perancangan Tahunan Organisasi/Agensi
- ii. Penetapan Rancangan Kerja Jabatan/Bahagian/Cawangan/ Unit;
- iii. Penetapan Sasaran Kerja Tahunan dan Petunjuk Prestasi;
- iv. Pelaksanaan Kerja dan Pengesanan;
- v. Kajian Semula Pertengahan Tahun; dan
- vi. Penilaian Pencapaian Kerja Sebenar

Asas penetapan Sasaran Kerja Tahunan adalah seperti berikut:

- (a) Perbincangan antara Pegawai Yang Dinilai dengan Pegawai Penilai Pertama setelah mengambil kira Perancangan Tahunan Jabatan dan Rancangan Kerja Bahagian/Cawangan/Unit;
- (b) Aktiviti/projek yang boleh diukur sama ada dari segi kuantiti, kualiti, masa dan kos;
- (c) Hendaklah berasaskan peranan dan bidang tugas jawatan Pegawai Yang Dinilai; dan
- (d) Realistik dan boleh dicapai setelah mengambilkira pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki oleh Pegawai Yang Dinilai serta sumber yang ada di bawah kawalannya.

1.0 Penyediaan Sasaran Kerja Tahunan

- 1.1 Sasaran Kerja Tahunan setiap Pegawai Yang Dinilai perlu disediakan selewat-lewatnya sebelum akhir bulan Januari tahun penilaian dengan menggunakan borang Sasaran Kerja Tahunan seperti di Lampiran I kepada Panduan ini. Penetapan Sasaran Kerja Tahunan perlu dibincang dan mendapat persetujuan bersama antara Pegawai Yang Dinilai dan Pegawai Penilai Pertama dan jika perlu dengan Pegawai Penilai Kedua berasaskan Perancangan Tahunan Organisasi/Agensi dan Rancangan Kerja di Peringkat Jabatan/Bahagian /Cawangan /Unit.
- 1.2 Pegawai Yang Dinilai dan Pegawai Penilai Pertama hendaklah mengisi keterangan yang diperlukan dengan lengkap dalam borang Sasaran Kerja Tahunan berkenaan serta menurunkan tandatangan di ruangan yang ditetapkan.
- 1.3 Borang Sasaran Kerja Tahunan yang telah lengkap diisi.

2.0 Pelaksanaan Kerja dan Pengesanan

- 2.1 Sasaran Kerja Tahunan yang telah ditetapkan hendaklah dipantau pelaksanaannya oleh Pegawai Penilai Pertama dan Pegawai Penilai Kedua bagi memastikan pelaksanaannya mengikut jadual. Pemantauan boleh dibuat melalui mesyuarat pagi, mingguan, dwi mingguan, bulanan atau cara lain yang sesuai.

3.0 Kajian Semula Pertengahan Tahun

- 3.1 Sasaran Kerja Tahunan hendaklah dikaji semula pada pertengahan tahun untuk mengetahui kemajuan pelaksanaannya. Sasaran Kerja Tahunan yang didapati tidak dapat dilaksanakan atas sebab-sebab tertentu boleh diubah suai setelah perbincangan antara Pegawai Penilai Pertama dan Pegawai Yang Dinilai.
- 3.2 Aktiviti/projek yang ditambah hendaklah dikenal pasti dan dicatatkan dalam borang Sasaran Kerja Tahunan berserta dengan petunjuk prestasinya. Manakala aktiviti/projek yang digugurkan hendaklah juga dicatatkan.
- 3.3 Sasaran Kerja Tahunan yang didapati tidak realistik hendaklah diubah suai setelah perbincangan bersama di antara Pegawai Penilai Pertama dan Pegawai Yang Dinilai

4.0 Penilaian Pencapaian Kerja

- 4.1 Pegawai Yang Dinilai dikehendaki menyediakan laporan/ulasan mengenai pencapaian kerja dibandingkan dengan Sasaran Kerja Tahunan yang ditetapkan. Sekiranya ada sasaran kerja yang tidak tercapai Pegawai Yang Dinilai hendaklah menyatakan sebab-sebab ianya tidak tercapai.
- 4.2 Pegawai Penilai Pertama juga hendaklah membuat laporan/ulasan mengenai pencapaian kerja Pegawai Yang Dinilai berbanding dengan sasaran kerja yang telah ditetapkan.

5. ALIRAN PUSINGAN PENYEDIAAN DAN PELAKSANAAN SASARAN KERJA TAHUNAN

Aliran pusingan penyediaan Sasaran Kerja Tahunan bermula dengan Perancangan Tahunan Organisasi/Agensi, Pelaksanaannya dan Penilaian Pencapaian Kerja Pegawai Yang Dinilai adalah seperti di Lampiran II dan IIA.

6. PERANAN KETUA JABATAN

Ketua Jabatan hendaklah menentukan supaya penyediaan Sasaran Kerja Tahunan dilaksanakan mengikut panduan ini serta membuat pemantauan supaya ianya selaras dengan Perancangan Tahunan Jabatan dan Rancangan Kerja Bahagian/ Cawangan/Unit berkenaan.

7. PENUTUP

Buku panduan ini hendaklah dijadikan sumber rujukan bagi membantu Pegawai Yang Dinilai, Pegawai Penilai dan Ketua Jabatan dalam proses penyediaan Sasaran Kerja Tahunan. Penyediaan Sasaran Kerja Tahunan yang teratur membolehkan penilaian prestasi pegawai dapat dilaksanakan dengan objektif, adil dan telus serta dapat mempertingkatkan produktiviti pegawai dan organisasi yang dianggotainya.

Kes 4

Gerimis Mengundang

SINOPSIS

SMK Murni merupakan sebuah sekolah harian biasa terbaik dalam bidang akademik di daerahnya. Sekolah ini terbina lebih dari 50 tahun. Prasarana sekolah kurang sempurna dengan enrolmen murid kurang daripada 500 orang tetapi dapat mengeluarkan kumpulan pelajar yang cemerlang walaupun dalam serba kekurangan. Ramai ibu bapa suka menghantar anak mereka belajar di sekolah ini jika tidak dapat menyambung pengajian di sekolah kawalan selepas keputusan UPSR. Kebanyakan guru yang ditempatkan di sekolah ini seronok bekerja di sini. Pada tahun 2006, seorang guru matematik En. Guna a/l Rama (DGA 29) telah dipindahkan ke SMK Murni selepas mendapat Ijazah Sarjana Muda. Sebelum dipindahkan ke SMK Murni, En. Guna mengajar Bahasa Tamil di sekolah rendah. Banyak masalah telah ditimbulkan oleh En. Guna semasa mengajar di sekolah rendah terutamanya yang melibatkan masalah disiplin, sehingga beliau ditukarkan ke sekolah menengah dan perangai lamanya masih dibawa ke sekolah menengah. Hal ini dikuatkan lagi dengan banyak aduan yang diterima daripada pelbagai pihak berkaitan kelewatan, ketidakhadiran dan ketidaksempurnaan En. Guna dalam melaksanakan tugas sebagai seorang pendidik yang membuatkan Pengetua pening kepala mengendalikan gelagatnya.

OBJEKTIF

Pada akhir sesi ini, para peserta akan dapat:

1. Mengenal pasti tindakan yang boleh diambil akibat dari kelalaian dalam melaksanakan tugas.
2. Mengetahui langkah yang boleh diambil bagi menghadapi situasi berkenaan.
3. Mengetahui tindakan yang boleh dilakukan untuk mengatasi masalah guru yang bermasalah disiplin.

KUMPULAN SASAR

- Pengetua/Guru Besar
- Bahagian Sumber Manusia PPD
- Bahagian Sumber Manusia JPN
- Pengarah/Ketua Jabatan

STRATEGI MEMIMPIN KES

Membaca kes:	10 minit
Perbincangan:	30 minit
Pembentangan kes:	30 minit
Rumusan:	10 minit

JUMLAH **80 minit**


CADANGAN SOALAN

1. Berdasarkan kes, bincangkan punca berlakunya kes tersebut.
2. Apakah implikasi jika tindakan tidak diambil dengan segera?
3. Apakah tindakan yang boleh diambil ke atas guru tersebut?
4. Apakah tindakan segera yang perlu diambil oleh pengetua berkenaan untuk menyelesaikan kes tersebut?
5. Apakah tindakan jangka panjang yang perlu diambil oleh pengetua berkenaan untuk menyelesaikan kes tersebut?
6. Apakah punca kuasa yang perlu dirujuk dalam penyelesaian kes, bagi mengelakkan penglibatan tindakan mahkamah?

ANALISIS PENYELESAIAN MASALAH

- Soalan 1: Berdasarkan kes, bincangkan punca berlakunya kes tersebut.
- Aduan ibu bapa berkenaan proses pengajaran dan pembelajaran guru
 - Rekod kehadiran guru
 - Ketidakpuasan hati rakan sekerja atas sikap tidak bertanggungjawabnya dalam melaksanakan tugas, menimbulkan masalah kepada orang lain
 - Terlibat dengan kelas peperiksaan, sukatan mata pelajaran tidak dapat dihabiskan
- Soalan 2: Apakah implikasi jika tindakan tidak diambil dengan segera?
- Keputusan peperiksaan PMR mungkin akan menurun
 - Guru-guru lain tidak berpuas hati, akan ada guru lain yang mengambil kesempatan
 - Aduan ibu bapa/waris bertambah kerana tidak puas hati
 - Gambaran kelemahan pengurusan kepimpinan organisasi

- Soalan 3: Apakah tindakan yang boleh diambil ke atas guru tersebut?
- Nasihat/cadangan
 - Pencerapan P&P
 - Surat tunjuk sebab
 - Hantar kaunseling
 - Tindakan tatatertib
 - Cadangan bersara awal demi kepentingan awam
- Soalan 4: Apakah tindakan segera yang perlu di ambil oleh pengetua berkenaan untuk menyelesaikan kes tersebut?
- Jumpa guru dan beri nasihat
 - Menukarkan jadual waktu guru (tidak melibatkan kelas peperiksaan)
 - Mengumpul semua maklumat yang dapat menyokong tindakan yang akan diambil
- \Soalan 5: Apakah tindakan jangka panjang yang perlu diambil oleh Pengetua berkenaan untuk menyelesaikan kes tersebut?
- Memaklumkan kes ke PPD/JPN
 - Meneruskan tindakan yang telah dibuat mengikut arahan SPP
- Soalan 6: Apakah punca kuasa yang perlu dirujuk dalam penyelesaian kes, bagi mengelakkan penglibatan tindakan mahkamah
- Akta Pelajaran 550
 - Buku Panduan Perintah Am
 - Surat Pekeliling Ikhtisas
 - *Punch card*
 - Surat tunjuk sebab
 - Kenyataan cuti



Kes 5

Nak Sekolah Ke Tak Nak?

SINOPSIS

Nadia yang telah memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan UPSR ditawarkan untuk menyambung pelajaran di SBP A. Pada awalnya, semuanya berjalan lancar tetapi apabila berakhirnya minggu orientasi, Nadia tiba-tiba berubah fikiran dan enggan meneruskan persekolahannya di sekolah itu. Perkara ini menimbulkan masalah tertutamanya kepada pihak sekolah kerana Nadia tidak menyatakan sebab-sebab dia ingin keluar manakala ibu bapanya sangat kecewa dengan keputusannya. Isu ini juga telah mengundang campur tangan banyak pihak luar hingga menjadikannya semakin kompleks.

OBJEKTIF

Pada akhir sesi ini, para peserta akan dapat:

1. Mengetahui punca masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar baharu hingga menyebabkan mereka tawar hati untuk meneruskan persekolahan di SBP.
2. Menjana idea bagi menyediakan satu program orientasi pelajar baharu yang benar-benar berkesan dan merangsang pelajar-pelajar untuk meneruskan persekolahan di SBP.
3. Mengetahui langkah-langkah pencegahan kemungkinan ada pelajar yang akan memohon keluar dari sekolah pada awal persekolahan.
4. Mematuhi pekeliling, arahan dan prosedur yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi mengelakkan timbul sebarang masalah.

KUMPULAN SASAR

- Pengetua SBP
- Guru Penolong Kanan
- Kaunselor
- Warden asrama

STRATEGI MEMIMPIN KES

Membaca kes:	10 minit
Perbincangan kumpulan :	30 minit
Pembentangan:	40 minit
Rumusan fasilitator:	20 minit

JUMLAH	100 minit
	=====

CADANGAN SOALAN

1. Dengan menggunakan kaedah tulang ikan Ishikawa, kenal pasti punca masalah pelajar-pelajar baharu di sesebuah SBP.
2. Berdasarkan kes yang dibentangkan, apakah amalan yang perlu dilakukan oleh pentadbir sekolah sebelum, semasa dan selepas pelajar mendaftarkan diri di sekolah.
3. Nyatakan kemungkinan berlakunya kelompangan semasa pentadbir dan guru-guru mengendalikan sesuatu program atau aktiviti.
4. Cadangkan langkah-langkah yang perlu diambil oleh pentadbir sekolah ketika berhadapan dengan pihak-pihak luar yang berkepentingan dan 'berkuasa' (Exco, YB, Pengarah Negeri, PPD, dan sebagainya).

ANALISIS PENYELESAIAN MASALAH

Barisan warden sekolah dan semua guru perlu memberi sepenuh kerjasama kepada Penolong Kanan serta Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dalam menangani masalah ini. Keadaan sepatutnya tidak menjadi serumit ini tetapi disebabkan campur tangan oleh pihak-pihak yang tidak begitu memahami situasi telah menjadikan perkara mudah menjadi sukar.

Pihak sekolah perlu mendokumentasikan tindakan yang dilakukan bagi memastikan Nadia tidak mengubah fikirannya dan terus kekal di sekolah ini. Segala data ini boleh ditunjukkan kepada keluarga Nadia apabila mereka datang ke sekolah. Begitu juga, laporan lengkap perlu disediakan untuk pengarah BPSBPSK, JPN dan PPD. Pihak sekolah mesti melakukan tindakan berdasarkan peraturan yang ditetapkan. Segala prosedur dipatuhi dan direkodkan termasuk rekod kaunseling dan disiplin.

Oleh sebab perkara ini sudah sampai ke pengetahuan EXCO Pelajaran Negeri, maka pihak sekolah perlu sentiasa ada hubungan dengan pegawai-pegawai berkenaan di JPN dan PPD. Semua guru mesti dimaklumkan segala perkembangan dan setiap orang mesti mempunyai jawapan yang sama dengan pentadbir sekolah apabila ditanya. Guru-guru juga diingatkan agar tidak memberi sebarang komen atau pendapat peribadi kepada pihak yang tidak berkenaan. Tindakan ini akan memberi kesan negatif serta merumitkan lagi keadaan.

Pihak sekolah juga perlu memandang campur tangan politik dalam isu ini sebagai sesuatu yang positif. Tindakan Datin Ramona ini hanya semata-mata untuk memelihara kepentingan seorang anak kampung dalam kawasannya. Beliau mungkin beranggapan bahawa ini adalah sumbangan terhadap seorang anak kampung seperti Nadia. Pihak sekolah juga tidak boleh memilih bulu dalam melakukan tindakan dan tidak melakukan tindakan sekadar untuk memuaskan hati pihak-pihak tertentu. Semua murid mesti dilayan sama rata tanpa memerlukan pembelaan orang berpengaruh. Apa yang lebih penting ialah pihak sekolah tidak perlu memberikan perhatian yang berlebihan terhadap isu ini sehingga menjejaskan murid-murid lain. Sebaliknya, pihak sekolah perlu menyedari bahawa terdapat kira-kira 600 orang murid lagi yang ingin meneruskan pelajaran yang juga memerlukan perhatian daripada pihak sekolah. Jangan kerana seorang murid yang tidak minat bersekolah, murid-murid lain terjejas.



Kes 6

Kuli, Ulam dan Lauk

SINOPSIS

Ketegasan Pengetua untuk mengeluarkan beberapa orang pelajar yang telah memukul dan membuli pelajar junior dari sistem Sekolah Berasrama Penuh telah menyebabkan bapa kepada pelajar yang dikeluarkan itu membuat aduan ke Kementerian Pendidikan Malaysia. Ekoran daripada itu, Pengarah Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti KPM telah mengarahkan pegawainya iaitu En. Abdul pergi ke sekolah bagi membuat siasatan dan mendapatkan maklumat terperinci bagi mengetahui apakah yang sebenarnya berlaku di sekolah tersebut. Dalam perbincangan antara beliau dengan Pengetua dan Penolong Kanan HEM sekolah tersebut, ada suatu yang mengejutkan telah dibangkitkan iaitu gerakan *underground* dalam kalangan pelajar-pelajar terutamanya di asrama. Pengetua memaklumkan bahawa kejadian pukul ini tiada kaitan dengan buli sebaliknya lebih kepada satu bentuk ujian ketahanan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar senior terhadap pelajar-pelajar junior. Walaupun pada zahirnya ini kelihatan seperti perlakuan membuli pelajar lemah tetapi sebenarnya pelajar-pelajar junior ini merelakan diri mereka dipukul oleh senior mereka atas sebab-sebab tertentu. Walau bagaimanapun, Pengetua menegaskan yang kes ini dilihat seperti kes buli yang membabitkan lima orang pelajar tingkatan empat memukul empat orang pelajar tingkatan dua kerana tiada bukti yang menunjukkan perkaitan kejadian ini dengan aktiviti *underground* pelajar.

OBJEKTIF

Pada akhir sesi ini, para peserta akan dapat:

1. Memahami dilema pengetua dalam membuat keputusan bagi sesuatu kes yang kritikal seperti mengeluarkan pelajar dari sekolah.
2. Memahami masalah-masalah yang dihadapi oleh Pengetua Sekolah Berasrama Penuh terutama bagi SBP *Premier*.
3. Memahami bahawa pelajar-pelajar SBP adalah pelajar-pelajar yang aktif dan kreatif yang jika tidak dibimbing dengan betul akan menimbulkan masalah pada diri dan orang lain.

KUMPULAN SASAR

- Pengetua Sekolah Berasrama Penuh
- Penolong Kanan Sekolah Berasrama Penuh
- Pegawai-pegawai Bahagian, khususnya BPSBPSK
- Kaunselor Sekolah
- Warden asrama

STRATEGI MEMIMPIN KES

Membaca kes:	20 minit
Perbincangan kumpulan :	40 minit
Pembentangan:	50 minit
Rumusan:	10 minit

JUMLAH	120 minit
---------------	------------------

CADANGAN SOALAN

1. Dengan menggunakan kaedah analisis tulang ikan Ishikawa, kenal pasti punca masalah disiplin dalam kalangan pelajar-pelajar di sekolah berasrama penuh.
2. Berdasarkan kes yang dibentangkan, apakah peranan pentadbir sekolah, guru-guru dan para warden dalam usaha untuk meningkatkan jati diri dan kualiti disiplin pelajar?
3. Cadangkan program-program yang boleh digunakan untuk menyuburkan bakat kepimpinan pelajar ke arah yang positif dan memberi manfaat untuk diri mereka sendiri, rakan-rakan dan sekolah.

ANALISIS PENYELESAIAN MASALAH

1. Sekolah Berasrama Penuh Melati adalah sebuah sekolah berasrama yang telah melahirkan ramai tokoh dalam masyarakat. Ada antara mereka yang kini sudah menjadi menteri, tokoh korporat, tokoh akademik, artis dan sebagainya. Namun begitu, di sebalik namanya yang gah itu, terdapat perkara-perkara yang tidak begitu enak didengar. Salah satu darinya ialah kewujudan kumpulan *underground* dalam kalangan murid-murid di asrama iaitu *Students' Underground Council* (SUC).


2. Banyak kejadian yang berlaku di asrama ada kaitan dengan SUC ini. Ia mempunyai organisasi tersendiri yang dibuat secara gelap kerana pihak sekolah sudah pasti tidak akan mengiktiraf kewujudan kumpulan seperti ini. Murid-murid pula sangat berahsia seolah-olah mereka mengiktiraf kumpulan ini dalam kelompok mereka. Sukar sekali untuk mendapatkan kerjasama dan maklumat daripada mereka tentang kumpulan ini. Satu sumber yang boleh dipercayai ialah bekas murid sekolah ini yang menyesal kerana pernah terjebak dengan kumpulan ini semasa belajar di sekolah ini dahulu.

3. Tidak dapat dipastikan sejak bilakah SUC ini wujud dan apakah objektif penubuhan kumpulan ini. Daripada siasatan yang dibuat, terdapat struktur organisasi dengan hierarki jawatan yang bermula dengan murid-murid tingkatan lima yang paling berpengaruh dalam kalangan mereka. Tidak semestinya murid tersebut popular dalam kalangan guru. Yang penting ialah semua murid mendengar arahan mereka yang menjadi ketua kumpulan ini.

4. Perkara ini perlu dibendung kerana lebih banyak membawa unsur negatif daripada positif. Murid-murid akan lebih menghormati kumpulan 'gelap' mereka sendiri berbanding dengan lembaga pengawas yang ditubuhkan oleh pihak sekolah secara rasmi. Mereka juga kadangkala melakukan aktiviti yang bertentangan dengan peraturan sekolah seperti istiadat menerima keahlian baharu yang menyakitkan. Mereka juga mempertahankan ahli kumpulan mereka yang melakukan kesalahan atau melanggar peraturan sekolah.

5. Pihak pentadbiran perlu menggerakkan semua unit yang berada di sekolah bagi mengatasi masalah ini seperti Unit Kaunseling, Unit Disiplin, Lembaga Pengawas, guru-guru dan malahan ibu bapa sendiri agar murid-murid yang datang ke sekolah ini tidak membuang masa dengan perkara-perkara tidak berfaedah seperti ini.

6. Pendekatan agama, kaunseling dan motivasi diyakini adalah cara yang terbaik untuk melembutkan hati murid-murid terutama mereka yang telah terlibat jauh dalam kumpulan ini. Pihak sekolah mesti melihat adakah prestasi akademik, disiplin, sukan dan kokurikulum sekolah ada kaitan dengan SUC ini. Pihak sekolah mesti selalu memberi pesanan kepada murid-murid tentang keburukan kumpulan ini. Sementara itu, pengetua juga perlu melengkapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan sewajarnya tentang kumpulan ini. Dengan cara ini, pengetua akan lebih mudah memenangi hati murid-murid atau sekurang-kurangnya membendung kejadian buruk daripada berlaku.



Kes 7

Kes Polis lagi!

SINOPSIS

Dua orang warden sekolah berasrama sedang menikmati minum petang di sebuah warung sambil membincangkan satu laporan polis terhadap salah seorang daripada mereka. Ini laporan polis yang ketiga mereka terima dalam tempoh tiga tahun menjadi warden di sekolah tersebut. Saiful memaklumkan yang dia telah dipanggil oleh Pengetua pada waktu tengah hari untuk menerangkan apakah yang sebenarnya berlaku kepada pegawai polis yang datang ke sekolah. Tindakannya menghalang pelajar-pelajarnya daripada bergaduh dengan pelajar-pelajar sekolah lain telah dimanipulasi oleh pelajar-pelajarnya sendiri hingga satu laporan polis dibuat ke atasnya. Peliknya laporan tersebut bukan dibuat oleh bapa atau penjaga pelajar yang ditamparnya sebaliknya dibuat oleh orang lain yang tidak ada kaitan dengan pelajar berkenaan. Laporan polis itu pula telah dibuat di Balai Polis Shah Alam bukan di bandar tempat sekolah itu berada atau di tempat tinggal bapa pelajar yang ditampar itu. Siapakah yang membuat laporan polis tersebut? Mengapa dia membuat laporan? Apakah niat dan tujuannya membuat laporan itu?

OBJEKTIF

Pada akhir sesi ini, para peserta akan dapat:

1. Mengetahui ciri-ciri yang boleh menimbulkan rasa kurang senang dalam kalangan pelajar dan ibu bapa.
2. Mengetahui tindakan yang boleh diambil apabila laporan polis dibuat terhadap guru.
3. Mengetahui langkah-langkah pencegahan untuk memastikan perkara ini tidak berulang lagi.

KUMPULAN SASAR

- Pengetua
- Guru Penolong Kanan
- Guru Disiplin
- Warden asrama

Kes Polis lagi!

STRATEGI MEMIMPIN KES

Membaca kes:	20 minit
Perbincangan kumpulan :	40 minit
Pembentangan:	50 minit
Rumusan:	10 minit

JUMLAH	120 minit
	=====

CADANGAN SOALAN

1. Apakah punca masalah sesetengah ibu bapa pelajar-pelajar di sekolah berasrama yang tidak berpuas hati dengan tindakan guru-guru terhadap anak mereka?
2. Berdasarkan kes yang bentangkan, apakah tindakan guru yang dianggap tidak bersesuaian dalam usahanya membendung tindak tanduk pelajar-pelajarnya?
3. Cadangkan tindakan yang sepatutnya guru tersebut lakukan bagi mengelakkan insiden ini daripada menjadi kes polis.

ANALISIS PENYELESAIAN MASALAH

1. Jangan panik dan gusar jika ada laporan polis dibuat oleh ibu bapa/penjaga pelajar terhadap guru sebaliknya beri kerjasama sepenuhnya kepada pihak polis yang menjalankan tugas mereka.
2. Cikgu Saiful memaklumkan kepada Cikgu Zamri yang satu lagi laporan polis dibuat oleh ibu bapa seorang murid terhadapnya. Kali ini laporan dibuat atas dakwaan yang Cikgu Saiful telah menampar pipi seorang murid ketika sedang menonton perlawanan bola sepak yang melibatkan murid sekolah ini.
3. Isu laporan polis yang dibuat oleh pelajar-pelajar terhadap guru adalah amat terencil. Namun begitu tidak boleh dipandang rendah kerana dikhuatiri akan berlarutan hingga ke mahkamah. Sebelum ini ada juga aduan yang hampir sama telah dibuat terhadap Cikgu Saiful namun lenyap begitu sahaja.

4. Semasa beliau menerima aduan yang pertama dahulu, Cikgu Saiful berasa takut dan risau kerana beliau tidak pernah melalui pengalaman begitu. Kali ini, beliau lebih tenang dan yakin. Tambahan lagi, beliau gembira kerana tindakan yang beliau lakukan itu telah berjaya menghalang daripada berlakunya pergaduhan antara dua kumpulan penyokong bola sepak yang sedang bermain.
5. Jika ada aduan polis yang dibuat oleh pelajar atau ibu bapa mereka terhadap guru, guru tersebut tidak perlu panik atau risau kerana ini akan lebih menambahkan masalah dan konflik. Oleh itu, beliau perlu bertenang apatah lagi kalau tindakan beliau dibuat tidak bertentangan dengan peraturan.
6. Sekiranya pihak polis meminta kita membuat aduan balas, maka buatlah dengan tenang. Pihak polis memerlukan laporan kedua-dua pihak untuk menyelidik siapakah yang sebenarnya bersalah. Seperkara lagi ialah elakkan menyentuh badan murid dengan tangan kerana dikhuatiri akan mencederakannya. Guru-guru juga perlu menampakkan dirinya dalam kalangan murid supaya mereka menyedari kehadirannya dalam kumpulan mereka.
7. Jika guru tersilap langkah atau gagal untuk mengawal emosi, dikhuatiri ada murid yang tercedera dan kes ini dibawa sehingga ke mahkamah. Implikasinya amat berat jika kes ini dibawa hingga ke mahkamah. Banyak pihak yang akan rugi jika guru yang dibicarakan tewas dalam perbicaraan iaitu sekolah, murid-murid, KPM dan guru itu sendiri.



Kes 8

Anak Saya Tidak Bersalah!

SINOPSIS

Lima orang pelajar tingkatan empat Sekolah Berasrama Penuh Melati telah memukul, menumbuk dan mencederakan empat orang pelajar tingkatan dua dari sekolah yang sama. Hasil siasatan yang telah dibuat oleh pihak sekolah, kelima-lima orang pelajar tingkatan empat itu didapati bersalah. Setelah perbincangan, mesyuarat dan 'perbicaraan' dibuat dengan jawatankuasa disiplin serta ibu bapa pelajar-pelajar yang terlibat, pengetua telah membuat keputusan untuk mengeluarkan kesemua pelajar tingkatan empat yang berkenaan. Salah seorang bapa kepada pelajar tingkatan empat membantah keputusan pengetua dan berkeras untuk mengekalkan anaknya di sekolah tersebut. Pengetua tetap dengan pendiriannya berdasarkan prinsip yang dipegangnya sejak mula datang ke sekolah ini iaitu *'touch n go; if you touch, you go!'* Bapa pelajar yang membantah itu telah menggunakan beberapa cara untuk mencapai matlamatnya; antara ialah menghubungi setiausaha sulit Menteri Pelajaran, mengasak sekolah, mengugut akan membawa kes ini ke mahkamah (melantik peguam) serta mempengaruhi ibu bapa empat orang pelajar lagi untuk sama-sama membantah keputusan sekolah.

OBJEKTIF

Pada akhir sesi ini, para peserta akan dapat:

1. Memahami dan mematuhi sepenuhnya prosedur tindakan yang telah ditetapkan oleh KPM apabila hendak menangani masalah pelajar dipukul atau dikasari oleh pelajar lain.
2. Memaklumkan kepada pihak atasan dengan segera jika berlaku sebarang kejadian memukul dalam kalangan pelajar.
3. Menyediakan laporan lengkap yang berkaitan dengan kronologi kejadian, tindakan dan semua yang berkaitan dengan siasatan dan serta pengakuan pelajar-pelajar yang terlibat.
4. Memaklumkan ibu bapa pelajar-pelajar yang terlibat.

Anak Saya Tidak Bersalah!

KUMPULAN SASAR

- Pengetua
- Guru Penolong Kanan
- Setiausaha Disiplin
- Warden Asrama

STRATEGI MEMIMPIN KES

Membaca kes:	15 minit
Perbincangan kumpulan :	30 minit
Pembentangan:	40 minit
Rumusan:	15 minit

JUMLAH	120 minit
---------------	------------------


CADANGAN SOALAN

1. Apakah yang menyebabkan berlakunya kejadian pelajar memukul atau membuli secara fizikal pelajar lain di asrama?
2. Senaraikan masalah yang dihadapi oleh pihak sekolah ketika berhadapan dengan ibu bapa/penjaga pelajar yang tidak bersetuju dengan keputusan sekolah.
3. Berdasarkan kes ini, apakah tindakan yang perlu diambil oleh pengetua agar kes ini tidak berlarutan?
4. Cadangkan tindakan yang mesti dilakukan sebagai langkah pencegahan awal pihak sekolah bagi mencegah daripada berlakunya kejadian memukul dan membuli di asrama.

ANALISIS PENYELESAIAN MASALAH

1. Kes buli boleh dikategorikan kes juvana. Kajian mendapati kes buli meningkat satu peratus daripada lima juta pelajar di seluruh negara. Walaupun angka ini kecil tetapi gejala ini harus dibendung agar tidak menular menjadi kes jenayah yang lebih berat apabila dewasa kelak. Kalau melentur buluh biarlah dari rebungunya. Beberapa cara penyelesaian boleh diambil seperti kempen 'Anti-buli,' mewujudkan hotline anti-buli peringkat sekolah, memantapkan peranan warden asrama bersama kaunselor sekolah, dan sebagainya.

2. Dalam kes ini, Pengetua telah mewujudkan polisi *Touch N Go (If you touch, you go!)* dan mewara-warakan kepada murid-murid dan ibu bapa, iaitu murid-murid yang terbukti bersalah kerana memukul murid-murid lain akan digugurkan namanya dari sekolah berasrama penuh. Sebagai langkah untuk membudayakan dasar ini, Pengetua perlu sering memperingatkan perkara ini berulang kali ketika perhimpunan rasmi sekolah, semasa mesyuarat agung PIBG dan setiap perjumpaan dengan ibu bapa, guru-guru, murid-murid serta alumni menyedari peruntukkan yang diberikan bagi setiap murid di asrama penuh adalah besar dan amat merugikan sekiranya tingkah laku yang kurang sihat ini berleluasa. Sosial kontrak ini hendaklah ditandatangani oleh kedua-dua pelajar dan ibu bapa pelajar pada minggu orientasi di awal persekolahan. Sosial kontrak ini hendaklah diperbaharui pada setiap tahun.
3. Pada peringkat pelaksanaan, Pengetua harus berani membuat keputusan dan berpegang kepada prinsipnya sekalipun mengundang rasa tidak senang pada ibu bapa pelajar-pelajar yang terlibat. Umpamanya, pelajar yang terbukti bersalah kerana mencederakan pelajar-pelajar lain, walau pun setelah diberi nasihat, amaran dan meminta surat tunjuk sebab, mestilah dikeluarkan dari sekolah berasrama penuh.
4. Pengetua hendaklah memastikan prosedur tindakan dipatuhi sepenuhnya serta langkah-langkah pencegahan juga telah dilakukan. Oleh itu, beliau tidak perlu takut akan ugutan ibu bapa.



Kes 9

Mana *Hand Phone* Anak Saya?

SINOPSIS

Puan Salmiah telah datang ke Sekolah Berasrama Berlian untuk menuntut kembali telefon bimbit anaknya yang telah dirampas oleh salah seorang warden asrama kira-kira sebulan yang lalu. Memandangkan pengetua waktu itu tiada di sekolah, maka Puan Salmiah telah dilayan oleh En. Sarbini, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid sekolah tersebut. Selari dengan arahan KPM, pelajar-pelajar tidak dibenarkan membawa dan menggunakan telefon bimbit di sekolah dan di asrama. Telefon bimbit pelajar-pelajar Sekolah Berasrama Berlian akan dirampas oleh guru disiplin dan warden jika ditemui sama ada di sekolah atau di asrama. Pengetua telah menetapkan satu dasar iaitu telefon bimbit yang dirampas hanya akan dipulangkan pada hujung tahun iaitu sebelum cuti persekolahan penggal kedua bermula. Telefon tersebut tidak akan dipulangkan kepada pelajar-pelajar sebaliknya akan diserahkan kepada waris. Oleh itu, hanya waris pelajar yang dibenarkan untuk menuntut kembali telefon mereka. Kedatangan Puan Salmiah ke Sekolah Berasrama Berlian adalah sia-sia kerana gagal mendapatkan kembali telefon bimbit anaknya yang ada dalam simpanan sekolah.

OBJEKTIF

Pada akhir sesi ini, para peserta akan dapat:

1. Mengenal pasti kesan-kesan negatif yang boleh timbul jika pelajar-pelajar dibenarkan membawa dan menggunakan telefon bimbit di sekolah dan di asrama.
2. Menyatakan kebaikan-kebaikan telefon bimbit bagi seseorang pelajar yang tinggal di asrama.
3. Mengetahui langkah-langkah yang patut diambil bagi mengelakkan perselisihan faham antara guru-guru dan ibu bapa pelajar berkaitan telefon bimbit yang dirampas.
4. Menyatakan mekanisme yang terbaik dalam usaha untuk memastikan arahan menggunakan telefon bimbit di sekolah dan asrama dipatuhi.

KUMPULAN SASAR

- Pengetua
- Penolong-penolong Kanan
- Para warden asrama
- Guru-guru
- PIBG

Mana Hand Phone Anak Saya?

STRATEGI MEMIMPIN KES

Membaca kes:	15 minit
Perbincangan kumpulan:	30 minit
Pembentangan:	40 minit
Rumusan:	15 minit
JUMLAH	100 minit

CADANGAN SOALAN

1. Memahami dilema Pengetua ketika berhadapan dengan ibu bapa yang tidak mahu akur dengan peraturan sekolah.
2. Pada fikiran anda, apakah yang menyebabkan Puan Salmiah datang ke sekolah untuk menuntut telefon bimbit anaknya yang telah dirampas warden?
3. Adakah anda berpendapat yang pihak sekolah perlu mendengar dan melayan kehendak Puan Salmiah?

ANALISIS PENYELESAIAN MASALAH

1. Pihak pengurusan perlu memaklumkan kepada para pelajar dan ibu bapa mereka secara lisan atau bertulis tentang larangan membawa telefon bimbit ke sekolah dan asrama. Perkara ini perlu dihebahkan dan diwara-warakan menggunakan semua medium yang ada seperti semasa perhimpunan rasmi, dalam mesyuarat agung PIBG, menampalkan notis pada papan kenyataan, surat rasmi kepada ibu bapa, dalam blog/portal sekolah dan sebagainya.
2. Pihak sekolah juga perlu memperincikan tindakan terhadap para pelajar yang membawa telefon bimbit dalam kawasan sekolah dan asrama. Semua prosedur tindakan perlu diperincikan agar tidak timbul isu suatu hari nanti. Setiap telefon yang dirampas perlu direkodkan, dilabelkan, dimasukkan ke dalam plastik dan dimaklumkan kepada ibu bapa. Kaedah pemulangan telefon bimbit yang dirampas terpulang kepada keputusan pihak sekolah iaitu sama ada dipulangkan pada akhir tahun kepada waris murid atau sebagainya.
3. Apa yang penting ialah, peraturan perlu ditegakkan dan arahan mesti dipatuhi. Setiap orang tidak terlepas daripada dikenakan tindakan sekiranya terbukti melakukan kesalahan.



RUJUKAN

- Barab, S., & Duffy, T. (2000). In D. H. Jonassen & S. M. Land (Eds.). *Theoretical foundations of learning environments* (pp. 25-26). Ohio: Merrill Prentice Hall.
- Ertmer, P. A. (2005). *The ID Casebook: Case studies in instructional design* (2nd. Ed.). Ohio: Merrill Prentice Hall.
- Einsiedel, Jr. & Alber, A. (1995). Case Studies: Indispensable tool for trainers. *Training & Development*. Vol. 49(8), pp. 50-54.
- Ejigiri, D. & Tarver, L. (1994). In Support of the case method of teaching for excellence and training in the public sector. *Education*. Vol. 115(1), pp. 46-50.
- Garner, D. D. (2000). The continuing vitality of the case method in the twenty-first century. *Brigham Young University Education & Law Journal*, No. 2, pp. 307-346.
- Galloway, D. (1976). *Case studies in classroom management*. London: Longman Group Limited.
- Gibson, J. T. (1998). Discussion teaching through case methods. *Education*. Vol. 118(3), pp. 345- 349.
- Harchand Singh Thandi & Siti Maimon Kamso Wan Rafaei. (1989). *Case writing: A guide*. Selangor: Pelanduk Publication.
- William, E. (2007). *The Case Study Handbook: How to Read, Discuss and Write Persuasively About Cases*. Massachusetts, USA: Harvard Business Press.

